



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN ^{KELAPAN}
Eighth Parliament

PENGGAL ^{KEDUA}
Second *Session*

Jilid-II Bil. 8

Hari Khamis

4hb Jun, 1992

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Ruangan 1)
RAHG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (pindaan)	(Ruangan 37)
Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan)	(Ruangan 79)
Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan)(No.2)	(Ruangan 109)
Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (pindaan)	(Ruangan 111)
USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan	(Ruangan 36)

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 4hb Jun, 1992

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN KULOT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Neo Tuan Cheng.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-pertua, soalan No. 1.

INDUSTRI NANAS DI JOHOR - GALAKAN

1. **Tuan Mustafa bin Awang [di bawah 5.0.23(2)]** minta *Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah Kementerian bercadang menggalakkan tanaman nanas di Johor memandangkan pasaran nanas luar negeri yang begitu baik dan permintaan yang begitu hebat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Tuan Hohd. Shariif bin Haji Omar: Tuan Yang di-pertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Kementerian Perusahaan Utama.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian ini memanglah berhasrat untuk meneruskan usaha meningkatkan penanaman nanas ke seluruh negara terutamanya di negeri Johor Darul Takzim, memandangkan negeri ini mempunyai infrastruktur dan pengalaman yang luas dalam memaju dan membangunkan industri ini. pada masa ini terdapat tiga buah kilang besar dan sebuah kilang kecil nanas serta keadaan tanah yang sesuai bagi maksud tanaman nanas.

Oalam Rancangan Malaysia Keenam, program pembangunan industri nanas banyak ditumpukan di negeri Johor, Dalam hubungan ini, pihak pergilang nanas dengan bantuan Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia sedang berusaha untuk mendapatkan tanah yang sesuai di negeri berkenaan bagi menambahkan pengeluaran buah nanas dan seterusnya meningkatkan pengeluaran nanas kaling untuk dipasarkan di dalam dan di luar negeri.

Walau bagaimanapun, memandangkan kawasan tanaman nanas di negeri ini adalah terhad, pihak Lembaga Perusahaan Nanas Malaysia telah membuat rancangan untuk mengembangkan industri nanas ini ke negeri-negeri lain seperti negeri-negeri Terengganu, Selangor, Perak dan Sarawak.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, negeri Sarawak telah memperuntukkan tanah seluas 10,000 ekar untuk dimajukan, sebagai ladang nanas dan mendirikan kilang hasil kerjasama di antara SEDC Sarawak dan FIMA. Insya Allah, dengan kedudukan pasaran antarabangsa bagi nanas kaling yang menggalakkan pada masa ini, industri nanas mempunyai prospek yang baik pada masa hadapan.

Puan Hajah Habidah binti Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk menggalakkan rakyat menanam nanas bukan hanya di Johor sahaja, tidakkah Kerajaan bercadang untuk membawa masuk benih-benih nanas dari Indonesia yang termasyhur manisnya, atau adakah hanya di Brastagi, Indonesia sahaja yang sesuai dan manis?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan. Yang di-Pertua, nanas-nanas di Malaysia pun cukup manis. Jadi, kita tak payah import klon daripada negara-negara luar.

Tuan Dahalan bin Haji Embun; Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu mengenai skim subsidi untuk tanaman nanas. Adakah ini meliputi syarikat-syarikat dan apakah kelayakan untuk mendapat faedah tersebut?

Tuan Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua,

berhubung dengan subsidi untuk tanaman nanas, subsidi hanya dikeluarkan kepada pekebun kecil sahaja dengan bantuan sebanyak \$1,729 sehektar. Jadi, bantuan sekaili sahaja pada masa mula dia menanam.

Jadi, selain daripada subsidi bantuan tanaman semula nanas, pihak Kementerian juga mengeluarkan subsidi 'baja separuh harga. Subsidi yang diberikan adalah bernilai sebanyak \$120 sehektar.

JUALAN MURAH - PENIPUAN PENIAGA

2. **Tuan Syed Abdul Hamid Sagaff** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan berapa ramai peniaga-peniaga yang telah diambil tindakan:

- (a) tidak mempamerkan tanda harga barangan; dan
- (b) penipuan terhadap "Jualan Murah".

Setlusaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [**Dr. Sak. Cheng Lum**]: Tuan Yang di-Pertua sejak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ditubuhkan iaitu pada 27hb Okcober 1990 hingga 30hb April, 1992. seramai 1,705 peniaga telah diambil tindakan undang-undang atas kesalahan tidak merapamerkan tanda harga ke atas barang-barang yang dijual secara runcit.

Bilangan peniaga yang diambil tindakan undang-undang berhubung dengan kesalahan.jualan murah pula ialah seramai 173 orang.

Tuan Shuib bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar, tanda harga barang itu diletakkan tetapi terlampau mahal daripada harga yang sebenarnya. Adakah ini satu kesalahan?

Dr. Sak. Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, selain dari barangan perlu atau essential items, dengan izin, yang di bawah Jadual, barangan-barangan lain harganya adalah mengikut harga pasaran. Dan di dalam negara kita ini yang mana kita mengamalkan sistem pasaran terbuka atau, dengan izin, open market economy maka harga-harga barangan pada keseluruhannya dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti supply and demand, dengan izin, atau permintaan dan bekalan. Tetapi apa yang diperlukan atau diwajibkan di bawah Akta atau Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit) 1977 adalah sebanyak 111 jenis barangan perlu diletakkan dengan tanda harga. Itu sahaja apa yang diwajibkan terhadap para peniaga di bawah Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual Runcit).

DN.4.6.92

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, walaupun soalan ini terkeluar sedikit dari soalan asal tetapi demi kepentingan orang ramai saya ingin tahu daripada

Tuan Yang di-Pertua: Kalau terkeluar tidak bolehlah.

Tuan C. Krishnan: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan ini berkaitan dengan soalan asal. Apakah kaedah-kaedah yang talahpun ditentukan oleh Kementerian terhadap mempamerkan tarikh luput ataupun tarikh terakhir untuk menggunakan barang-barang makanan?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan itu terkeluar sedikit dari soalan asas saya juga cuba menjawab sedikit, apa yang saya boleh jawab.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Perintah Kawalan Harga (Pelabelan), oleh pengilang, pengimport dan pengeluar atau penjual borong, mecaja juga harus meletakkan--pelabelan berkenaan pihak pengimport atau pihak pengeluar dan juga negara-negara dari mana barang-barang itu di import. Berkenaan- dengan penandaan shelf life, sesuatu barang makanan, memang ada peruntukan yang mana barang-barang makanan diwajibkan untuk ditandakan tarikh shelf life itu dan jikalau ada mereka yang menjual barang-barang yang mana shelf life pun telah tamat, di sini saya ingin maklumkan bahawa tujuan untuk mengadakan penandaan tarikh shelf life barangan itu adalah untuk memberi peluang kepada para pengguna atau pembeli untuk menyemak dan menentukan bahawa mereka tidak membeli sesuatu barangan yang telah shelf Life itu.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagaimana Kementerian mengawal pekedai-pekedai ataupun peniaga-peniaga supaya tidak ada penyelewengan dalam jualan murah kerana didapati bahawa banyak kedai-kedai mengiklankan jualan murah itu sehingga sepanjang tahun?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, jualan murah dikawal di bawah Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah) 1987, yang telah dilaksanakan mulai 1hb Januari, 1988. Mengikut kehendak-kehendak di bawah Peraturan-peraturan Perihal Dagangan (Harga Jualan Murah), pada masa sekarang, mereka yang ingin menjalankan jualan murah perlu menghantar atau memberi notis kepada Kementerian. Mereka yang hendak menjalankan jualan murah kurang dari lima hari, hanya diperlukan untuk menghantar notis dalam masa 24 jam (24 hour notice).

Mereka yang hendak menjalankan jualan murah dari tempoh masa lima hari hingga 30 hari diperlukan untuk memberi notis 30 hari sebelum jualan ,murah itu dijalankan, Pemberian notis ini diberi melalui- borang-borang yang disediakan, dalam borang itu harus disebut jenis-jenis barangan yang akan ditawarkan dalam jualan **itu**. Yang kedua, harga tawaran dan juga harga sebelum tawaran, harus juga disebut. Dan juga tempoh masa yang mana jualan itu akan bermula dan tamat.

Tuan Mustafa bin Awang: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan untuk ditujukan kepada Setiausaha Parlimen ini. Apakah

Kementerian mengetahui harga barang-barang di kilang dan harga barang pemborong dan waktu hendak jual runcit? Dan apakah ada garis panduan apabila pekedai-pekedai iai hendak meletakkan tanda harga berapa peratus keuntungan harus diambil daripada harga tersebut ataupun dibiarkan begitu sahaja?

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebut tadi, selain dari harga barang-barang perlu atau essential items yang di bawah Jadual, harga barang-barang yang lain-lain diletak mengikut dengan izin, market forces atau pada keseluruhannya harga-harga sesuatu barangan. adalah dipengaruhi oleh faktor bekalan dan-permintaan.

TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1994 - KEMPEN MELALUI "ROAD SHOW"

3. Tuan Rahim bin Baba minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjelaskan:-

- (a)' bagaimanakah sambutan para pelancong terhadap Tahun Melawat ASEAN yang celah dilancarkan pada awal tahun ini;
- (b) apakah pihak Kementerian bercadang mengadakan kempen di luar negeri melalui "Road Show" bagi menjayakan Tahun Melawat Malaysia pada tahun 1994; dan
- c) apakah perancangan pihak Kementerian bagi menyedarkan rakyat mengenai Tahun Melawat Malaysia 1994.

Setiausaha Parlimen' Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato¹ Abdul Raman bin Suliman): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Adalah terlalu awal untuk menilai sambutan para pelancong terhadap Tahun Melawat ASEAN 1992 yang telah dilancarkan pada awal tahun ini. Angka-angka sebenar bagi lain-lain negara ASEAN belum dapat diperolehi. Walau bagaimanapun bagi Malaysia, bilangan para, pelancong yang tiba untuk 4 bulan tahun ini bagi Semenanjung Malaysia adalah seramai 1,673,700 orang berbanding dengan masa yang sama pada tahun 1991 adalah seramai 1,688,390 orang.
- (b) Di dalam usaha menjayakan Tahun Melawat Malaysia 1994, Kementerian ini melalui Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia telah merancang berbagai-bagai aktiviti promosi luar negeri. "Road Show" merupakan sebahagian dari aktiviti-aktiviti promosi ini. Aktiviti ini akan diadakan di bandar-bandar utama negara-negara pasaran-pasaran luar negeri yang berpotensi seperti negara-negara ASEAN, Asia, Eropah dan Amerika Syarikat.
- (c) Di dalam usaha untuk menyedarkan rakyat mengenai pelancongan, khususnya Tahun Melawat Malaysia 1994, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan melalui kerjasama daripada beberapa pihak tertentu, khususnya Kementerian Penerangan (TV dan Radio) dan media cetak akan mengatitkan beberapa program publisitt melalui:-

- (i) Penayangan filem-filem, rencana, video clip, slaid, pembinaan "billboard", poster-poster, risalah-risalah dan bahan-bahan publisiti lain. mengenai destinasi-destinasi pelancongan dan acara-acara/aktiviti-aktiviti yang akan diadakari sepanjang Tahun Melawat Malaysia 1994.
- (ii) Menganjurkan majlis-majlis temuramah, perbincangan, forum, sidang-sidang akhbar dan pengeluaran "suppleraenc".
- (iii) Mengatur dan mengadakan majlis-majlis dialog/ceramah penerangan di mana perlu dengan pihak-pihak tertentu.
- (iv) Mengadakan prograin-program latihan, ceramah dan khidraat nasihat mengenai pelancongan', khususaya kepada kakitangan 'Kumpulan Hadapan* di dalara industri pelancongan.
- v) Bagi tujuan menggalakkan rakyat/orang ramai melancong di Tahun Melawat Malaysia 1994 itu, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan memancing untuk mendapatkan kerjasama daripada pihak-pihak yang terlibat di dalam industri pelancongan untuk melaksanakan beberapa strategi berupa insentif ke arah meningkatkan 'Domestic Tourism' seperti menawarkan harga-harga istimewa bagi perjalanan dan penginapan ke tempat-tempat pelancongan dalam negeri.

Tuan Ho Cheng Wang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari pengalaman yang kita dapat dalam Tahun Melawat Malaysia 1990 kita terdapat beberapa hotel dengan cara sesuka hati menaikkan harga biliknya untuk mendapat keuntungan yang tinggi. Mungkin ini satu tindakan yang tidak bijak sebab ini akan menakutkan atau beri satu

imej yang tidak baik kepada pelancong-pelancong dari luar negeri. Oleh sebab itu, adakah Kementerian bercadang atau mempunyai apa-apa langkah atau apa-apa kuasa untuk mencegah atau mengawal harga-harga bilik hotel itu pada masa yang akan datang?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita melancarkan Tahun Melawat Malaysia memang dari segi penginapan di hotel-hotel agak runcing di bawah paras yang baik untuk dilaksanakan bagi pihak hotel-hotel yang berkenaan. Walau bagaimanapun, setelah Kerajaan menubuhkan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dan kita juga telah melancarkan Tahun Melawat Malaysia 1990, kedatangan pelancong-pelancong araatlah menggalakkan. Saya tidak menafikan bahawa terdapat segelintir, saya ingin maklumkan segelincir pengusaha-pengusaha hotel telah menaikkan kadar penginapan hotel yang agak tidak munasabah. Walau bagaimanapun, Kementerian telah menjemput pihak-pihak pengusaha hotel mengadakan perbincangan dan dialog dari semasa ke semasa menerangkan bahawa untuk jangka panjang adalah baik bagi mereka tidak menaikkan sewa hotel dengan sewenang-wenangnya kerana Kerajaan begitu serius ingin menarik pelancong-pelancong datang melawat ke Malaysia. Walau bagaimanapun, penginapan hotel sebenarnya bergantung kepada demand and supply. Jadi terdapat pihak-pihak hotel yang menaikkan kadar hotel, tetapi juga munasabah.

Walaupun bagaimanapun, saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat yang bercanya, walaupun kenaikan kadar hotel yang dimaksudkan itu tetapi dari segi perbandingan dengan hotel-hotel di negara-negara lain, khususnya di Asia ini, kadar yang dikenakan oleh hotel-hotel di Malaysia masih lagi rendah dengan kadar-kadar hotel di

negara-negara lain jika dibandingkan dari segi "star", umpamanya "five star" dengan "five star", "three star" dengan "three star" hotel di kalangan negara-negara Asia ini.

Di samping itu, untuk langkah jangka panjang Kementerian juga mengadakan peruntukan. dan akan memberi insentif kepada pihak-pihak yang ingin membangunkan hotel melalui insentif-insentif tertentu yang telah diperuntukkan. oleh Kerajaan. Kita juga telah mengadakan satu peruntukan yang agak besar untuk pembinaan hotel-hotel sederhana di mana Kerajaan telah meraperuntukkan lebih kurang \$120 juta untuk tujuan perabinaan hotel-hotel sederhana dan hanya insya Allah, jika mengikut jadual sudah tentu kita hendak supaya hotel-hotel ini diselesaikan sebelum hujung tahun 1993 yang akan datang. Di samping itu, kita juga menggalakkan pihak-pihak swasta untuk membangunkan hotel-hotel bertaraf sederhana ini supaya dapat menampung pelancong-pelancong yang datang ke negara kita disebabkan oleh kemahuan pelancong-pelancong. untuk datang ke Malaysia hasil daripada promosi dan penggalakan yang dibuat oleh Kerajaan untuk memperkenalkan Malaysia kepada pelancong-pelancong luar negeri khususnya.

Tuan Haji Shuib bin Syawal: Tuan Yang di-Pertua, apakah ada ataupun tidak pada pandangan Kerajaan, ada di antara pelancong-pelancong yang melancong ke negara ini. atas dasar pelancongan tetapi telah melibatkan diri di dalam bidang pelacuran. .Jika ada, apakah langkah Kerajaan yang telah ataupun yang akan diambil?

Dato' Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menggalakkan

pelancong-perancong datang ke Malaysia dengan tujuan melancong dan berkelakuan baik. Tetapi kalau ada mereka yang berkelakuan tidak senonoh, ia adalah tanggungjawab Kementerian dalam Negeri.

Tuan Johan B.O.T. Ghani: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana negara kita dijangka akan menerima ramai pelancong dari negara German, Jepun, Perancis dan Amerika, apakah Kementerian bercadang untuk mengadakan kursus bahasa bagi negara-negara yang disebutkan di atas kepada pemandu-pemandu teksi, pemandu-pemandu pelancong, pekerja-pekerja hotel dan juga pekerja-pekerja di lapangan terbang?

Dato* Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, memang bagi pemandu-pemandu pelancong kita juga mengadakan kursus-kursus di dalam beberapa bahasa, bukan sahaja bahasa German, bahasa Perancis, bahasa Jepun, tetapi juga termasuk bahasa Arab, bahasa Mandarin. dan juga beberapa bahasa yang lain lagi.. Bagi pemandu-pemandu teksi, setakat ini untuk makluman Yang Berhormat, kita tidaklah mengadakan kursus-kursus tersebut tetapi saya difaharokan bahawa persatuan teksi yang berkenaan ada menggalakkan supaya ahli-ahlinya belajar bahasa-bahasa terutamanya bahasa Inggeris yang menjadi percakapan antarabangsa.

KRITERIA KENDERAAN JENIS VAN

4. **Tuan Rosli bin Hajl Siput** minta Menteri Kewangan menyatakan:-
- (a) apakah kriteria dalam menentukan kenderaan jenis van; dan
 - (b) adakah kenderaan yang dikategorikan sebagai kenderaan jenis van oleh negara pengekspat di mana selaras dengan Akta Kastam Antarabangsa seperti kenderaan dengan No. Kod Perjenisan 870333221 juga dalam kategori yang sama dalam Akta Kastam Malaysia. Jika tidak, apakah justifikasi untuk pihak Kementerian berbuat demikian.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Loke Yuen Yow]: Tuan Yang di-Pertua, kriteria-kriteria yang dicetapkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais DiRaja Malaysia di dalam menentukan kenderaan jenis van adalah seperti berikut:-

- (i) pintu di bahagian hadapan (gap pemandu) adalah dari jenis berensel, manakala di belakang ataupun tepi adalah dari jenis gelunsur;
- (ii)** tingkap di bahagian hadapan gap pemandu) adalah dari jenis winding, manakala di belakang biasanya adalah dari jenis gelunsur;
- (iii) kedudukan enjin biasanya di bawah pemandu ataupun penumpang hadapan;
- (iv)** extended gap dari peraandu dan penumpang - kebuk;
- (v) ruang barangan (boot compartenc) bersekali dengan pemandu dan penumpang; dan
- (vi)** seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Kastam.

Nombor Kod Perjenisan 870333221 mengikut Kod Tarif Kastam adalah ditakrifkan sebagai 'Four-Wheel Drive Vehicles other Chan Van, Station Wagon and Motorcar dan bukannya sebagai **Van**. Kod tersebut tidak selaras dengan Akta Kastam Antarabangsa kecuali Kod Tarif 870333 yang tertakluk dengan harmonise system yang ditetapkan di Custom Cooperative Council (CCC) di Brussels, Belgium pada tahun 1988.

pada 25hb Januari tahun iui, struktur tarif bagi Nombor Kepala 8703 telah dipinda di mana sub kepala bagi 2 purpose vehicles telah digantikan dengan four-wheel drive vehicles other than vans station wagons and motorcars manakala sub kepala bagi passenger motor vehicles with seats for seven persons, but not more than nine persons including the driver telah digantikan dengan van. Langkah ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mengkaji semula dan neuyelaraskan struktur duti ke atas kenderaan 2 purpose dan kenderaan penumpang iaitu sesuai dengan perkembangan semasa mengenai kenderaan-kenderaan bermotor di dalam negara kita ini.

Tuan Isli bin Haji Siput: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membuat satu soalan tambahan. Saya sangat berpuas hati atas jawapan Timbalan Menteri Kewangan berkenaan dengan perkara soalan asal tadi adalah satu isu yang agak hangat satu ketika dahulu. . . .

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, apa soalnya?

Tuan Isli bin Haji Siput: Soalan saya, apakah Kementerian sedar bahawa, the duty vehicle four-by-four ini adalah sama rata, tetapi pembayaran yang diterima oleh setengah-setengah negeri kita di Malaysia seperti Sabah, Sarawak dan Semenanjung adalah sedikit berbeza kerana saya dapat tahu bahawa di Sabah lebih bayarannya daripada Sarawak. Adakah Kerajaan sedar atau tidak?

Dato Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang pasti jenis motor yang dikatakan, four wheel drivekah atau apa?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ulangi?

Dato* Loke Yuen Yow: Tolong ulangi soalan itu fasal ini teknikalsedikit.

Tuaa Isli bia Haji Siput: Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apakah Kementerian sedar bahawa kenderaan jenis four-by-four iaitu biasanya yang diimport daripada Jepun (Toyota Land Cruiser) ada perbezaan pembayaran duti kastam, tetapi bukan dari pada segi duti yang telah ditarifkan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, biasanya tidak ada perbezaan mengenai import duti ataupun sales tax ataupun excise duty yang dikenakan ke atas four-wheel drive yang diimport. Kemungkinan apa yang telah terjadi ialah vehicles ataupun motor-motor yang dikacakan oleh Yang Berhormat iaitu four-wheel drive vehicles ada sedikit perbezaan dari segi motor itu yang diimport ke dalam negara kita ini, iaitu kalau four-wheel drive motor itu diimport sebagai CKD (Completely Knock-Down), import duty adalah 5%. Jika CBU (Completely Built-up Vehicle) adalah 50%. Dari segi sales tax, tidak ada perbezaan CKD ataupun CBU dan untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, excise duty yang dibayar untuk four-wheel drive ialah 45%. Saya anggap perbezaan itu adalah sedikit atas CKD ataupun CBU, tetapi motorcars yang diimport ke negeri Sabah, Sarawak, Semenanjung dan sebagainya adalah sama dari segi struktur duti yang dikenakan atas vehicle itu.

"ALKALOID" DAH 'FLAVINOID' - PEHGHASILAN SEBATIAN

5. **Tuan K. Hunisamy** minta Menteri Kesihatan menyatakan sejauh mana penyelidikan perubatan telah berjaya menghasilkan "Alkaloids dan/atau flavinoids" daripada tumbuh-tumbuhan di Malaysia.

Timbalan Menteri Kesihatan [Tuan Mohamed Farid bin Ariffin]:

Tuan Yang di-Pertua, penyelidikan perubatan yang melibatkan penghasilan sebatian yang aktif termasuk ubat-ubatan dari padatumbuhan tumbuhan telahpun berjalan dengan aktifnya di universiti-universiti tempatan khususnya QKM, USM, UM dan UPM selama lebih kurang 9 tahun yang lalu. Kumpulan ini telahpun mendapat sokongan kewangan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dalam Rancangan Malaysia Keenam ini.

Setiap kumpulan mempunyai penekanan yang berlainan tetapi semuanya mempunyai matlamat yang sama iaitu untuk menghasilkan sebatian yang aktif yang boleh digunakan dalam bidang perubatan makanan, pewarna dan Lain-lain. Alkaloid dan flavinoid adalah di antara beberapa kelas sebatian yang dikaji.

Penyelidik-penyelidik berkenaan telahpun banyak menghasilkan 'alkaloid' daripada tumbuh-tumbuhan tempatan setengah-setengahnya yang baru, iaitu novel. Di antara alkaloid yang telahpun berjaya dihasilkan didapati berpotensi sebagai antihama dari menyakit sebagai contoh dan antibarah daripada Tongkat Ali. Penghasilan flavinoid tidaklah begitu banyak berbanding - dengan alkaloid. Beberapa flavinoid yang diperolehi, berpotensi sebagai anti-serangga ataupun insecticide.

Walau bagaimanapun, penghasilan sebatian aktif tersebut daripada tumbuhan yang dikaji adalah terhad ataupun sedikit sahaja dan kajian sedang dijalankan bagi menambahkan pengeluarannya, sebagai contoh melalui kultur tisu ataupun tissue culture. Sebagai contoh,

kita dapati bahawa pokok-pokok Tongkat Ali makin pupus dan walau bagaimanapun, seorang Biotechnologist telahpun berjaya membuat penyelidikan dan menghasilkan tissue culture Tongkat Ali.

Banyak penerbitan mengenainya telahpun dihasilkan dan maklumat terperinci terdapat ataupun boleh diperolehi daripada 'Asian Pasific Information Network on Medical and Aromatic plants' yang berpusat di UKM.

PROMOSI PELANCONGAN - AKTIYITI

6. **Tuan Ding Seling** minta Menteri Kebudayaan, Kesesuaian dan Perlancongan **menyatakan:**

- (a) sama ada benar bahawa promosi pelancongan kita khususnya dari negeri Sarawak tidak begitu berkesan di luar negeri memandangkan hanya 300,000 sahaja pelancong pergi ke Sarawak dalam Tahun Melawat. Malaysia 1990, pada hal lebih dari 7 juta ke Semenanjung; dan
- b) apakah langkah-langkah seterusnya yang akan diambil untuk menentukan promosi-promosi pelancongan kita berkesan bagi semua wilayah negara kita.

Dato Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Sukalah saya cerangkan di 3 tui bahawa Kemencerian dan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) telah mengadakan pelbagai promosi bukau sihaja untuk negeri Sairawak, tetapi untuk seluruh Malaysia. Promosi yang dijalankan telah dirangka berdasarkan kriteria-kriteria yang telah dikenalpasti.

Perangkaan yang menyatakan jumlah ketibaan pelancong ke Sarawak seramai 298,130 orang berbanding dengan jumlah ketibaan keseluruhan pelancong ke Malaysia seramai 7.4 juta orang bagi Tahun Melawat Malaysia 1990 itu adalah benar, Bagaimanapun, perangkaan tersebut adalah satu peningkatan bila dibandingkan dengan jumlah ketibaan pelancong ke Sarawak bagi tahun sebelumnya, iaitu tahun 1989 seramai 238,197 orang. Ini menunjukkan pertambahan sebanyak 25%.

(b) Kementerian dan semua Kerajaan-kerajaan, Negeri telah bekerjasama dalam segala aspek termasuk usaha memberi promosi bagi semua negeri di Malaysia. Antaranya Kementerian melalui LPPM dan Kerajaan-kerajaan Negeri telah mengadakan pelbagai aktiviti bagi tujuan promosi iaitu:-

(i) Menganjur pesta-pesta dan pertunjukan-pertunjukan untuk memaklumkan dan menarik minat pelancong-pelancong ke tempat-tempat tarikan pelancong dan juga menonjolkan persembahan kebudayaan tradisional tempatan dan sebagainya.

(ii) Program 'Make IC Malaysia' di mana dalam program yang dirangka kita memasukkan tempat-tempat menarik di Negeri-negeri yang

mempunyai daya tarikan pelancoug untuk dilawati.

Agen-agen dari negara luar dijemput menyaksikan serta mengalami sendiri pengalaman-pengalaman menarik di Malaysia.

(iii) Melalui program hospitaliti wartawan asing dari seluruh dunia datang ke Malaysia dan diberi pendedahan mengenai aspek pelancongan supaya mereka dapat meagenali tempat berkenaan dengan lebih jelas serta mendapat segala maklumat yang tepat dan terus dari badan yang terbabit di dalam sesuatu aspek itu.

(i v) Tahun Melawat ASEAN - Wartawan asing dijemput melawat ke negara ini bertujuan memberi publisiti dan promosi yang dimaksudkan. Wartawan diberikan kesempatan untuk meninjau dan mengadakan pertemuan dengan badan atau mereka yang terbabit secara langsung di dalam sesuatu bidang itu.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sekarang ini. Kerajaan Kelantan teiah mempcomosikan negeri Kelantan sebagai sebuah negeri Kota Budaya.

Saya ingin tahu daripada Yang Berhorraat, apakah Kementerian Kebudayaan dan Kesenian ini terlibat saraa dalam proraosi tersebut? Sekiranya terlibat, apakah proraosi Kota Budaya itu dia juga raencerroinkan kepada pelancong-pelancong sebagai sebuah negert becbudaya Islam?

Dato' Abdul Raman bin Suliman : Tuan Yang di-Pertua, dari segi proraosi, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan hanya jika kita pergi keluar negeri kita menggalakkan acau memperkenalkan Malaysia sebagai desdinasi pelancongan. Jadi, tidak timbullah soal promosi yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bagi. menggalakkan pelancongan di Sarawak khasnya, dan juga di Malaysia Timur, amnya. Apakah Kerajaan bercadang menjadikan Bandar Kuching sebagai salah satu daripada pintu masuk pelancong daripada luar negara, maksudnya penerbangan terus daripada Luar negeri terus ke Bandar Kuching? Saya tahu SIA ada buat sekarang.

Daco* Abdul Raman bin Suliman: Tuan Yang di-Pertua, dari segi kemasvikan pelancong-pelancong ke negara ini, barangkali maklumat ini tidak diketahut'ramai, bahawa agen-agen pelancongan ataupun mereka yang terlibat di dalam pelancongan 'Tour Agency' boleh mengadakan pakej untuk membawa terus pelancong-pelancong dengan penerbangan di inana ada tempat raendarat yang boleh mendaratkan kapalterbang-kapalcerbang. Dan kita difaharakan bahawa DCA ataupun Jabatan Penecbangan "Awam memang mengambil ataupun bersikap terbuka, jika sekiranya ada pihak-pihak yang ingin mengadakan penerbangan secara sewa, sewa khas dan sebagainya.. Jadi, mereka boleh memohon untuk mendaratkan pelancong-pelancong termasuklah ke Kuching, Koca Kinabalu, Pulau Pinang, Kuala Terengganu dan sebagainya, tidak ada sekatan.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tiong Thai King.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz : Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No.7.

KEKURANGAN PAKAR PERUBATAN/JURURAWAT 01 SARAWAK

7. Tuan Haji Kohamed Narri bia Abdul Aziz [di bawah S.O. 23(2)] minCa Menceri Kesihatan menyatakan memandangkan kekurangan pegawai perubacan/doktor (specialisc) dan jururawat di Sarawak khasnya, dan seluruh negara amnya:-

- (a) apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini;
- (b) selain dari menambah pengambilan pelajar ke kursus perubatan di universiti-universiti dan kursus jururawat di unstitut-institut, adakah akan menimbangkan supaya melakukan penyelarasan semula tanggagaji bagi Doktor dan Juru-rawat, supaya mereka akan, atau terus berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Perubatan dan hospital kita; 'dan

- (c) tentang pengambilan pelajar masuk ke kursus-kursus jururawat, apakah kelayakan akademik yang minima bagi mereka yang berhasrat dilatih menjadi jururawat; apakah syarat-syarat itu boleh dilonggarkan lagi supaya lebih banyak lagi pelajar boleh dilatih menjadi jururawat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Kementerian memang sentiasa berusaha untuk menambahkan lagi bilangan doktor dan pakar-pakar perubatan di negara ini dengan mengambil langkah-langkah berikut:
 - (i) menambah tempat latihan di universiti-universiti tempatan dari semasa ke semasa;
 - (ii) menggalakkan lebih ramai pegawai-pegawai perubatan yang sedang berkhidmat melanjutkan pelajaran di dalam dan di luar negeri dengan menambahkan bilangan biasiswa, meluluskan cuti belajar bergaji penuh dan cuti tanpa gaji;
 - (iii) memperkembangkan program latihan bagi pegawai perubatan dalam perkhidmatan sebagai persediaan mengikuti kursus ijazah lanjutan di dalam atau di luar negeri;
 - (iv) sebagai langkah sementara Kerajaan juga

menggalakkan pakar-pakar warganegara yang bersara melanjutkan perkhidmatan secara kontrak di samping mengambil pakar-pakar bukan warganegara daripada Luar negeri.

Mengenai kekurangan jururawat, Kementerian sedang berusaha untuk meningkatkannya menerusi kaedah-kaedah berikut:

- (i) mengemaskinikan lagi skim perkhidmatan jururawat dan menyediakan imbuhan insentif untuk menarik minat lebih ramai calon-calon memasuki bidang kejururawatan;
- (ii) menyediakan lebih banyak tempat dan menambah pengambilan di pusat-pusat latihan jururawat
- (iii) berusaha menarik jururawat warganegara asing dari luar negeri yang bekelayakan untuk berkhidmat secara kontrak di samping jururawat warganegara yang bersara melanjutkan perkhidmatan secara kontrak.

Mengenai kekurangan doktor pakar dan jururawat di Sarawak, Kementerian berusaha mengacasnya dengan:

- (i) menggalakkan lebih ramai doktor pakar dan jururawat bertugas di Sarawak dengan menyediakan insentif-insentif seperti elaun penempatan dan keutamaan untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan bagi pegawai-pegawai perubatan;

- (ii) menempatkan lebih ramai pakar-pakar kontrak ke Sarawak di mana sejumlah 37 orang pakar kontrak yang diantik pada tahun lepas, 12 daripadanya ditempatkan di Sarawak.
- (b) untuk makluman Ahli Yang Berhormat di Sistem Saraan Baru (SSB). yang berkuatkuasa mulai daripada 1.1.1992 semua anggota perkhidmatan awam telahpun rndapat faedah kenaikan gaji. Sementara bagi Pegawai Perubatan dan Jururawat di samping menerima faedah kenaikan gaji, mereka juga dibayar elaun kritikal, Oleh itu, soal penyelarasan semula tanggagaji kedua-dua jawatan tersebut tidak berbangkit pada masa ini.
- (c) bagi pengambilan jururawat, kelayakan akademik minimum adalah mempunyai Sijil SPM serta tulus Bahasa Malaysia, Matematik dan kepujian dalam 3 mata pelajaran lain termasuk Sains. Tidak ada kelonggaran syarat kerana kelayakan akademik tersebut adalah yang minima. Kerajaan menerima banyak permohonan dengan kelayakan akademik tersebut.

**PENYELIDIKAN PERTANIAN/TERNAKAN - PELAKSANAAN
PROJEK DI SELANDAR, MELAKA**

8. **Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa buahkah pusat-pusat pendidikan yang berkaitan penyelidikan pertanian/ternakan yang ada di negara ini (pecahan mengikut negeri);
- (b) adakah Kementerian ini bercadang untuk mewujudkan sebuah lagi penyelidikan pertanian di kawasan Selandar; dan
- (c) jika ada, bilakah projek ini dilaksanakan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perranian [Tuan Mbhd. Shariff

bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Pusat Pembangunan Sumber Manusia dan Teknologi MARDI di Serdang, Selangor Darul Ehsan adalah institusi pendidikan yang berkaitan dengan penyelidikan pertanian dan ternakan. Ianya menyediakan program latihan untuk pengurus penyelidikan, saintis dan penyelidik MARDI serta agen-agen pembangunan pertanian dan para usahawan. Di samping itu terdapat 29 buah stesen MARDI di seluruh negara yang membuat penyelidikan di dalam berbagai bidang seperti buah-buahan, padi, sayur-sayuran dan lain-lain. Sementara itu, Institusi Penyelidikan Haiwan, Ipoh, Perak pula merupakan Pusat Penyelidikan Penyakit-penyakit Haiwan. Di samping itu, terdapat 7 buah lagi pusat latihan ternakan iaitu masing-masing di negeri Perak, Melaka, Johor, Pahang dan Terengganu.
- (b) Kerajaan Negeri Melaka telah memohon supaya diwujudkan sebuah stesyen penyelidikan pertanian untuk membantu meningkatkan pembangunan di sektor pelancongan di negeri tersebut. Sehubungan dengan itu pihak Kementerian Pertanian melalui agensi MARDI sedang mengkaji tentang kesesuaian tanah dan sumber air di kawasan Selandar, Melaka.

- (c) pelaksanaan projek ini bergantung kepada keputusan kajian tersebut dan persetujuan pihak Kerajaan.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Tuan Azman Atas bin Othman.

Tuan Haji Zainal bin Md. Deros: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin soalan No. 9.

PEMMPIN KESATUAN SEKERJA MEROSAKKAN IMEJ MALAYSIA

9. Tuan Haji Zainal bin Md. Deros [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan sama ada tindakan pemimpin Kesatuan Sekerja Malaysia mendesak Pertubuhan Buruh Antarabangsa (I.L.O.) menyingkirkan Malaysia dari menganggotai I.L.O. akan merosakan 'imej' Malaysia dan jika nama Malaysia akan tercemar adakah Kementerian ini bercadang mengambil tindakan untuk mendisiplinkan pemimpin-pemimpin Kesatuan Sekerja yang angkuh itu.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, pertanyaan ini telah dijawab di Dewan ini semaaa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Ng Peng Hay pada 27hb .Mei 1992 mengenai perkara yang sama..

Kementerian Sumber Manusia tiada apa-apa perkara untuk ditambah kepada jawapan yang telah diberi itu.

LEBUHRAYA UTARA SELATAN - PEMBINAAN

10. **Tuan Haji Zainal bin Md. Derus** minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah lebuhraya Utara Selatan siap dibina sepenuhnya,. adakah kos pembinaannya meningkat daripada yang ditetapkan. Berapakah jumlah yang diperuntukan bagi melebarkan lebuhraya Kuala Lumpur Kelang yang sedang dibina sekarang dan bilakah ia siap.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rancangan Syarikat Konsesi PLUS Berhad, Projek Lebuhraya Utara-Selatan dijadual siap pada tahun 1994.

Pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan memang ada melibatkan penambahan kos pembinaan. Kenaikan dalam kos pembinaan adalah akibat daripada faktor-faktor berikut

- (a) inflasi.
- (b) skop pembinaan yang diperluaskan dan disiapkan lebih awal seperti pembinaan jalan tiga lorong, dua hala di Lebuhraya baru Lembah Kelang di mana rancangan asal hanya melibatkan jalan dua lorong, dua hala dan juga pembinaan awal persimpangan di ladang Pertam, Pulau Pinang, dan
- (c) perubahan dalam rekabentuk dan kerja-kerja tambahan,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja untuk menaikkan taraf Lebuhraya Persekutuan II iaitu daripada Subang ke Kelang juga telah diswastakan kepada Syarikat PLUS Berhad.

Mengikut pihak PLUS kos yang terlibat untuk menaikkan taraf Lebuhraya ini ialah \$246 juta; kerja-kerja menaikkan taraf Lebuhraya ini dijangka dapat disiapkan sepenuhnya pada penghujung tahun 1993.

Tuan Ng Peng Hay: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dari Kementerian Kerja Raya, adakah Lebuhraya Utara-Selatan yang telah dirancang akan disiapkan tahun 1994 sedang dijalankan mengikut jadual, dan adakah lebuhraya di antara Pagoh dengan Johor Bahru akan juga siap untuk digunakan untuk lalu-lintas pada tahun 1994?

Tuan Kerk Choo Ting: Soalan yang pertama sudah dijawab. Sebenarnya mengikut perjanjian konsesi lebuhraya dijadual untuk disiapkan pada tahun 1995, bukan 1994, tetapi syarikat konsesi PLUS telah ada satu rancangan supaya lebuhraya itu diawalkan.

Dan pada soalan yang kedua, daripada Pagoh sampai ke Johor Bahru, lebuhraya itu juga dijangka disiapkan pada tahun 1994.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, mengikut Timbalan Menteri tadi akan berlaku, dengan izin, kos over-run terhadap projek ini. Dan juga mengikut biasanya apabila berlaku kos Over-run kutipan tol akan dinaikkan ataupun akan dipanjangkan masa kutipan. Dan pada masa yang sama juga mengikut kajian kutipan tol yang telahpun, didapati oleh PLUS melebihi daripada Jangkaan yang dibuat semasa konsesi ini diberi. Jadi, apakah Kerajaan bercadang untuk menolak permohonan PLUS untuk menaikkan kadar tol dan juga memanjangkan masa kutipan?

Tuan Kerk- Choo Ting: Tuan Yang di-pertua, sebenarnya Syarikat Konsesi PLUS Bhd. telah meminta Kerajaan supaya ia boleh menaikkan taraf peminjaman bukan daripada Tol dan bukan daripada memanjangkan tempoh itu. Tempoh konsesi dan kenaikan Tol itu tidak menjadi masalah pada kenaikan kos .

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Lebuhraya Utara-Selatan Ini kita tahu bahawa sektor yang paling sibuk sekali ialah Kuala Lumpur ke Ipoh. Saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri, mengapakah sektor ini dibuat yang paling akhir sekali yang menyebabkan pertamanya menyusahkan rakyat? Kedua, kalau kita buat awal-awal Lagi kita boleh banyak kutip duit sebab ini yang paling sibuk sekali.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat taksiran orang ramai atau orang awam dengan taksiran teknikal jurutera adalah berlainan. Lembaga Lebuhraya Malaysia mengkaji volume of traffic dari masa ke semasa, dan juga keselamatan jalanraya dari setempat ke setempat. Oleh sebab itu, mereka menentukan keutamaan untuk membuat lebuhraya itu. Bukanlah hanya mengikut apa pandangan daripada orang awam. Sebab itulah, jalan yang dibuat daripada Kuala Lumpur ke Seremban diawalkan kerana pada masa itu jalan banyak selekoh yang merbahaya berlaku di tengah jalan yang lama itu dari Kuala Lumpur ke Seremban, dan juga daripada Seremban ke Pagoh. Juga daripada Changkat Jering ke Ipoh melalui banyak bukit-bukau dan juga tempat-tempat selekoh yang merbahaya. Itulah sebab jalan raya diawalkan di tempat yang begitu. Dan dari Kuala Lumpur ke Ipoh memang lalu-lintasnya, volume of traffic banyak, tetapi bukan itu sahaja, daripada Yong Peng sampai ke Johor Bahru, daripada Butterworth ke Sungai Petaai itu pun banyak. Tetapi kalau dibandingkan pada masa dahulu pada awal tahun 80an, keutamaan itu bukan begitu tinggi pada masa itu.

PESAWAT PILATUS PC 7 - KEMALANGAN

11. **Tuan Saad bin Haji Man** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah Kerajaan sedar bahawa Kapalterbang 'Pilatus' yang digunakan untuk melatih juruterbang-juruterbaug Tentera Udara DiRaja Malaysia (TUDM) sudah tidak lagi sesuai digunakan pada masa ini kerana masalah teknikal dan barang gantian (spare-parts) yang sukar didapati. Nyatakan sebab-sebab kemalangan kapalterbang pelatih 'Pilatus' yang berlaku, apakah ianya disebabkan oleh masalah teknikal atau 'human error' dan apakah benar masalah teknikal dan barang gantian yang dihadapi oleh kapalterbang ini mengganggu jadual penerbangan Pengkalan Tentera Udara Di Raja Malaysia terutama di Pangkalan Tentera Udara DiRaja Malaysia Kepala Batas.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, pesawat-pesawat Pilatus PC 7 masih lagi sesuai. digunakan bagi melatih juruterbang TUDM. Walau bagaimanapun, memang benar pesawat pilatus PC 7 baru-baru ini telah mengalami dua kemalangan dan satu kejadian pendaratan cemas pada bulan Januari dan Februari, 1992. Ekoran ketiga-tiga kejadian, pihak TUDM telah memberhentikan penerbangan semua pesawat-pesawat Pilatus PC 7 mulai 27hb Februari, 1992 dan pada masa ini keadaan kebaikan pesawat telah kembali pulih. Pembekalan alat-alat ganti juga untuk pesawat ini tidak menjadi masalah.

Sehingga 22hb Mei, 1992 sejumlah 24 pesawat PC 7 berada dalam keadaan baik dan sedang digunakan untuk penerbangan setelah "Fuel Control Unic" digantikan. Dari pengalaman kerosakan teknikal ini, pembekal pesawat Pilatus Aircraft Limited telah mengesyorkan supaya service Life komponen yang kritikal ini diturunkan dari 3,000 jam kepada 1,750 jam Sebagai tindakan keselamatan TUDM telah mengurangkannya sehingga 1,500 jam.

Sejak pesawat Pilatus PC 7 mula berkhidmat dalam TUDM pada tahun 1983, pesawat PG 7 telah mengalami 6 kemalangan dan 7

kejadian. Dari jumlah 13 kemalangan dan kejadian ini takrifan sebab-sebab adalah seperti berikut:

Faktor anak kapal	-	6
Kesilapan rawatan	-	1
Kerosakan teknikai	-	4
'Hazard'	-	2

Pihak TUDM sedang mempergiatkan kempen-kempen keselamatan untuk meningkatkan kesedaran keselamatan di kalangan semua anggotanya. ini. adalah satu proses yang sentiasa diberi keutamaan dan di samping itu, tekanan diberikan kepada semua anak-anak kapal di bidang disiplin penerbangan. TUDM juga mengambil tindakan disiplin ke atas mana-mana anggota yang melanggar tata tertib penerbangan.

Langkah pemberhentian sementara penerbangan pesawat PC 7 sudah tentulah telah mengganggu jadual kursus latihan terbaag di TUDM Alor Setar tetapi ianya misih terkawal. Pihak TUDM sedang meningkatkan kegiatan program latihan supaya penangguhan jadual kursus latihan dapat diminimumkan.

Jen. (B) Tan Sri Dato' Mohd. Ghazali bin Dato' Mohd. Seth:
Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk mengelakkan kebimbangan dan juga syak wasangka terhadap kemalangan-kemalangan kapalterbang TUDM yang lalu itu sepertimana Yang Berhormat terangkan tadi, adakah Kementerian Pertahanan bercadang pada masa hadapan mengumumkan kepada masyarakat hasil dengan izin, board of enquiry terhadap kemalangan itu dan tidak menunggu pertanyaan di Dewan ataupun di mana-mana. Ini untuk mengelakkan syak wasangka. Jikalau tidak, banyak sangat pihak mengatakan kapalterbang tidak baik, pilot tidak baik dan segalanya. Bolehkah Yang Berhormat terangkan dengan jelas masalah itu?

Dato Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan sedang mengkaji sama ada Lapoiran kemalangan ini akan diumumkan kepada orang ramai ataupun tidak, Pihak Kementerian Pertahanan sudah meagemukakan cadangan kepada pihak Kerajaan dan saya percaya Kerajaan tidak lama lagi akan membuat keputusan yang berkaitan dengan perkara ini.

PETROL TANPA PLUMBUM - GALAKAN PENGGUNAAN

12. **Puan Hajah Che Pora binti Haji Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menjelaskan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mewajibkan penggunaan petrol tanpa plumbum untuk semua jenis kenderaan yang menggunakan petrol sebagai Langkah untuk mengawal pencemaran.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, melalui perundingan, syarikat-syairikat minyak di Malaysia telah bersetuju memperkenalkan petrol tanpa plumbum. Kerajaan telah memberikati pengurangan cukai sebagai Insentif. Memandangkan perkara ini telah berjalan dengan lancar, kewajipan melalui undang—undang yang khusus adalah tidak perlu buat masa ini.

Walau bagaimanapun, bukan semua kenderaan boleh menggunakan petrol tanpa plumbum. Kira-kira 15% kenderaan lama tidak sesuai menggunakan petrol tanpa plumbum.

Dalam hal ini, Kerajaan akan menentukan bekalan petrol dengan plumbum yang rendah adalah mencukupi untuk keperluan di seluruh negara.

Bagi kenderaan bam, penggunaan petrol tanpa plumbum adalah digalakkan. Mulai 1hb Januari 1994, seinua kenderaan baru yang dipasang dengan alat catalytic convertor perlu menggunakan petrol tanpa plumbum untuk memastikan keberkesanan penggunaan alat tersebut .

Tuan Rahtm bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, bagi menggalakkan pengguna-pengguna kenderaan menggunakan petrol tanpa plumbum, adakah Kerajaan bercadang mengenakan cukai yang lebih tinggi kepada petrol-petrol biasa supaya harganya lebih tinggi. daripada petrol tanpa plumbum?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini belum ada.

**UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA -
PEMBINAAN KAMPUS PERUBATAN DI KUANTAN**

13. **Puan Hajah Asmah binti Haji Ismail** minta Menteri Pendidikan menyatakan berhubung dengan pembinaan kompleks perubatan UIA di Kuantan, Pahang, yang mana pelancaran "Tapak" projek tersebut telah dirasmikan oleh Kebawah Duli. Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 9.10.1990 yang lalu. Turut hadir ialah Y.B. Dato' Sri Anwar Ibrahim, Menteri Kewangan Malaysia. Adakah anggaran perbelanjaan untuk projek (UIA) ini telah disenaraikan dalam perbelanjaan Rancangan Malaysta Yang Ke 6, atau belum. Jika **ada**, berapakah perbelanjaan itu.

TimbaLan Menteri Pendidikan [Dr, Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan akan membangunkan kampus perubatan Universiti Islam Antarabangsa atau UIA di Kuantan sepertimana yang telah dirancangkan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan terlebih dahulu perlu membuat kajian kemungkinan. Kajian ini. perlu bagi mengenalpastikan dan mengkaji keseluruhan Faktor seperti ekonomi, sosio-ekonomi, taknikal dan kewangan. Kajian ini termasuk juga hal-hal bagi mengemukakan perakuan-perakuan dan alternatif bagi skop Jan sesi-sesi kampus perubatan, hospital meugajar dan lain-lain kolej atau fakulti yang hendak didirikan di kampus berkenaan.

Peranan kajian kemungkinan ini akan dijadikan asas untuk membuat pertimbangan mengenai skop kajian dan kos kampus pengajian tersebut,

CABUTAN SAHAM MIDFCCS

14. **Tuan Chong Chi Siong** minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) kriterianya kepada MIDF untuk mencabut 'tuah' dalam proses permohonan saham baru yang akan disesuaikan di BSKL; dan
- (b) adakah Kementerian sedar pengaduan orang ramai berkenaan proses cabutan saham-saham TEN mungkin berlaku penyelewengan baru-baru ini. Jika ya, apa tindakan yang akan diambil.

Dato¹ Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, di dalam setiap cabutan- saham bagi syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di BSKL, pengagihan saham-saham tersebut bergantung kepada tahap langganannya. Jikalau terbitan saham tersebut menerima lebih langganan, cabutan akan diadakan. Pengagihan saham tersebut adalah hak mutlak peagarah-peagarah syarikat yang menerbitkan saham-saham tersebut ataupun menawarkan saham-saham yang ditawarkan.

Pengagihan yang disyorkan oleh MIDFCCS iaitu MIDF Consultancy and Corporate Services selaku rumah terbitan dan mestilah dipersetujui oleh wakil-wakil daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun Kementerian Kewangan di mesnyuarat yang diadakan khas untuk tujuan tersebut. Semasa cabutan saham-saham tersebut, permohonan yang berjaya dan juga reserve akan dilakukan oleh pengarah-pengarah syarikat yang menerbitkan saham-saham tersebut dan juga wakil-wakil pengarah yang dibenarkan.

Proses cabutan tersebut akan disaksikan oleh wakil-wakil daripada Pendaftar Syarikat, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kewangan dan juga Badan Pencegah Rasuah. Proses keseluruhan cabutan saham ini juga akan disaksikan oleh juruaudit luar MIDFCCS.

Tuaa Yang di-Pertua, berdasarkan keterangan di atas yang saya telah sebutkan tadi. adalah tidak benar sama sekali untuk menyatakan penyelewengan berlaku kerana dalam setiap pengagihan saham, tidak ada kakitangan MIDFCCS yang membuat cabutan saham-saham.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahl-i Yang Berhormat, masa untuk soal jawab sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi. Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 61 akan dimasukkan dalam naskhah bercetak kelak]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN OARIPADA
PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN**

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See

Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

Setiausaha Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna.

[Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yaag di-Pertua, saya mohon menyokoag.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini. sehingga selesai diipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan. Urusan Mesyuarat untuk hari. ini dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini. akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG TIMBANG DAN SUKAT (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**3.37 ptg.****Setiausaha Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna**

[Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Dewan yang mulia ini Akta Timbang dan Sukat, 1972, perlu dipinda bagi menentukan peruntukan-peruntutannya bukan sahaja bersesuaian dengan amalan antarabangsa, tetapi juga supaya seiring dan selari dengan perkembangan teknologi semasa khususnya dalam bidang "legal metrology".

Tuan Yang di-Pertua, perihal pindaan adalah seperti berikut:

- (a) Pindaan kepada takrif "alat timbang dan sukat" di bawah seksyen 2(1) Akta adalah untuk memperluaskan takrifannya supaya merangkumi alat-alat pengukur masa. Ini bertujuan untuk menentukan bahawa alat-alat penyukat masa seperti meter letak kereta dan lain-lain peralatan yang digunakan untuk penentuan kadar upah atau caj tertakluk kepada peruntukan Akta. implikasi pindaan ini ialah penentuan alat-alat pengukur masa akan dibuat oleh Inspektor

Timbang Dan Sukat agar ianya menepati standard-standard yang telah ditetapkan oleh SIRIM selaku Penyimpan Timbang dan Sukat.

- (b) Pada masa ini, kuasa membatalkan standard terletak pada Menteri iaitu di bawah seksyen 10 Akta. Memandangkan urusan pembatalan standard melibatkan perkara-perkara teknikal yang berkaitan dengan had selisih atau tolerance, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dan juga nilai-nilai fizikal sesuatu standard adalah dicadangkan seksyen ini dipinda bagi menentukan kuasa-kuasa Menteri untuk membatalkan standard dibuat atas nasihat Penyimpan Timbang dan Sukat sahaja.
- (c) Di bawah peruntukan sekarang, hanya alat timbang dan sukat yang rekabentuk dan spesifikasinya telah diluluskan dan diwartakan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat serta ditentukan oleh Inspektor Timbang dan Sukat sahaja boleh digunakan dalam urusan perdagangan.

Peruntukan ini menimbulkan kerumitan pelaksanaannya kerana alat-alat timbang dan sukat canggih yang baru diperkenalkan tidak boleh digunakan dengan segera. Untuk mengatasi kerumitan ini, adalah dicadangkan supaya dua peruntukan baru iaitu subseksyen 14(5) dan 14(5)(a) diwujudkan bagi membolehkan Penyimpan Timbang dan Sukat meluluskan sesuatu alat timbang dan sukat untuk kegunaan dalam perdagangan walaupun rekabentuk dan spesifikasinya belum diwartakan.

- (d) Dalam tahun 1991 Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah mengambil tindakan undang-undang ke atas 3,196 peniaga yang melakukan perbagai kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat, 1972. Dalam 4 bulan pertama tahun ini iaitu tahun 1992, tindakan undang-undang telah diambil ke atas 1,469 peniaga yang melakukan pelbagai kesalahan di bawah Akta yang sarna.

Faktor utama yang telah dikenalpasti sebagai menyebabkan kesalahan-kesalahan seperti ini kerap berlaku ialah hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atasnya adalah ringan dan tidak mencegah perlakuaanya. Justeru itu, adalah dicadangkan peruntukan-peruntukan mengenai hukuman maksimum yang boleh dikenakan iaitu seksyen 12(3), 14(6), 16, 17, 18(2), 18(3), 20(3), 20A(1) dan 28(2) dipinda sewajarnya. Dengan pindaan ini, hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan

berbentuk teknikal ditingkatkan daripada denda tidak melebihi \$1,000 atau penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-duanya sekali, kepada hukuman denda tidak melebihi \$4,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman maksimum yang boleh dikenakan ke atas seseorang yang melakukan sesuatu kesalahan yang mempunyai undur niat ditingkatkan daripada denda tidak melebihi \$3,000 atau penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali kepada hukuman denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara tidak melebihi 4 tahun atau kedua-duanya sekali.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan untuk mewujudkan satu seksyen baru 25A adalah bertujuan untuk mamperluaskan tanggungjawab Penyimpan Timbang dan Sukat supaya meliputi tanggungjawab menasihati Menteri dalam semua aspek berhubung dengan sistem unit antarabangsa penentusahan alat timbang dan sukat dan perkara-perkara lain yang ada berkaitan dengan "Legal metrology"..

Pada masa ini, perkara-perkara yang berkaitan dengan pembungkusan tidak diberikan kawalseliaan yang sistematik di bawah mana-mana akta. Oleh itu adalah dicadangkan agar seksyen 29 dipinda untuk memberi kuasa kepada Menteri membuat peraturan-peraturan dalam mengawalselia pembungkusan.

Adalah juga dicadangkan bahawa perkataan "piawai" yang terdapat dalam teks Bahasa Malaysia Akta Timbang dan Sukat 1972 digantikan dengan perkataan "standard", memandangkan perkataan "standard" Lebih difahami oleh umum.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan kepada Akta Timbang dan Sukat 1972 ini adalah merupakan pindaan sampingan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat Hajah Habidah.

3.45 ptg.

Puan Hajah Habidah Jusoh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbang dan Sukat 1972 di mana Akta ini bolehlah dinamakan Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya hanya akan menyentuh secara ringkas dan seterusnya menyokong Rang Undang-undang ini. Terlebih dahulu Tuan Yang di-Pertua, terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang telah membentangkan Rang Undang-undang ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, memang tepat pada masanya Rang Undang-undang Timbang dan Sukat ini dipinda kerana sudah hampir 20 tahun Rang Undang-undang ini dibuat maka sudah tentulah ianya memerlukan pindaan-pindaan dan perubahan sebagaimana yang terdapat di dalam

Pasal 2 yang bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan meminda cakrif "alat timbang dan ukur" untuk memasukkan masa sebagai satu daripada kuantiti yang hendak diukur. Ini akan memperluaskan takrif itu untuk meliputi meter letak keceta, perakam waktu dan alat-alat sebegini yang lain.

Tuan Yang di-Perdana, selagi ini diadakan kita hendak memperlakukan dan memperkemaskan Rang Undang-undang ini supaya semuanya berjalan dengan baik, licin dan lancar, maka kita juga perlu memikirkan supaya orang yang betul-betul percaya kepada undang-undang tidak terkejut. Misalnya, kita hendak meletakkan keraca di sesuatu tempat, kita begini sukar untuk menukar duit syiling sekiranya kita tidak bawa bersama sebarangnya.

Oleh itu, Tuan Yang di-Petua, hendaklah supaya mana-mana tempat letak kececa hendaklah disediakan tempat menukar duit syiling bagai memudahkan orang ramai menukar. Dan juga memerlukan yang rosak segera ada cepat walaupun lambat, ataupun duitnya sudah penuh, apabila dilecek duit ke dalamnya meter itu meletaknya sahaja sedangkan meternya tidak nampak walaupun tidak jalan maka hendaklah juga supaya pihak Dewan Bandaraya atau Majlis Perbandaran Petaling Jaya atau mana-mana bandar yang ada tempat letak kececa bersebelahan supaya mengawal selia bersama bagi memastikan sama ada pihak swasta ataupun kontraktor itu telah menjaganya dengan betul. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Petua, pihak polis juga patut selagi mengadakan rondaan kerana jika banyak kerosakan dapat digunakan duit syiling yang palsu yang diletakkan di dalam meter tersebut. Selain dari segal pelaksanaan Rang Undang-undang ini pengaturnya hendaklah dijaga. Kalau kelak keadaannya akan bertambah kerugian.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan saman ke atas kereta-kereta yang sudah habis masanya di tempat letak kereta, kadang-kadang masanya terlalu singkat, yakni baru beberapa minit sahaja tempohnya habis, maka pihak yang bertagas terus menyamannya. Di sini dicadangkan sebelum disaman, kad amaran hendaklah dilelakkan dahulu dengan dicatatkan masa tertentu di situ. Selepas 15 minit atau 20 minit barulah disaman, kerana kadang-kadang tuannya bukanlah tidak mahu membayarnya tetapi oleh kerana leka membeli-belah misalnya atau terpaksa menunggu sesuatu urusan yang bersangkutan dengan orang lain, terlupa hendak menambah duitnya.

Pada pandangan saya kalau ada kad amaran ini barulah adil kerana sudah diberi amaran terlebih dahulu, tidaklah terus disaman.

Tuan. Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin bertanya, tidakkah Kerajaan bercadang untuk mengadakan alat timbang ataupun dacing yang mempunyai dua muka yakni boleh dilihat oleh penjual dan pembeli kerana alat timbang yang ada sekarang hanya satu muka sahaja dan ini boleh berlaku penyelewengan oleh penjual dan juga boleh menimbulkan syak kepada pihak pembeli dan kalau kita menyalahkan kepada pihak penjual pun. tidak patut kerana dia pun hendak cepat, kalau hendak dipusing-pusing rnungkin leceh dan. lambat bagi penjual, misalnya di pasar-pasar tani atau tempat-tempat yang sibuk. Maka untuk mengelakkan berlakunya penyelewengan dalam jual-beli dan supaya puas hati kedua-dua belah pihak, yakni penjual dan pembeli, tidak menimbulkan syak, kalau kedua-dua belah pihak dapat melihatnya bersama, maka sebab itulah dicadangkan supaya Kerajaan mengadakan alat timbang yang rnempunyai daa rauka.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada pihak Penguatkuasa Timbang dan Sukat, patutlah juga diadakan semakan dari masa ke semasa supaya penjual jangan mengubah pengukuran sebenar alat timbang dan sukat. (Kalau ada yang raelakukannya hendaklah diambil tindakan yang tegas, jangan sambil lewa supaya tidak ada orang yang berani makan mata dacing.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai manusia, latihan peribadi bukan dipusatkan kepada membiasakan menuntut haknya akan tetapi pada membiasakan menghormati hak sesama manusia. Seorang pembeli berhak

meneriina barang yang sesuai deagan nilai wang pembeliannya. Firman Allah dalam Surah Al A'raf, ayat 85, yang bermaksud: "Maka hendaklah kamu cukupkan sukatan dan timbangan. dan janganlah kamu kurangkan dari manusia akan hak mereka itu". Maka di sini jelaslah kepada kita Allah melarang kita daripada menipu orang lain dengan mengurangkan sukatan dan timbangan di dalam berjual-beli.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Fasal 4, 6, 7, 9, 10 dan 12, demikian juga Fasal 5 dan Fasal 8 di mana tujuan pindaan dibuat adalah untuk menambah penalti bagi kesalahan-kesalahan yang relevant itu amatlah dialu-alukan, agar dengan penambahan-penambahan penalti ini boleh mencegah penyelewengan di dalam masalah timbang dan sukat daripada berlaku-berleluasa di dalam masyarakat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan", Kerajaan di dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan, maka, dengan ini saya menyokong penuh Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Timbaag dan Sukat 1972 ini diluluskan. Terima kasih.

Tuan Yang di—Pertua: Yang Berhormat Mohamed Nazri.

3.54 pcg.

Tuan. Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan tahniah kepada Kementerian ini kerana telah memikirkan untuk memperluaskan Akta Timbang dan Sukat ini kepada sukatan masa. Saya tidak mempunyai Akta ibu di hadapan saya,

jadi di sini saya hendak berucap bahawa kalau kita hendak memperluaskan Akta ini kepada sukatan yang lain, maka saya kirakan bahawa lebih baik kita kaji sepenuhnya iaitu apakah ada lagi sukatan yang lain yang kita tidak rangkumi di bawah Akta ini. Memang "masa" satu sukatan yang harus diperluaskan kepada masa dan segala alat-alat yang menyukat masa itu harus diletakkan di bawah Akta Timbang dan Sukat

Saya ingin bertanya berkenaan dengan ukuran jarak jauh iaitu meter juga diperlukan untuk menyukat jarak jauh bagi tujuan kita menaiki teksi. Pembawa teksi jatuh di bawah golongan peniaga dan penumpang jatuh kepada apa yang dikatakan pengguna. Jadi kalau tujuan Akta Timbang dan Sukat ini hendak melindungi pengguna daripada penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga terhadap alat-alat sukat dan timbang, maka saya rasa bahawa meter teksi ini juga yang merupakan alat yang menyukat jarak jauh bagi tujuan untuk menentukan berapakah bayarannya kalau kita menaiki teksi, maka saya rasa bahawa Akta ini juga harus diperluaskan kepada alat-alat yang mengukur ataupun menyukat jarak jauh. Ini kalau tidak masuk dalam Akta itu lagilah. Saya tidak tahu, sebab Akta itu tidak ada bersama saya.. Jikalau belum lagi merangkumi alat-alat yang menyukat jarak jauh, maka saya cadangkan supaya Akta itu juga mengambil kira alat penyukat jarak jauh untuk diletakkan di bawah Akta ini.

Setelah daripada jarak jauh, saya kira kita juga menyukat isipadu (volume). Di stesen-stesen minyak kita mempunyai pecrol yang mana kita mengisi minyak menggunakan alat yang mengukur

isipadu. Sekali lagi saya ingin menyatakan di sini oleh kerana Akta ibu tidak ada bersama dengan saya, dan saya tidak tahu sama ada alat yang rnenyukat isipadu itu dimasukkan dalam Akta Timbang dan Sukat ini, tetapi kalau tidak, saya ingin mencadangkan supaya Akta ini merangkumi juga alat yang menyukat isipadu kerana serupa juga alasannya, kalau penjual minyak itu kita boleh anggapkan dia sebagai peniaga dan yang mengisi minyak keretanya itu dianggap sebagai pengguna, dan kita hendak melindungi pengguna daripada penyelewengan yang dilakukan oleh peniaga, maka saya rasa bahawa penyukat isipadu juga, kalau belum, diletakkan di bawah Akta Timbang dan Sukat ini mesti juga diperluaskan supaya Akta ini bukaa sahaja menimbang muatan, dalam perkara ini "masa", tetapi juga jarak jauh dan isipadu harus diambilkira dan diletakkan di bawah Akta ini.

Yang keduanya, saya ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan denda. Daripada denda ini, memang saya rasa patut dinaikkan memandangkan inflasi dan macam-macam lagi yang menyebabkan nilai wang kita kalau dulu tinggi, sekarang rendah. Cuma saya lihat bahawa denda yang dikenakan ini mengambil pertimbangan iaitu bahawa yang berniaga ini merupakan individu. Saya iagin bertanya macam mana kalau yang berniaga ini adalah syarikat dan di bawah undang-undang Syarikat merupakan mempunyai identitinya sendiri. Dan hari ini disebabkan oleh kerana masyarakat telah menjadi sofistikated mungkin perniagaan itu di peringkat, maknanya kedai-kedai runcit dan apakah bukan lagi orang berniaga atas syarikat apa yang dikatakan atas persendirian ataupun atas syarikat Enterprise.

Hari ini orang sudah tahu bahawa untuk mengelak daripada kalau kita menghadapi kerugian, kita tidak boleh dibankrapkan kalau kita berniaga di sebuah syarikat. Ini saya percaya banyak perniagaan yang dilakukan menerusi syarikat. Jadi, kalau sekiranya denda ini kita kenakan dan kalau macam denda duit, syarikat boleh bayar. Maknanya boleh didendakan terhadap syarikat yang membuat kesalahan tetapi syarikat tidak boleh dijail kerana dalam denda ini sama ada didenda ataupun dijail ataupun kedua-duanya. Jadi, kalau kena denda syarikat, syarikat tidak boleh dijail. Apa yang kita buat terhadapnya sebab dia yang melakukan kesalahan. Kita ada syarikat. Syarikat itu menggunakan orang untuk berniaga yang untuk menimbang

semua. Kita tidak boleh persalahkan kepada orang itu sebab dia hanya seorang pekerja. Jadi, macam mana kita hendak menyalahkan syarikat? Betul, kita boleh denda dia tetapi kita tidak boleh jai dia. Sebab itu, saya rasa kita harus memikirkan itu selain daripada jail dengan denda, mungkin dltarik lesennya berniaga.

Di dalam denda ini, kita lihat isu bahawa tidak sebat langsung kita kalau orang bersalah ini, kalau dia didenda dan dijail, apakah kata kalau dia buat lagi? Sebab kalau dia didenda mungkin \$1,000, \$1,000 ini boleh dicari. Tetapi dia mengulangi lagi perbuatan itu, apa yang kita hendak kenakan kepada dia dan apa yang kita kenakan kepada syarikat kalau syarikat itu membuat salah dan atas kesalahan dalam Akta ini tetapi tidak boleh dijail? Sebab itu, saya ingin mencadangkan kalau boleh di masa-masa akan datang supaya selain daripada denda dengan wang ringgit dan dijail, masuk juga supaya lesen perniagaan itu ditarik, khususnya kepada mereka yang mengulangi kesalahan ini sebab, Tuan Yang di-Pertua, saya sebutkan sebentar tadi kalau dia cipu, dia kena denda cecapi dia bayar denda. Dia kena bayar denda, dia cipu balik. Tidak ada masalah.

Jadi, saya rasa ini untuk membantutkan kalau sekiranya perkara ini daripada berlaku berulang, maka saya cadangkan kita tahu bahawa orang yang mengulangi perbuatan ini hendaklah bukan sahaja kalau duduk dalam jail dan dulu dia didenda, hendaklah juga ditarik lesen perniagaannya. Saya rasa ini satu deterrent yang menakutkan dia kerana ini merupakan caranya mencari makan dan kalau kita tarik sesuatu yang menyebabkan dia tidak boleh menguruskan perniagaannya,

ini akan membimbangkan dia untuk dia mengakuri dan mematuhi. segala apa yang diletakkan di bawah Akta Timbang dan Sukat ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang saya ingin pernah cekan dan sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Kemenceriaan. Dan saya berhenti dengan menyatakan itu bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

4.04 ptg.

Tuan Rahim bin Daba: Tuan Yang di-PerCua, terimakasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut sama membahasadah juga menyokong suatu akta yang dinamakan untuk meminda Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) 1992, saya dalam bincangkan Rang Undang-undang ini, saya akan pergi ke Pasal 2.

Mengikut Fasal 2, Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta dengan meminda takrit atas cimbang dan sukak untuk memasukkan masa bagi satu daripada kuantiti yang hendak disukat. ini akan memperluaskan cakranya itu untuk meliputi mecer tempat letak kececa, perakam waktu dan juga alat-alat se'cupa yang lain. Saya ingin bercanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, metec Lecek kareca khasnya di Kuala Lumpur, kerana saya orang Kuala Lumpur, celahpun diperkenalkan lebih itaupun hampir 10 tahun. Apakah selnma ini metrometer yang telahpun dipasng itu acaupun kutipan-kutipan yang buat itu cidnak terikat dengan

undang-undang. Jadi jika benar, saya mencadangkan supaya Akta ini dikebelakangkan supaya tidak timbul masalah undang-undang kerana bila orang ramai telahpun mengetahui mengenai kesedaran orang ramai bahawa baru sekarang kita mengadakan perundangan tentang tempat letak kereta ataupun parking meter, dengan izin. Jadi, akan timbul masalah-masalah di mana setengah-setengah itu akan mengambil tindakan undang-undang ataupun sebagainya. Jadi, bagi mengglakkan berlakunya tindakan undang-undang, saya berharap Kerajaan akan dapat memikirkan sama ada dikebelakangkan supaya tidak menimbulkan satu masalah di masa yang akan datang.

Begitu juga sepertimana yang telahpun dikatakan oleh sahabat-sahabat saya yang terdahulu, parking meters ini memang banyak berlaku kerosakan, dan ada yang berjalan dengan cepat ataupun sebagainya. Jadi, apa yang saya ingin mencadangkan ialah supaya pihak penyimpan timbang dan sukat supaya dapat memeriksa meter-meter ini, dikatakan secara rambang 6 bulan sekali ataupun sebagainya untuk memastikan kesahihan kerana kami yang menjadi pelanggan, kita tidak tahu sama ada meter itu boleh betul-betul digunakan untuk satu jam, setengah jam ataupun sebagainya kerana susah, kerana takkanlah setiap kali kita masukkan duit, kita hendak tengok jam kita cepat-cepat. Lepas itu kita pastikan sama ada betul ataupun tidak.

Jadi, tentang kesahihan meter-meter ini, saya berharap pihak Kerajaan ,ikan dapat memikirkan ataupun akan dapat memeriksa dari masa ke semasa. Sebenarnya, oleh kerana baru-baru ini saya tahu.

kalau tidak silap saya, apabila saya baca Akta ini rupa-rupanya baru sekarang soal parking meter ini menjadi satu undang-undang. Saya ingin bertanya apakah akan terjadi kepada mereka yang telahpun sebelum ini disaman oleh pihak Bandaraya ataupun sebagainya. Apa yang saya difahamkan saya ftkir walaupun tidak ada kaitan dengan pihak Kementerian ini tetapi apa yang saya difahamkan telahpun banyak, kadang-kadang pengusaha-pengusaha parking meter ini, jika kita sebagai pengguna taat membayar kepada mereka tetapi mereka ini tidak membayar kepada Majlis-majlis Bandaran seperti Majlis Kuala Lumpur ataupun Dewan Bandaraya dan juga yang lain-lainnya. Saya tidak ada figures yang berkenaan tetapi saya tahu memang banyak bayaran yang tertunggak,

Saya ingin menyentuh mengenai Fasal ini juga telahpun dimasukkan alat-alat serupa yang lain dan saya berharap alat-alat serupa yang lain ini termasuk juga telephone card. Sekarang ini apabila kita menggunakan telefon, kita gunakan kad, Jadi, bagaimana kesahihan kad ini. Beberapa lama ianya boleh digunakan? Adakah benar-benar kalau, kita membuat satu local call, dengan izin, dicajkan ~~Rm~~ bagi 3 minit. Bagaimana caranya pihak Kementerian untuk memastikan kesahihan kad telefon-telefon ini dan juga telefon-telefon. Mungkin ada teknik-teknik yang tertentu yang digunakan. Bukanlah saya mennduh tetapi kemungkinannya ada teknik-teknik tertentu yang digunakan oleh syarikat-syarikat yang membekalkan telefon ini dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan yang lebih, mereka ini akan mempercepatkan perjalanan telefon ataupun kad telefon ini. Jadi., apa cara? Saya hendak tahu bagaimana cara dari segi penguatkuasaan pihak Penyimpan Timbang dan Sukat untuk memastikan tidak ada berlaku penyelewengan-penyelewengan. Saya tidak menuduh adanya penyelewengan tetapi takut-takukan kerana kita sebagai penggna kadangkala itu apabila saya guna kad telefon, kadang-kadang terfikir oleh saya betulkah atau tidakkah ataupun sebagainya.

Tetapi. kalau ada pihak Kementerian memeriksa telefon ini dari masa ke semasa ataupun memastikan kad ini. digunakan dengan ketepatan waktu dan juga masa yang telahpun ditentukan jadi timbul satu confident, dengan tizin, kepada masyarakat.

Tadi sahabat saya Tuan Haji Mohamed Nazri telahpun menimbulkan soal meter teksi. Kita difahamkan bahawa meter teksi ini diadakan untuk mengukur jauh perjalanan. Saya tidak tahu sama ada ia juga meliputi masa yang di.gunakan kerana kadang-kala berlaku keadaan di mana dalam satu destinasi yang sama apabila tidak berlaku traffic jam, bayarannya mungkin dikatakan \$10.00 Kalau saya hendak balik ke rumah saya di Subang Jaya, saya kena bayar \$10.30. Tetapi kalau berlaku traffic jam kemungkinannya meter ini akan naik sampai ke \$15.00 ataupun \$20.00. Jadi, adakah meter ini juga mengambilkira soal masa ataupun ada pindaan yang telahpun dibuat oleh pihak-pihak yang tertentu untuk mengambilkira tentang keadaan-keadaan traffik jam kerana ini. banyak menimbulkan rungutan dan juga sebagainya. Jadi, saya ingin meacadangkan di sini. supaya meter-meter teksi. ini dapat diperiksa.

Saya pernah naik teksi tetapi saya tidak ingat di bandaraya mana yang saya pergi. di mana meternya boleh mengeluarkan restu. Apabila kita hendak turun, resit itu dikeluarkan dan ada menyebutkan tarikh, lama perjalanan, jarak perjalanan, nombor teksi itu sekali

dan jumlah yang perlu kita bayar. Kalau tidak silap saya di Tokyo. Saya sudah lupa kerana banyak tempat saya sudah pergi. Jadi, ini juga boleh memudahkan kita khasnya pegawai-pegawai Kerajaan yang ingin membuat tuntutan supaya tidak ada perbalahan-pecbalahan supaya apabila kita keluar teksi, kita tunjukkan resit yang dibayar. Begitu juga ianya boleh dijadikan bahan bukti jika ada masalah-masalah, komplek ataupun sebagainya kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menimbulkan soal meter elektrik dan juga meter air yang ada di rumah kita. Biasanya kita take for granted, dengan izin, apa yang ditulis oleh pihak Lembaga Elektrik Negara ataupun Jabatan Bekalan Air itu betul. Jadi, berapa kerapkah meter-meter ini diperiksa oleh pihak Kerajaan. Jadi, kita berhadap supaya pihak Penyimpan Timbang dan Sukat dapat memastikan supaya timbul satu confident kepada pengguna kerana selama ini, oleh kerana Jabatan LLN itu sebahagian daripada Kerajaan, kita boleh dikatakan take for granted, takkan Kerajaan hendak menipu rakyat. Tetapi sekarang ini apabila telahpun diswastakan, jadi timbul juga keraguan baik kepada meter air ataupun meter elektrik. Saya berharap satu cara dapat difikirkan bagaimana meter-meter ini dapat diperiksa ataupun sebagainya.

Saya percaya Fasal 2 kemungkinan juga dihadkan kepada Fasal 5. Adakah dibawah Fasal 5 ini kita akan memasukkan meter yang mengesan ke Lajuan speedtrap ataupun yang dipanggil speedgun yang digunakan

oleh pihak Polis itu. Jadi, supaya tidak timbul keraguan kepada pihak pengguna sama ada betul atau tidak meter yang mengesan kelajuan yang digunakan oleh pihak Polis. Kadang-kala tirnbul juga masalah-masalah apabila kita kena saman. Kadang-kadang kita katakan kita tidak lari lebih daripada 80 tetapi meter yang digunakan mengatakan lebih daripada 80. Tetapi kalau misalnya pihak Peayimpan Timbang dan Sukat telahpun memastikan ataupun membuat satu penyiaran bahawa mesin yaag digunakan itu adalah tepat jadi, kalau kita kena bayar fine pun, kita confident. Kalau tidak kita terasa seolah-olah kita tidak lari dengan laju tetapi oleh kerana mesin yang digunakan tidak mengikut piawaian yang tertentu, jadi. akan menimbulkan perbalahan-perbalahan.

Tadi, Tuan Haji Mohamed Nazri telahpun menimbulkan soal meter kiraan petrol ataupun meter kiraan isipadu. Kadang-kala kita ketahui pemilik stesyen petrol ada setengah-setengahnya yang tamak untuk mencari keuatungan telah mencampurkan petrol dengan diesel ataupun dengan minyak gasoline dan sebagainya. Jadi, kadang-kala kita terfikir juga ada kemungkinannya meter yang digunakan boleh diLajukan ataupun sebagainya. Kadangkala dengan izin, kita take for granted, sahaja seolah-olahnya ia betul. Saya tahu kerana saya telahpun membuat siasatan. Dahulu memang betul hanya syarikat minyak yang berkenaan sahaja yang memeriksa meter-meter ini.

Tetapi saya difahamkan baru-baru ini pihak Penyimpan Timbang Jam Sukat telahpun mula memeriksa mesin-mesin ini. ataupun meter-meter

yang terdapat di petrol station. Jadi, kita mengucapkan syabas di atas ingatan ini. dan saya berharap juga skop ini. akan dipanjangkan atau diperluaskaa kepada tempat-tempat lain yang telahpun saya sebutkan tadi.

Saya juga ingin mencadangkan supaya di pasar-pasar dan di tempat-tempat yang digunakan oleh orang awam, diletakkan mesin timbang supaya apabila kita sudah beli daging satu kilo, lepas. itu kita boleh pergi check sama ada betul ataupun tidak yang dibeli itu satu kilo. Saya tahu di setengah-setengah tempat atau di setengah-setengah pasar memang telahpun diLaksanakan.

Saya berharap dilaksanakan juga di pasaraya-pasaraya kerana trend masyarakat kita sekarang ini pergi shopping ke pasaraya-pasaraya. Saya tidak menuduh bahawa berlaku penyelewengan ataupun sebagainya di pasaraya-pasaraya tetapi sekurang-kurangnya mengingatkan pihak Kementerian atau pihak-pihak tuan punya pasaraya ini bahawa mereka itu sentiasa diawasi dan juga sentiasa mendapat perhatian daripada pihak Kementerian. Jadi, kalau ada niat untuk menipu ataupun sebagainya itu akan terhindar dengan sendirinya. Ini juga akan menimbulkan rasa confident kepada pengguna-pengguna terhadap bahan-bahan yang dibeli.

Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja yang ingin saya cadangkan di dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan sekali Lagi saya mengucapkan terima kasih. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput pihak Kementerian menjawab.

Tuan Yang di Pertua: Dijemput Setiausaha Parlimen Kementerian menjawab.

4.20 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, izinkan saya merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli. Yang Berhormat Senator-senator yang telah memberi sokongan dalam perbahasan Rang Undang-undang Tirnbang dan Sukat (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak cuba menjawab kalau boleh semuanya, tetapi ada beberapa perkara lain, yang mana kalau tidak di bawah bidang kuasa Kementerian memang di bawah bidang kuasa pejabat-pejabat atau agensi-agensi yang Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, bukan bermakna kita tidak boleh buat apa-apa, tetapi sebagai satu Kementerian yang jgga bertanggungjawab di atas hal-hal kepenggunaan, maka segalanya yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli. Yang Berhormat, kami memberi jaminan bahawa kami akan menghantar cadangan dan teguran dari Ahli-ahli Yang Berhormat kepada Kementerian-kementerian atau agensi-agensi yang lain.

Yang Berhormat Puan Hajah Habidah telah membangkitkan beberapa perkara dan cadangan yang termasuk tempat letak kerta mesti. ada jaga disediakan tempat-tempat untuk penukaran duit syiling atau

automatic dispenser coin, penguatkuasaan oleh Polis dan Majlis Penbandaran dalam perkara penggunaan duit palsu, saman-saman yang dikeluarkan dengan begitu cepat apabila masa tamat sahaja di sesuatu tempat letak kereta. Saya percaya perkara-perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Majlis-majlis Perbandaran atau pihak Polis dan tidak wajar bagi saya menjawab bagi pihak mereka. Akan tetapi memang cadangan-cadangan ini adalah baik dan seperti saya nyatakan tadi, Kementerian ini akan menghantarkan cadangan dan pendapat-pendapat Ahli-ahli Yang Berhormat kepada pihak yang berkenaan.

Untuk maklumat Yang terhormat Puan Hajah Habidah, Rang undang-undang Timbang dan Sukat pun telah dipinda dua kali sebelum ini iaitu pada tahun 1981 dan juga pada tahun 1990, akan tetapi denda-denda yang telah ditetapkan tidak dipinda sekali pun sejak tahun 1972. Berkenaan perkara adakah alat-alat timbang dua muka didapati dalam pasaran, memang pada masa sekarang ada terdapat alat timbang jenis dua muka dalam pasaran dan memang peniaga-peniaga adalah digalakkan untuk menggunakan alat-alat jenis ini.

Dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal ehwal Pengguna juga menggalakkan para peniaga untuk menggunakan alat-alat timbang yang lebih canggih atau Lebih baru yang mengeluarkan print out receipt misalnya, selepas ditimbang ada print out, ada kertas atau label yang menunjukkan keberatannya termasuk harga sekilogram dan juga jumlah harga yang harus dibayar. Jadi, bagi kami di Kementerian, kami memang menggalakkan penggunaan mesin-mesin yang baru, yang Lebih canggih, tetapi oleh kerana kos mesin-mesin baru

ini memang tinggi., jadi ini adalah terpulang balik kepada para peniaga untuk menggunakan apa jua jenis mesin yang mereka boleh gunakan.

Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri pun telah membangkitkan beberapa perkara. Yang pertama, berkenaan meter teksi. Meter teksi sebenarnya, penentuannya adalah di bawah jagaan Jabatan Pengangkutan Jalan dan tidak ditentukan oleh Inspektor Timbang dan Sukat. Maka hanya saya boleh menjawab bahawa memang ada penentuansah

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya juga maklum seperti. parking metre pun di bawah Kerajaan Tempatan, jadi kalau parking metre di bawah Kementerian lain pun, Kemeaterian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh maknanya meletakkan di bawah Akta ini, mengapa tidak boleh letakkan meter teksi. Sebab saya tahu, Kementerian ini Kementerian baru, jadi sudah teatu dahulu tidak ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini, sekarang telah ada, lebih baik ambil semua sekali. daripada Yang Berhormat menerangkan terletak di bawah Kementerian lain; saya rasa parking metre pun di bawah Kementerian lain juga. Jadi, saya ingat ini pertanyaan saya kepada Yang Berhormat:.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna adalah satu Kementerian baru, ini tidak bermakna bahawa perkara-perkara yang berkaitan dengan timbang dan sukat tidak diambil berat oleh pihak Kerajaan. Memang pada masa dahulu segala perkara yang ada berkaitan dengan Akta Timbang dan Sukat dikawalselia oleh pada masa dahulu-

adalah Kementerian Perdagangan dan Industri.

Apa yang tertakluk di bawah Akta ini memang pada keseluruhannya mewajibkan atau memerlukan atau menentukan perkara-perkara yang ada berkaitan secara langsung dengan timbang dan sukat iaitu pada keseluruhannya semua alat-alat untuk menimbang dan menyukat. Akan tetapi, ada beberapa perkara yang masih lagi dikawalseliakan oleh Kementerian-kementerian yang lain. , Ini termasuklah meter teksis dan ini tidak bermakna bahawa meter teksis ini tidak ditentukan, memang ada agensi Kerajaan yang menjaga dan menjalankan tugas untuk penentuan meter jenis ini dan hanya apa yang diperlukan di bawah Akta Timbang dan Sukat ialah semua alat-alat timbang dan sukat mesti ditentukan oleh Inspektor Timbang dan Sukat dan bagi meter teksis pada masa sekarang, ini di bawah jagaan Jabatan Pengangkutan Jalan. Bolehkah tugas penentuan meter teksis ini diperiksakan oleh Inspektor Timbang dan Sukat, cadangan Ahli Yang Berhormat bahawa ini perlu diambilalih atau dijaga di bawah Kementerian ini, memang kita boleh memberi pertimbangan.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, seksyen 2(1) yang memberi takrifan kepada alat-alat timbang dan sukat adalah berbunyi, alat timbang dan sukat ertinya apa-apa alat atau mesti untuk menyukat mengikut panjang, luas, isipadu, muatan, berat dan sekarang dimasukkan 'masa' atau bilangan, dan dalam hal alat timbang termasuklah timbangan yang digunakan berkaitan dengannya". Jadi memang perkara yang menyukat isipadu telahpun dimasukkan dalam takrifan alat timbang dan sukat yang lama itu.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempeagerusikan Mesyuarat**]

Mengenai denda dan penjara, memang syarikat-syarikat yang melakukan kesalahan hanya boleh didenda dan alat-alat yang digunakan dengan. secara.....

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Nazri.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat sebentar tadi. Cuma saya hendak bertanya iaitu oleh kerana isipadu juga sekarang ini memang dirangkumi di bawah Akta ini, apakali mesin yang menyukat isipadu minyak di stesen-stesen minyak itu memang di bawah jagaan Akta ini?

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah ya. untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara inipun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rahim Baba berkenaan rnetor elektrik, meter air, meter-meter di petrol station dan lain-lain.

Pada keseluruhannya saya boleh menyatakan bahawa mengikut kehendak Akta Timbang dan Sukat hanya alat-alat timbang dan sukat yang mana rekabentuk dan spesifikasinya yang telah diluluskan dan diwartakan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat sahaja boleh digunakan dalam urusan perdagangan. Ini sebagai satu statement yang menyeluruh. Ini bermakna bahawa meter "elektrik dan meter air walaupun tidak semata-mata di bawah jagaan Kementerian, tetapi rekabentuk alat-alat ini mesti diluluskan dan diwartakan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat. Apa yang Kementerian ini menjalankan tugasnya ialah melalui Inspektor-inspektor Bahagian Penguatkuasaan Kementerian, maka inspektor ini untuk menjalankan pemeriksaan bagi memastikan bahawa mereka yang menggunakan meter-meter atau alat-alat timbang dan sukat ini tidak membuat sesuatu yang boleh menjalankan penyelewengan kepada para pengguna.

Berbalik kepada denda dan penjara, memang syarikat-syarikat yang melakukan kesalahan tidak boleh dipenjarakan dan pada masa ini hanya, boleh didenda dan alat-alat yang digunakan boleh dirampas. Pada amnya syarikat-syarikat hanya boleh didenda dan alat-alat yang disalahgunakan akan dirampas oleh mahkamah dan diserahkan kepada Ketua Inspektor Timbang dan Sukat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab beberapa perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba berkenaan kedudukan atau keraguan kegunaan meter-meter letak kereta (parking metre) yang telahpun dipakaiguna beberapa tahun kebelakangan ini, adakah kegunaan ini sah, bagaimana saman-saman yang telah dikeluarkan, apa jua akan jadi kepada kutipan yang telah diperolehi oleh Majlis-majlis Tempatan melalui kegunaan meter letak kereta ini, saya bercadang hendak mengambil sedikit masa untuk menerangkan atau

menjelaskan perkara ini. Memang ini adalah satu perkara yang sangat diminati bukan sahaja oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi mungkin pihak pengguna secara amnya akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini penggunaan meter letak kereta di Malaysia adalah tertakluk kepada undang-undang kecil yang dikuatkuasakan oleh Majlis-majlis Tempatan. atau Majlis-majlis Perbandaran. Penguatkuasaan oleh Majlis-majlis Perbandaran bagi penggunaan meter letak kereta di bawah undang-undang ini adalah sah. Apa yang sentiasa kerap kali dipersoalkan oleh pengguna, saya percaya adalah lebih berkaitan dengan ketepatan. masa meter letak kereta, iaitu accuracy of the timer, dengan izin, meter letak kereta itu. Saya percaya para pengguna tidak sepatutnya mencurigai atau was-was tentang ketepatannya kerana meter yang dipasang itu telah disahkan oleh pertama, negara-negara pengeluar itu sendiri dan mengikut pengetahuan, memang meter-meter yang diimport ini adalah mengikut standard-standard antarabangsa. Dan juga wakil-wakil tempatan atau ejen yang memakainya menggunakan meter-meter ini mesti juga mereka ini mengikut jadual penyelenggaraaan dan penentusahan yang disyorkan oleh pihak pengeluar. Pekerja-pekerja kepada wakil tempatan juga ada diberi latihan dan panduan yang secukupnya supaya mereka cekap dalam kerja-kerja penyelenggaraan meter letak kereta. Inspektor Timbaag dan Sukat dari Bahagian Penguatkuasaan kami juga telah melawat bengkel-bengkel mereka dan berpuashati dengan kendalian dan penyelenggaraan meter letak kereta di bawah jagaanaya.

Untuk pengetahuan secara umum, di negara kita pada masa ini terdapat 4 jenis meter letak kereta yang dipasang di beberapa bandar besar. Keempat-empat jenis ini diimport dari Arnerike Syarikat,

Jerman Barat dan Sweden. Pada masa ini terdapat lebih daripada 30,000 unit meter letak kereta yang dipasang dan digunakan di seluruh negara. Bentuk dan spesifikasi meter letak kereta telah diwartakan oleh SIRIM, SIRIM sebagai Penyimpan Timbang dan Sukat pada tahun 1990. Setakat ini, 3 daripada jenis meter letak kereta yang digunakan di negara ini telahpun mendapat kelulusan SIRIM dan ujian serta pemeriksaan ke atas satu lagi jenis sedang dijalankan. Standard yang ditetapkan oleh SIRIM adalah berasaskan standard-standard yang wujud di United Kingdom, Jerman Barat dan Amerika Syarikat.

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang minta penjelasan. Sila.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-pertua, saya memang faham bahawa meter-meter tempat letak kereta ini telahpun diluluskan oleh negara-negara pengeluar yang maju, tetapi apa yang menjadi kemusykilan pihak pengguna ialah adakah pemeriksaan dijalankan oleh pihak inspektor Timbang dan Sukat ini selepas meter-meter itu dipasang? Kalau sebelum dipasang, saya percaya memang ada, SIRIM pun sudah luluskan, selepas itu pihak Kementerian melalui Inspektor Timbang dan Sukat sudah periksa di kilang ataupun sebagainya, tetapi selepas dipasang, adakah pemeriksaan dijalankan oleh pihak Inspektor Timbang dan Sukat? Itu yang kita maksudkan, kalau sebelum itu memang hundred percent kita bersetuju dan kalau dikatakan pihak agen itu pun ada terlibat, mereka ini ada vested interest. Jadi, kita hendak Kerajaan sendiri, Inspektor Timbang dan Sukat pergi memeriksa adakah setelah dipasang di tepi-tepi jalan itu diperiksa, umpamanya 6 bulan sekali ataupun setahun sekali secara rambang tentang kesahihan masanya.

Dr. Sak Cheng Lum; Tuan Yang di-pertua, penentuan meter-meter letak kereta ataupun alat-alat timbang dan sukat yang lain mengikut peruntukan Akta ini apa yang akan jadi ialah pengeluar atau pengimport meter-meter ini atau pemakaian alat-alat ini sebelum alat-alat ini digunakan pertamaanya harus ditentukan oleh inspektor dahulu seperti alat-alat timbaag misalnya telah ditentukan, selepas itu ada di "seal", dengan izin, dan mereka tidak boleh, dengan izin, tamper dengan alat-alat yang ditentukan

dau alat-alat ini harus juga ditentukan dari semasa ke semasa mengikut jadual, misalnya tiap-tiap tahun.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, saya ingat maksudnya terang macam ini; maksudnya sama ada sebelum installation dibuat memang sebenarnya benda itu sudah ditentukan dahulu, selepas itu post installation, adakah Inspektor itu terus lagi mengkaji dan menentukan bahawa ianya serupa seperti pre-installation? Saya ingat itu maksud Tuan Rahim.

Dr. Sak Cheng Lum: Saya faham, saya belum sampai ke tahap hendak jawab itu. Cuma saya hendak ceritakan sebelum dipasang memang dibuat, itu langkah pertama. Maka, penentusahan memang dibuat, seperti satu contoh, meter stesen minyak atau alat timbang, selepas itu ada, dengan izin, disealkan dan tidak sesiapa juga boleh memecahkan seal itu dan memang ada kuasa untuk Inspektor Timbang dan Sukat mengambil tindakan apabila didapati bahawa mereka yang memakai alat-alat yang mana sealnya telah diputuskan mereka adalah melakukan satu kesalahan. itu langkah pertama.

Yang kedua, memang Inspektor Timbang dan Sukat ada kuasa untuk memeriksa mana-mana alat-alat pengukuran dari semaaa ke semasa, memang ada dan kebanyakan pemeriksaan. ini dijalankan apabila Kementerian menerima aduan. Ini bukau bermakna bahawa Kementerian hanya bertindak apabila menerima aduan, memang pemeriksaan juga dijalankan mengikut jadual atau kadangkala kalau perlu pemeriksaan dijalankan secara mengejut atau surprise check. ini memang ada dalam sistem check and balance yang dijalankan oleh pihak Inspektor

Timbang dan Sukat, tetapi kita juga faham bahawa pada keseluruhannya bilangan meter-meter memang banyak, alat-alat pengukuran atau alat-alat timbang dan sukar memang banyak. Jadi, adalah sukar bagi Inspektor untuk tiap-tiap hari hanya buat kerja memeriksa tiap-tiap alat. Jadi, apa yang saya sebut sebagai langkah pertama yang mana alat-alat ini harus ditentukan sebelum dipakai, selepas itu harus diseal, selepas seal tidak boleh pecahkan seal; dan selepas itu dari semasa ke semasa mengikut jadual mesti bawa balik untuk ditentukan. Misalnya dalam alat-alat timbang, kalau tidak silap saya pada tiap-tiap tahun mesti juga diuji dan ditentukan sebagai langkah.....

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Dia signal kepada saya, dia hendak minta penjelasan. Yang Berhormat beri ya?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Sedikit sahaja mata peajelas.in. Oleh sebab rasa saya meter-meter ini masih lagi tidak begitu full proof. Contohnya, parking meter, ini peagalaman seudirilah. Kita kadang-kadaag hendak test juga budak-budak jaga kereta ini, dengan memberi 50 sen dia boleh naik sampai dua tiga jam dengan ketuk-ketuk sahaja. Itu satu contoh.

Satu lagi., kita pergi dekat Damai Complex, di sana kita kata hendak pergi. dalam setengah jam ataupun sejam. Tak apalah saya beri dua jamLah Encik, berikaa dia 50 sen. Ada dijolok dengan straw masuk dalam sistem itu, ia boleh naik sampai dua tiga jam. Jadi, inilah makuanya sistem Itu tidak begitu full proof. Jadi, syarikat itu boleh jadi kecoh dan boleh sebaliknya juga saya rasa.

Timbalan Yang di-Pertua; Sila.

Dr. Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dinafikan bahawa tindakan-tindakan atau tindak-tanduk yang tidak bertaanggungjawab berlaku. Saya ingat bukan hanya berkaitan dengan meter teksi, di dalam mana-mana perniagaan ada mereka yang tidak bertaanggungjawab, yang tamak dan lain-lain memang mencari peluang untuk mendapatkan keuntungan yang lebih. Jadi, apa yang kita hanya boleh menyatakan ialah tanggungjawab untuk memastikan bahawa meter-meter yang digunakan adalah dalam keadaan yang baik. Pertamanya tanggungjawab itu adalah di dalam tangan wakil-wakil tempatan atau agen-agen yang diberi kuasa oleh Majlis-majlis Tempatan untuk meagutip duit melalui penggunaan parking meter dan juga memang Majlis-majlis Tempatan ada juga tanggungjawabnya untuk memastikan bahawa meter-meter yang digunakan adalah dalam keadaan yang baik dan apa yang kami di Kementerian boleh menjalankan tugas ialah melalui pemeriksaan mengikut jadual atau dari semasa ke semasa. Kalau kami menerima aduan dari pihak pengguna berkenaan dengan sesuatu meter atau meter-meter yang tidak betul atau tidak tepat, maka kami boleh "hantar inspektor itu untuk menyiasat dan membuat pemeriksaan. Memang Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna boleh menjamin bahawa tiap-tiap aduan yang kami terima akan diambil tindakan.

Untuk meneruskan beberapa jawapan lagi, satu berkenaan kad telefon. Masa yang ditetapkan dalam kad telefon ini sedang dikaji dan apabila undang-undang baru dikuatkuasakan atau pindaan ini

dikuatkuasakan, penentuan alat-alat yang digunakan oleh "masa" akan dikaji oleh SIRIM. SIRIM sebagai penyimpan alat timbang dan sukat dan selepas itu memang tindakan yang sewajarnya perlu diambil.

Setakat itu saya boleh memberi jawapan berkenaan kad telefon. dan memang kami pun ambil perhatian serius tentang ini dan kajian pun telah dijalankan, Saya tidak boleh jawab selain dari itu yang mana kita telah sedar kita ambil tindakan untuk mengkaji dan memang untuk menentukan kesahihaa pemakaian kad telefon ini.

Memang Kad Telefon ini ada, saya ingat bukan sahaja Kad Telefon tetapi public atau telefon awam yang menggunakan duit syiling itu juga adalah satu alat yang mengukur masa, yang menentukan caj mengikut masa.. Jadi apabila pindaan kepada Akta Timbang dan Sukat diluluskan, maka bukan sahaja meter" letak kereta, tetapi meter talefon dan alat-alat yang iain seperti meter untuk self service laundry, atau mesin pencuci kain Layan sendikit dan alat-alat lain juga harus dikaji dan diambil tindakan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Permintaan untuk pejelasan Yang Berhormat. Ya Tuan Dahalan sila.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Sebenarnya Yang Berhormat telahpun menyebut, iaitu saya hendak tanya berkenaan dengan coins..

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah sebut Yang Berhormat.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: telefon, tetapi masalahnya begini, telefon yang menggunakan duit ini, kita masukkan 20sen, 30sen, 50sen sungguhpun dia turun, tetapi telefon itu tidak dapat digunakan, jadi di mana kita hendak letakkan kesalahan ini pula, maknanya meter itu rosak.

Dr, Sak Cheng Lum: Perkara yang Kementerian ambil lebih berat., sebenarnya ialah berkenaaa dengan kesahihan atau penentuan

sah sesuatu meter alat **itu**. Jadi perkara seperti kerosakan memang terjadi, dan saya percaya perkara kerosakan meter-meter itu misalnya telefon yang bermeter. Saya percaya tanggungjawab utama adalah di bawah jagaan agensi yang mengendalikan telefoa itu, oleh kerana kalau rosak memang kerugian bukan sahaja dihadapi oleh para pengguna, tetapi kepada mana-mana agensi atau syarikat yang mengendalikan alat-alat **itu**.

Sebagai maklumat tambahan berkenaan dengan meter teksi, sebenarnya meter teksi ini adalah dikecualikan dari Akta Timbang dan Sukat, dan oleh sebab itu kecuialian bukan bermakna penentuan tidak dijalankan, dan seperti saya nyatakan penentuan dijalankan atau dibuat oleh Jabatan pengangkutan Jalan, dan pengecualian juga diberi kepada meter elektrik dan meter **air**. ItuLah sebabnya meter-meter yang disebut di atas tidak dibuat penentuan oleh Inspektor Timbang dan Sukat, akan tetapi saya telahpun menyatakan bahawa meter-meter seperti ini penentuannya dibuat oleh Jabatan-jabatan lain yang berkenaan, jadi ada tanggungjawabaya, ada kewajipannya.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Penjelasan lagi, Yang Berhormat.
Sila Tuan Haji Mohamed Nazri.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya hendak tanya. mengapa meter teksi dikecualikan?

Kedua, oleh sebab saya yang membawa soalan ini tadi, kita tidak mempertikaikan bahawa meter teksi itu tidak ada satu badan yang check dia. Maksudnya, oleh kerana sekarang ini ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal. Ehwal Pengguna (Domestic Trade and Consumer), Kementerian telah memikirkan iaitu waras untuk mengambil meter parking. Meter parking ini dahulu bukan tidak ada orang yang check - memang orang check, ianya di bawah Kementerian Kerajaan Terntapan, tetapi Kementerian memikirkan bahawa kerana sekarang ini ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna maka hendak di ambil. Soalan saya, parking meter ini walaupun dahulunya ada orang check, dan juga ada Kementerian lain yang bertanggungjawab, kalau itu boleh diambil. dan diletak di bawah Akta Timbang dan Sukat, mengapa tidak boleh ambil atas meter teksi, sebab meter teksi melibatkan peaiaga, drebar teksi' ialah peniaga dan melibatkan pengguna, penumpang itu adalah peagguna.

Saya ingin bertanya, kalau dahulu dikecualikan, sekarang sudah ada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, mengapa tidak boleh diambil sepertimana yang Kementerian ambil ke atas meter parking tadi. Itu soalan saya, bukan saya persoalkan tidak ada check - tidak, tetapi saya tanya mengapa tidak boleh dibawa di bawah- Akta Timbang dan Sukat.

Dr Sak Cheng Lum: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat soalnya bukan boleh atau tidak boleh. Soalnya ialah berkaitan dengan pengagihan tanggungjawab, itu sahaja, sabab pengecualiaan diberi oleh kerana alat seperti meter teksi atau meter elektrik dan meter air. Misalnya mungkin lebih wajar kalau penentuan dan pemakaian gunanya di bawah jagaan agensi-agensi yang lebih matang atau ada pengetahuan lebih atau jagan yang lebih baik, itu sahaja. Dan Kementerian ini tidak boleh mengambil tugas, saya ingat....

Timbalan Yang di Pertua: Maksud Yang Berhormat ada lagi pihak lain yang berpengalaman tentang meter yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Dr Sak Cheng Lum: Murigkia dari pengalaman, dari segi kepakaran, misalnya meter elektrik, memang ini adalah meter yang agak canggih dan komplikated, mungkin ada pihak lain yang boleh menjagakan dan kegunaanya menjadi lebih baik.

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Timbalan Yang di-pertua: Ya, sila.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, kami bukannya tidak percaya ataupun tidak confident, kalau misalnya meter elektrik dicheck ataupun disiasat oleh pihak Tenaga Nasioaal sendiri, tetapi di sini macam ada conflict of incerest, dengan izin, Tuan Yang di-pertua. Jadi. itu sebabnya kerana sudah adanya Kementerian yang

baru ini dan kami mempunyai keyakinan yang lebih kepada Kementerian yang baru ini, itu sebabnya kami hendak supaya meter-meter inipun diletakkan pemeriksaannya di bawah Kementerian Yang Berhormat, itu yang kami hendak berikan cadangan, kerana kami mempunyai keyakinan kepada kebolehan Kementerian ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz; Tuan Yang di-Pertua, cuma satu lagi, saya menyokong apa yang Yang Berhormat sebut, kalau dahulu meter elektrik dikecualikan, kita faham, sebab LLN itu adalah di bawah Kerajaan, tetapi hari ini kita tahu bahawa LLN sudah jadi Syarikat Berhad yang mana public sudah beli, dia berniaga sekarang. Dahulu dia tidak berniaga, ia hanya merupakan kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan, pada ketika itu boleh dikecualikan, tetapi sekarang oleh sebab dia sudah menjadi syarikat, dia berniaga, sebab itu kita kata dia sudah menjadi peniaga. Tenaga Nasional Berhad sudah jadi peniaga, bukan lagi badan Kerajaan, oleh sebab itu kita rasa wajar untuk diletakkan meter ini di bawah Akta Timbang dan Sukat. Ini sebagai menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dr Sak Cheong Lum: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, atas keyakinan yang telah diberi kepada kami.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memahami dengan apa yang saya nyatakan tadi, secara umum ialah di bawah Akta ini hanya alat-alat timbang dari sukat yang rekabentuk dan spesifikasinya

yang telah diluluskan dan diwartakan oleh Penyimpan Timbang dan Sukat, hanya alat-alat ini boleh dipakai. Pengecualian ini bermakna bahawa tidak memerlukan pemeriksaan oleh Inspektor, ini tidak bermakna bahawa alat-alat ini rekabentuk dan spesifikasinya tidak diluluskan oleh penyimpan memang **ada**, dan meter-meter ini adalah mengikut standard yang telah ditetapkan, tetapi kalau cadangan itu memang baik, kami terima dan ini harus kita bawa balik kepada Kementerian untuk dibincangkan. Saya percaya apa yang

Datuk Haji Ahmad bin Haji Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ada permintaan penjelasan lagi. Ya, Datuk tunggu sekejap ya, tadi ada dua perkara yang dibangkitkan oleh dua orang Ahli Yang Berhormat yang bertanya.

Pertama Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba mengatakan dia yakin kepada Kementerian baru ini., sebab itu dia hendak Kementerian baru menjaga hal meter ini.

Kedua, TEN ialah sebuah badan perniagaan dan perlu ada outside party yang menjadi Inspektor kepada meter itu. Dua perkara.

Satu lagi Datuk Haji Ahmad, silakan.

Datuk Haji Ahmad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya tengok tadi azab sengsara fasal meter ini begitu susah hendak menjaganya. Di Singapura tidak pakai meter masuk sahaja kereta, kita beli tiket berapa jam yang kita hendak letak kereta. Kemudian kita tekan kertas 3 jam, kita letak dekat kereta kita, lepas itu kita boleh relax, kita pun percaya betul. Bolehkah Kementerian di sini mengubah sistem meter kepada kertas yang senang daripada meter yang menyeksakan jiwa kita mendengar tadi?

Dr. Sak Cheug Lum: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri berkenaan. TEN sekarang adalah satu badan swasta, memang minat mereka adalah lebih banyak tertakluk kepada keuntungan. Jadi, memang itu kami mengambil perhatian. seperti saya nyatakan perkara ini kita boleh bawa balik untuk bincang, beri pertimbangan.

Yang kedua, saya ingat perkara. letak kereta, kutipan bayaran melalui parking metre pada masa sekarang cara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk tadi yang menggunakan. mengambil tiket masuk ada sebut jam bila keluar, masa itu adalah ditentukan berapa jam, selepas itu ada satu perkiraan bayaran memang cara itu dipakaiguna, tetapi bukan di jalan-jalan raya, tetapi di kompleks beli-belah dan Kompleks multi-storey car park. Jadi, cara itu digunakan dan. apabila pindaan kepada Rang Undang-undang ini diluluskan, maka meter-meter yang digunakan untuk mengukur masa dalam tempat-tempat letak kereta atau parking Complek, maka meter-meter itu harus ditentusah-

kan akan dikawalselia di bawah pindaan kepada Akta Timbang dan Sukat.

Saya ingat, barangkali setakat itulah apa yang saya boleh menjawabkan.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Pertama saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat menjawab soalan **ini**. Cuma satu sahaja belum dijawab. Saya rasa boleh jawab soalan saya berkenaan dengan orang yang mengulangi kesalahan tersebut, sebab denda \$5,000 ataupun rampaskan, dia boleh beli balik, dia boleh ulangi balik perbuatan kesalahan **itu**.. Jadi, saya cadangkan tadi, macam mana kalau kita tarik lesen dia bagi orang yang membuat kesalahan yang mengulangi kesalahan itu? Jadi, kalau dia sudah ulangi dua, tiga kali kesalahan itu hendak beri peluang buat apa. Bayar \$5,000 dia boleh bayar, rampas mesinnya, berapa sangat harga mesinnya. Tetapi kalau kita tarik Lesen dia macam mana, boleh timbangkah, saya hendak tanya?

Timbalan Yang di-Pertua: Saya ingat macam inilah, kita belaku adillah juga kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tadi saya nampak sudah habis jawapan, tetapi kalau hendak jawab sekejap sudahlah, jangan lama sangat kerana saya takut nanti. lagi jawab, lagi banyak soalan timbul.

Dr. Sak Cheng Lum: Hilang sedikit, Tuan Yang di-Pertua. **Ber**kenaan perkara perlesenan memang tidak ada berkaitan dengan Akta ini. Perlesenan adalah perkara yang dikawal oleh badan-badan tertentu. Mengikut apa jenis Lesen **itu**, kalau misalnya jenis Lesen untuk menjalankan perniagaan mungkin bukan satu Lesen. Pertamanya harus berdaftar dengan Pendaftar Perniagaan. Selepas itu kalau hendak pakai sesuatu ruangan atau bangunan harus mendapat lesen daripada Majlis Tempatan, Jadi, saya percaya susah hendak kita

kait-mengait dengan kesalahan di bawah Akta Timbang dan Sukat dengan perkara perlesenan. Jadi, saya percaya memang bagi mereka yang enggan mematuhi sesuatu akta dan berulang menjadikan kesalahan, memang rekod sesuatu perniagaan yang melakukan kesalahan akan diambilkira oleh mahkamah, apabila mahkamah itu menentukan satu denda atau perlu dipenjarakan atau keduanya.

Saya ingat, Tuan Yang di-Pertua, lagi sekali setakat itulah dapat saya menjawab. Saya harap saya telah memberi jawapan yang boleh memuaskan Ahli-ahli Yang Berhormat yang menimbulkan banyak perkara walaupun nampaknya kebanyakan tumpu kepada meter letak kereta. Tetapi saya ucapkan terima kasih oleh kerana ini mencerminkan betapa seriusnya Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil perhatian tentang Akta Timbang dan Sukat (Pindaan) iai dan juga pada keseluruhan kepada usaha-usaha dan tanggungjawab Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Sekian, terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal 1 hiagga 14 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang (Undang-undang).

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG ARKITEK (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.10 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Akta Arkitek (Pindaan) dibacakan bagi kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Akta Arkitek (Pindaan) yang dibentangkan ini adalah bertujuan untuk memperkemaskan peruntukan-peruntukan, yang ada bagi membolehkan Lembaga Arkitek menjalankan peranan dan tanggungjawabnya dengan lebih berkesan lagi.

Perkara-perkara yang penting yang tidak diliputi dalam Akta Arkitek 1967 yang berkuatkuasa sekarang juga diperkenalkan dalam Rang Undang-undang ini.

Pindaan-pindaan ini adalah selaras dengan kehendak dan perkembangan semasa dan dilakukan bagi mengemaskinikan segala syarat yang ada bagi memelihara dan mengawal profesion senibina keseluruhannya.

Pindaan-pindaan seperti yang dicadangkan dalam Akta induk atau Akta Arkitek 1961 melibatkan pindaan kepada sebanyak 16 seksyen.

Ciri-ciri utama dalam pindaan yang dibuat sekarang adalah seperti berikut:

- C1) Pindaan kepada seksyen 4(1) seperti dalam Fasal 3 dilakukan untuk membolehkan Lembaga Arkitek melantik sesuatu panel pemeriksa bagi mengelolakan peperiksaan untuk memasuki profesion senibina.

- (2) Fasal 4(a) bertujuan meminda seksyen 7(a) bagi memberi kuasa kepada Lembaga Arkitek untuk menetapkan peraturan syer pengundian yang akan dipegang oleh Arkitek di dalam sesuatu pertubuhan perbadanan sebelum pertubuhan perbadanan itu boleh menjalankan amalan senibina.
- (3) Fasal 6 iaitu berkenaan dengan pindaan kepada Seksyen 10 adalah bertujuan untuk menetapkan bahawa seseorang yang berdaftar yang dipotong namanya dari daftar Arkitek kerana tidak membaharui pendaftarannya boleh memohon untuk dimasukkan semula namanya ke dalam daftar tersebut sekiranya mereka memohon dalam tempoh 5 tahun dari tarikh nama mereka dikeluarkan dari daftar, Selepas dari tempoh 5 tahun, mereka hanya layak didaftarkan semula tertakluk kepada syarat-syarat semasa untuk pendaftaran. Peruntukan sekarang membenarkan mereka memohon pada bila-bila masa.
- (4) Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 10(a) untuk menyekat pendaftaran sementara seseorang Arkitek asing supaya hanya mereka yang terlibat dalam projek-projek yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan asing akan dilaksanakan di bawah peraturan dua hala antara Kerajaan sahaja akan dibenarkan pendaftaran sementara. Ini adalah perlu untuk melindungi kepentingan para Arkitek tempatan.

- (5) Fasal 10 bertujuan meminda Sekyen 15 untuk menetapkan keadaan-keadaan di mana pendaftaran mana-mana Arkitek atau Siswazah Senibina berdaftar akan menjadi batal dan tidak sah, dan tidak mempunyai kuasa undang-undang.
- (6) Cadangan mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 15(a) adalah untuk memberi kuasa kepada Lembaga melantik sesuatu Jawatankuasa Siasatan dan suatu Jawatankuasa Disiplin. Apa-apa aduan terhadap seseorang Arkitek atau Siswazah Senibina berdaftar akan dibuat kepada Jawatankuasa Siasatan. Jawatankuasa Disiplin akan menyiasat apa-apa aduan yang dirujuk kepada Jawatankuasa Siasatan, kesalahan-kesalahan dan penalti-penalti ditetapkan dalam subseksyen 2.
- (7) Cadangan mengadakan seksyen baru iaitu seksyen 15(b) adalah untuk membolehkan Lembaga menyiarkan pembatalan pendaftaran seseorang Arkitek atau Siswazah Senibina berdaftar di dalam Warta dan suatu akhbar tempatan. Langkah ini adalah bertujuan untuk melindungi kepentingan awam serta membolehkan Lembaga melaksanakan fungsinya dalam mengawal etika dan tata kelakuan profesion senibina dengan lebih berkesan lagi.
- (8) Fasal 15 bertujuan meminda seksyen 25 untuk mengetatkan lagi pengawalan ke atas Pelukis Pelan Bangunan berdaftar. Pindaan ini memberi kuasa kepada Lembaga

sama ada untuk mengenakan satu tindakan atau di mana-mana kombinasi tindakan yang diperlukan bergantung kepada kesalahan yang telah dilakukan oleh seseorang Pelukis Pelan Bangunan berdaftar itu. Ini juga akan menyelaraskan dengan penalti yang boleh dikenakan terhadap Arkitek dan Siswazah Senibina berdaftar.

(9) Fasal 16 dan 17 adalah berkenaan dengan pindaan kepada seksyen 33 dan seksyen 34 untuk menambah penalti yang dikenakan terhadap orang yang melanggar peraturan Akta "Arkitek 1967 atau kaedah-kaedah yang diperbuat di bawahnya atau memperolehi pendaftaran dengan memberi maklumat-maklumat palsu dan sebagainya. Tambahan penalti ini adalah dari \$2,000 kepada \$5,000 atau hukuman penjara selama 2 tahun atau kedua-duanya sekali.

(10) Fasal 19- adalah berkaitan dengan pindaan kepada Jadual dalam Akta untuk memberikan kuasa kepada Lembaga Arkitek mewakili mana-mana fungsinya melainkan yang berkaitan dengan Seksyen 35 kepada sebuah jawatankuasa yang dilantik olehnya. Ini adalah perlu untuk melicinkan lagi pelaksanaan fungsi Lembaga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada piadaan-pindaan yang tersebut di atas, terdapat Lain-lain pindaan kecil yang tidak disebut secara khusus kerana ia adalah pindaan sampiagan yang bertujuan untuk memperkemaskan seksyen-seksyen yang sedia ada di dalam Akta yang berkuatkuasa sekarang.

Sekianlah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See Wah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk merinda Akta Arkitek 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Tuan Haji Mohamed Nazri.

5.18 ptg.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana merailih saya. Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah memikirkan untuk mengadakan pindaan ini. Cuma saya ingin menyatakan sedikit pandangan saya berkenaan dengan Fasal 7 iaitu penyekatan "arkitek-arkitek daripada luar dari mendaftar sementara dan kita lihat di dalam pindaan ini iaitu bahawa sekarang ini ditambah perkataan dalam bahasa Inggeris, selepas daripada "foreign architect" itu disebut, dengan izin, "who is a consultant to a project, wholly financed by a foreign government".

Jadi, saya hendak bertanya berkenaan dengan perkataan "financed". "Financed" ini maksudnya luas. Apakah "financed" ini maknanya segala wang itu difinancedkan oleh Kerajaan luar dengan memberikan atau donation, maknanya Kerajaan asing beri Kerajaan Malaysia kita \$10 juta, bukan untuk pinjaman tetapi \$10 juta untuk buat projek. Itu maksud "financed" ataupun maksud "financed" seperti yang digunakan oleh bank. Bank kaca bahawa projek ini, dengan izin, is being financed by Bank Bumiputra.

Maksud daripada segi 'banking financed by Bank Bumiputra', makna dia beri pinjam, jadi bukan dia beri duit untuk membuatkan projek ini, dia pinjam kena bayar balik. Jadi, mengapa saya bertanya perkara ini, iaitu kalau maksud "financed by a foreign government" di sini ialah sepertimana maksudnya ialah sepertimana bank fikir, iaitu foreign goverment, dia finance, maksudnya dia beri loan, soft loankah atau apa loan kepada kita untuk projak ini. Tetapi kita kena bayar dia balik, bukan free, bukannya bayar hangus. Jadi kepada saya kalau finance ini dimaksudkan daripada segi apa yang dimaksudkan oleh bank, saya rasa tak patut kita benarkan foreign architect ini didaftarkan untuk sementara, foreign architect ini. Sebab duit yang foreign government beri itu, bukan beri bayar hangus. Dia beri sepuluh juta untuk financed the project, tapi kita kena bayar balik.

Jadi, kalau kita kena bayar balik apa pasal kita hendak kena terima foreign architect didaftarkan sementara untuk menggunakan dia sebagai Arkitek untuk projek itu. Tetapi kalau foreign government kata iaitu yang dimaksudkan dengan 'financed' itu kerana dia beri sepuluh juta, "ha, ini hadiah daripada Kerajaan asing, sepuluh juta untuk projek A", kalau itu dimaksudkan, maka kita bolehlah benarkan foreign consultant untuk didaftar sementara beri tujuan projek itu. Jadi, sebab itu pada saya di sini takrif "financed" itu penting. Kerana pada saya kalau financed itu maksudnya meminjam wang buat satu projek, Kerajaan asing pinjamkan wang dengan, soft-loan, saya rasa tidak perlu kita daftarkan konsultan asing untuk projek ini. Kita seharusnya melindungi para arkitek kita sendiri. Tetapi kalau hadiah wang, itu lain, itu kita boleh terimalah, maknanya kalau

Britain hendak beri kita sepuluh juta, bayar hangus untuk projek A, itu kita boleh pertimbangkan sebab sebahagian daripada wang itu akan balik kepada negeri Britain semula menerusi konsultannya itu. itu pertama berkenaan dengan perkataan "financed" ini.,

Kedua, saya lihat bahawa dalam Akta ini hendak diwujudkan satu Lembaga. Pertamanya Lembaga boleh memilih Jawatankuasa Penyiasatan dan juga Jawatankuasa Disiplin. Segala pengaduan yang dibuat, dia tidak sebut pengaduan apa, dia tidak sebut sama ada pengaduan itu sesama arkitek ataupun pengaduan itu oleh pengguna, orang yang menggunakan arkitek itu ada masalah maka dia hendak komplek, boleh komplek. Jadi ini ada dua macam pengaduan. Saya rasa kalau pengaduan sesama arkitek, perbalahan sesama arkitek, saya ingat itu boleh diselesaikan oleh Jawatankuasa Disiplin yang terdiri daripada ahli-ahli arkitek sendiri. Tetapi kalau lembaga ini hendak dengar kes pengaduan orang-orang luar terhadap sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh apa yang dikatakan arkitek ini, saya rasa Lembaga ini mesti tidak seharusnya terdiri daripada arkitek sahaja. Sebab ini, balik kita kepada masalah Majlis Peguam. Kita mengadu satu hal tentang peguam, yang menghakimi ini kawan-kawan dia sahaja. Jadi, di mana orang yang tidak menjadi peguam atau yang buat pengaduan boleh mendapat keadilan. Sebab kalau saya komplek tentang satu peguam, yang menghakimi ini satu Jawatankuasa yang terdiri daripada peguam. Jadi peguam sama peguam, dia kadangkala kawan dia, jadi dia tidak dapat hendak menghakimi dengan adil. Ini bukan saya marah kepada Majlis Peguam, tetapi ini contohlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi mereka berguam lah. Kalau dah anak guam sama.....

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, mereka berguam bersamalah.

Timbalan Yang di—Pertua: Berguam bersama.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Ya, berguam bersama. Jadi kita tidak tahu. Sebab itu pada hari ini Majlis Peguam tidak ada "credibility", tidak mempunyai satu pandangan tinggi daripada masyarakat. Sebab dia pandai hakimi orang lain, tapi bila kes complain against, dengan izin, dia punya member dia hendak sesama dia menghakiminya. Jadi, saya tidak mahu oleh kerana ini kali pertama hendak mewujudkan satu Jawatankuasa Disiplin di kalangan arkitek ini dan arkitek ini nama memang baik, tidak ada saya dengar berlaku perbuatan yang tidak baik dilakukan oleh arkitek.

Jadi, untuk menjaga nama baik mereka, dalam soal memilih Lembaga Penyiasat ataupun Lembaga Disiplin ini ada baiknya satu orang ataupun dua orang daripada Lembaga ini dipilih luar daripada profesion arkitek supaya dapat keyakinan, confidence terhadap sesuatu kes yang dibawa kepada raereka ini akan dihakimi dengan baik. ini saya hendak tolong arkiteklah, sebab profesion saya sendiripun memang sudah teruklah. Sebab itu, sebelum arkitek ini jadi teruk, saya mencadangkan iaitu dalam soal memilih ahli kepada Jawatankuasa Penyiasatan dan juga ahli kepada Jawatankuasa Disiplin, apa kita kalau boleh dipilih juga bukan di kalangan sesama profesion, tetapi juga orang daripada luar profesion itu supaya dapat mendatangkan keyakinan di kalangan pengguna, bahawa satu-satu

kes yang dibawa kepada mereka itu akan dihakimi dengan adilnya. Ini yang dikatakan iaitu dengan izin, "justice must not only be done, but must be seen to be done".

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja cadangan saya sebagai pandangan dan saya sekali lagi mengatakan iaitu saya sokong di atas pindaan Rang Undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Tuan Dahalan.

5.26 ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Bmbun: Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk saya bersama-sama membahas dan seterusnya menyokong di atas Akta Arkitek (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucap syabaslah kepada pihak Kementerian yang mewujudkan Lembaga untuk mendisiplinkan kegiatan arkitek dan juga pertubuhan arkitek ini. Perbahasan saya ini tidaklah mengikut apa-apa 'logical sequence' dengan izin, tetapi bagaimanapun oleh sebab tidak disebut tadi dengan secara khusus jenis-jenis kesalahan, inginlah saya membuat dua-tiga soalan yang saya dapat maklumat daripada umum.

Yang pertamanya, mengenai kegiatan draftsmen Part II Part III the so-called arkitek dengan arkitek **ini**. Kita dapati banyak sekali penyelewengan berlaku di mana draftsmen Part II Part III arkitek ini menggunakan nama arkitek dan arkitek yang bertauliah sendiripun. bersubahat dengan mereka ini, sedangkan mereka ini bukanlah kakitangan syarikat arkitek tadi untuk hendak mendapat pengesahan sesuatu....

Timbalan Yang di—Pertua: Progress ...

Tuan Dahalan bin Haji Embun:suatu architects drawings...

Timbalan Yang di-Pertua: Drawings.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Itu belum lagi, belum lagi.
Hendak sampai itu.

Timbalan Yang di-Pertua: Belum sampai lagi.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Belum sampai lagi. Yang kedua ingin saya tahu oleh sebab kebanyakan arkitek keluaran daripada Malaysia ini kebanyakan daripada UTM. Inginlah saya tahu sama ada jumlah yang kita ada sekarang ini cukup ataupun. tidak cukup - satu untuk pihak Kerajaaa dan satu lagi pihak swasta lebih-lebih lagi di pihak Kerajaan. Oleh sebab saya dapati kebanyakan arkitek-arkitek yang masih lagi menunggu di Jabatan-jabatan Kerajaan ini adalah yang dikira belum cukup pengalaman lagi. Meraka yang muda-muda yang baru keluar daripada universiti-universiti, sedangkan yang sudah berpengalaman lama sudahpun keluar daripada Kerajaan untuk membuka syarikat sendiri ataupun untuk bekerja di tempat syarikat arkitek yang memberi gaji yang lebih tinggi daripada apa yang mereka dapat.

Selain daripada itu. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab tadi. tidak ikut sequence, inginlah saya membuat satu cadangan iaitu mengenai bangunan-bangunan yang berunsurkan agama iaitu kalau kita orang Islam ini masjidlah. Kita dapati banyak rekabentuk-rekabentuk masjid kita ini adalah mengikut vision ataupun konsep yang dikeluarkan oleh arkitek-arkitek sendiri sedangkan banyak juga arkitek-arkitek kita ini bukan latihan tempatan. Balik daripada Amerika, England, Australia dan sebagainya. Jadi masing-masing membawa satu era pemodenan arkitek yang unsurnya dimasuk di dalam rekabentuk masjid.

Saya pernah mendapat rungutan daripada seorang alim ulama yang mereka ini tidak pernah dirujuk apabila rekabentuk masjid diciptakan. Contohnya seperti Masjid Negara dan masjid-masjid lain lagi di mana alim ulama tidak dirujuk. Saya haraplah di masa-masa hadapan untuk bangunan-bangunan Kerajaan yang berunsurkan agama, saya mohonlah pihak Kerajaan supaya membuat rujukan kepada alim ulama. Sebagai concoh, semasa saya melawat China, Islam di benua China ini 1,300 tahun lamanya sedangkan di Malaysia kita ini baru 400-500 tahun sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Di China, di mana tu?

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Saya pergi ke Tien, Beijing dan banyak tempat lagi, tetapi di mana saya pergi saya melawat masjid-masjid yang lama-lama. Masjid yang tertua yang saya lawati ialah di Tien iaitu berumur 1,300 tahun; yang Lagi satu di Canton, begitu juga berumur 1,300 tahun,. Di masjid-masjid itu ada menunjukkan unsur Islam sungguhpun architecture berunsur Cina, tetapi selain daripada itu kita dapati menaranya, bertingkat-tingkat. Tidak semestinya 'bertingkat-tingkat itu, dia ada dua tingkat, empat tingkat atau lima tingkat, dia biasanya tujuh tingkat. Ini simbolik untuk kita orang Islam. Kita di sini tidak tahulah, kadang-kadang kita lihat kubahnya ada tiga. Tiga kubah ini jadi trinitylah, jadi Kritian terus. Kita tidak sedar ini, Rungutan ini disampaikan kepada saya oleh seorang alim ulama daripada Universiti Kebangsaan

Malaysia. Dia pun tidak mahu heboh-hebohkan perkara ini. Kita patut ambil ingatan dalam hal ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada ini saya ingin membawa perhatian kepada professional fees (charges). Biasanya fees ini mengikut nilai bangunan dan sebagainya. Kalau nilai bangunan itu lagi tinggi maka banyaklah fees, kalau mengikut percentage 5% daripada \$10 juta, 5% daripada \$20 juta. Baiklah Arkitek itu reka-bentuk untuk \$20 juta sebab 5% daripada \$20 juta lagi banyak. Inilah kadang-kadang yang menyebabkan bangunan-bangunan Kerajaan ini harganya tinggi sedangkan tidak berfungsi, non functional buildings, dia berukir-ukir sini, lengkok sana, lengkok sini, lepas itu bumbung begitu, dinding macam ini, lantai manara ini tetapi actual space, kegunaan bangunan itu tidak memberi faedah banyak. Ini melibatkan perbelanjaan yang tinggi untuk bangunan-bangunan Kerajaan.

Jadi inilah syor saya supaya bangunan-bangunan Kerajaan ini lebih mementingkan dari segi function bangunan itu sendiri daripada rekabentuk yang tidak memberi apa-apa maka, lebih-labih lagi yang featuristic architecture yang tidak melambangkan apa-apa pun. Ini adalah pencing, Tuan Yang di-Pertua. Sedangkan kita lihat di negara-negara Barat, kita dapati uniformed architecture untuk bangunan-bangunan, untuk kedai-kedai tetapi kita ini bebaslah, bebas sangat. Dalam satu deret kalau kita ada 10 buah kedai yang didirikan oleh 10 orang pengusaha, architecture semua 10 itu tidak serupa berlainan. Yang ini ada ukiran macam ini, yang ini, jadi dalam satu deret itu ada 10 kedai berlainan antara satu sama lain. Kalau kita pergi di setengah-setengah negeri di Eropah kalau

kata 10 kedai itu, satu naik macam ini, yang iain semua kena ikut-lah. Jadi dia uniform. Bila uniform itu ekonominya selain daripada functionnya termasuklah harganya sekali. Senanglah untuk pihak Kerajaan menyelaraskan sesuatu kawalan untuk bangunan-bangunan tadi,

Tuan Yang di-Pertua, ada sedikit permintaan untuk orang-orang yang kecil seperti kita, kadang-kadang kalau kita hendak membuat pinjaman Kerajaan, hendak mendapatkan pinjaman itu dia hendak lihat Architects drawing barulah boleh kita buat rumah. Bila kita pergi jumpa dengan Arkitek, mereka akan tanya berapa harga bangunan. Macam kita Ahli Dewan Negara \$60,000, dia hendak caj 5% ataupun lebih, kadang-kadang mereka tidak mahu buac sebab \$60,000 sahaja, murah sangat. Jadi, ini kita mintalah daripada pihak Arkitek-arkitek ini memberi pertimbangan khas ataupun mengeluarkan standard design untuk banglo-banglo atau rumah-rumah yang kecil, bukan sahaja untuk Ahli-ahli Dewan ini bahkan untuk orang lain juga di mana rumah-rumah yang akan dibina di dalam kawasan Majlis-majlis Perbandaran. oleh, sebab ini diperlukan oleh Majlis-majlis Perbandaran sebelum diluluskan pembinaannya. Ini kita mintalah sebagai rayuan kepada pihak-pihak pertubuhan Arkitek.

Saya ada dua tiga lagi perkara iaitu mengenai Town Planning Architects. Rasa saya kita tidak ada banyak sangat Town Planning Architects yang membawakan unsur-unsur landscaping dan sebagainya di negara kita dan terpaksa kita import. Saya dapati dalam pasaran ini banyak kita import oleh sebab kita kekurangan sangat. Ini saya minta pihak Kerajaan tambahkan lagi.

Untuk mengakhiri, Tuan Yang di-Pertua, mengenai job certification. Saya ingat ini sudah menjadi satu skandal, banyak bank sudah tersangkut, selain dari bank itu tersangkut, hutang tidak dibayar, pembeli rumah pun tersangkut juga kerana lawyer, telahpun menyaman mereka supaya membayar harga rumah yang tidak siap sedangkan progress claim sudah 80% pun ada. Maknanya ada coalition, kerjasama antara Arkitek-arkitek dengan kontraktor ataupun developer untuk hendak membuat pengesahan pembayaran bagi progress payment ini supaya bank bayar duit, dia buat baru 20% siap, pengesahan 50%. Jadi "bank hendak percaya siapa, mesti percaya kepada Arkiteklah. Kalau Arkitek kata 50%, dia pun keluarkan progress payment untuk 50% tetapi persiapan baru 20%.

Sebagai contoh, banyak. Di negeri Perlis pun ada dua projek yang masih belum selesai yang melibatkan sebuah bank iaitu Perwira Habib Bank di mana wang dikeluarkan kepada pemaju melalui cara yang saya sebutkan tadi.

Jadi, inilah seruan dan harapan saya supaya pihak Kerajaan mengambil tindakan mungkin melalui kawalan yang dicadangkan di dalam Akta ini. Tuan Yang di-Pertua, sekian dan sekali lagi saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

5.39 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana 'memberikan kesempatan kepada saya untuk bersama-sama membahas dan juga menyokong Rang Undang-undang yang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Arkitek 1967. Walaupun saya bukan seorang Arkitek tetapi saya berasa bertanggungjawab bersama-sama untuk memberikan pandangan-pandangan.

Pertamanya, Pasal 3 di mana di bawah Rang (undang-undang ini ianya bertujuan untuk meminda seksyen 4(1) bagi membolehkan Lembaga melantik satu penal pemeriksa bagi mengelolakan peperiksaan bagi memasuki profesion senibina.

Saya menyokong perlantikan penubuhan panel ini dan juga memang sentiasa dialu-alukan kerana mengikut peraturan yang ada sekarang, sebelum seseorang itu diiktiraf sebagai seorang arkitek, beliau hendaklah terlebih dahulu menduduki peperiksaan Part Three ataupun Bahagian Tiga. Dan kelulusan sebelum seseorang itu memasuki peperiksaan Part Three ini, beliau hendaklah terlebih dahulu ditentukan oleh Pertubuhan Arkitek Malaysia (PAM). Jadi, dengan adanya pindaan ini Lembaga akan melantik panel pemeriksa, saya fikir kuasa yang selama ini diberikan kepada PAM - saya tidak menuduh mereka ini mempunyai kepentingan-kepentingan tertentu, tetapi kadangkalanya mungkin ada unsur-unsur untuk mengurangkan bilangan arkitek ataupun sebagainya.

Yang biasanya PAMlah yang akan menentukan sama ada seseorang itu boleh ataupun tidak menduduki peperiksaan Part Three. Bukannya bermakna semua orang boleh memasuki peperiksaan. Maknanya sekarang ini PAM yang menentukan dan kelulusan ini bergantung kepada sama ada mereka itu telahpun membuat kerja-kerja ataupun portfolio-portfolio yang tertentu. Tetapi yang anehnya sekarang pun, untuk pengetahuan Dewan, PAM (Pertubuhan Arkitek Malaysia) secara automatik mengiktiraf kelulusan dari kolej ataupun dari university daripada England, Australia dan sebagainya. Tetapi tidak secara automatik

mengiktiraf kelulusan daripada ITM, UTM ataupun LISM. Jadi, bermakna seorang penuntut berkelulusan ITM, UTM ataupun USM perlu terlebih dahulu menghantarkan portfolio kerja-kerja yang telahpun dibuat untuk dipertimbangkan oleh PAM sebelum beliau dibenarkan menduduki peperiksaan Part Three ini.

Jadi, dengan tertubuhnya panel ini saya berharap juga mereka yang mendapat kelulusan daripada universiti ataupun kolej-kolej tempatan akan diberikan pengiktirafan yang sama kepada mereka yang dapat kelulusan daripada luar negeri supaya tidak ada berlaku perasaan tidak puas hati. Dan secara kebetulan juga kebanyakan lulusan dari ITM, UTM dan juga USM ataupun lulusan daripada dalam negeri ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang berasal daripada luar bandar dan penuntut-penuntut yang Lulus daripada pusat pengajian tinggi di luar negara ini kebanyakannya adalah terdiri daripada penuntut-penuntut yang berasal daripada dalam bandar. Jadi untuk menseimbangkan kedudukan arkitek yang berasal daripada bandar dan juga berasal daripada luar bandar, saya berharap clause ini dengan adanya perlantikan Lembaga yang telahpun mengambilalih untuk mengelolakan peperiksaan ini amatlah dialu-alukan sekali.

Tuan Yang di-Pertua, Pasal 7 seperti mana yang telahpun dinyatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi memanglah kita mengalu-alukan supaya menyekat pendaftaran sementara seorang arkitek asing, Kerajaan hendaklah berhati-hati sebelum membenarkan sebarang arkitek asing untuk memberikan perkhidmatan di

negara ini. Sebenarnya, negara kita telahpun mencukupi bilangan arkitek yang terlatih dan saya percaya mereka ini mempunyai kepakaran yang diperlukan dan juga lebih mengetahui akan suasana sekeliling dan juga kehendak-kehendak masyarakat setempat.

Menyentuh soal arkitek ini juga, saya ingin menimbulkan soal Uniform Building Bylaws (UBB). Pihak Kerajaan, sepertimana yang telah diketahui., telahpun cuba menyeragamkan Undang-undang Kecil Bangunan di seluruh negara. Ini dilakukan kerana terdapat banyaknya Building Bylaws, dengan izin, yang berlainan di antara sebuah Kerajaan dengan sebuah Kerajaan ataupun antara satu Majlis Tempatan dengan Majlis Tempatan yang lain.

Saya difahamkan UBB ini sebenarnya terlalu menitikberatkan soal penyeragaman pencegahan kebakaran sahaja tetapi kurang mengambil perhatian dari aspek-aspek yang lain. Jadi, dalam lain perkataan, terdapat keadaan di mana seorang arkitek yang biasa mendapatkan kelulusan bangunannya di Kuala Lumpur, umpamanya, tidak semestinya bangunan yang sama boleh diluluskan di Ipoh ataupun sebagainya kerana tidak adanya bylaws yang seragam di antara Kerajaan-kerajaan Tempatan ini..

Jadi, saya berharap supaya kajian yang mendalam dapat dibuat terhadap UBB ini supaya pengemaskinian dapat dibuat dan bukan hanya tertakluk ataupun dititikberatkan tentang penyeragaman pencegahan kebakaran. Dan juga saya berharap dalam pengkajian pengemaskinian ini akan juga dikaji Undang-undang Kecil Bangunan yang telahpun ketinggalan zaman seperti undang-undang memerlukan satu projek perumahan mempunyai backlane seluas 6.2 meter ataupun 20 kaki yang

mana ianya telahpun diperkenalkan 30 ataupun 40 tahun yang lalu di mana backlane ini digunakan oleh lori untuk mengangkut sampah dan juga mengangkut najis. Tetapi di zaman ini tidak ada lagi keperluan-keperluan ini kerana kita telahpun ada oxidation pond dan juga biasanya sampah dikutip melalui jalan hadapan. Malah pada masa sekarang ini, backlane ini juga telahpun menjadi satu security hazard kepada pemilik-pemilik rumah kerana banyak berlaku kecurian. Maksudnya mereka yang ingin menceroboh boleh masuk melalui jalan belakang dan bila ada dua tempat untuk masuk, jadi bertambah lagi kemungkinan-kemungkinan berlakunya perkara-perkara yang tidak diinginkan. Saya berharap pihak Kerajaan juga dapat memikirkan soal ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh mengenai Fasal 11 iaitu Fasal 11 yang bertujuan untuk memasukkan dua seksyen baru 15A dan juga 15B di mana seksyen 15A memberi kuasa kepada Lembaga untuk melantik satu Jawatankuasa Siasatan dan satu Jawatankuasa Disiplin terhadap arkitek-arkitek ini. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri tadi kita berharap Lembaga Siasatan ini hendaklah jangan terdiri daripada arkitek-arkitek juga kerana mereka ini rakan-rakan seperjuangan mereka kemungkinannya berlaku perasaan pilih-kasih, kasihan ataupun sebagainya. Diharapkan dapat orang luar yang tidak menjadi arkitek dilantik ke dalam panel ini.

Mengikut Fasal ini, "the Disciplinary Coramitcee may order the issuance of a written reprimand to, the imposition of a fine..."

Last sekali, salah satu sebabnya:

- (a) If he offers or accepts any commission which in the opinion of the Disciplinary Committee is an illicit commission,"

Tadi Yang Berhormat Tuan Dahalan telahpun menimbulkan soal banyak pcojek-projek yang terbengkalai, projek-projek perumahan yang terbengkalai tetapi dari segi pembayarannya telahpun dibuat bayaran 100%. Apabila bayaran telahpun dibuat 100%, bermakna pihak arkitek telahpun membuat pengesahan ataupun certification 100% barulah pihak pemaju mengeluarkan pembayaran.

Sememang tidak dapat dielakkan dalam mana-mana profesion sekali pun, tentunya terdapat mereka yang kurang amanah ataupun mengambil kesempatan dari profesion masing-masing. Baru-baru ini Timbalan Menteri Perumahan telahpun mengatakan seramai 26,129 orang terlibat dengan projek-projek perumahan yang terbengkalai yang melibatkan lebih daripada \$1.4 billion. Saya percaya tidak kurang juga jumlahnya terdiri daripada pegawai-pegawai Kerajaan dan juga orang-orang awam. Mereka ini bukan hanya tidak dapat rumah tetapi terpaksa menanggung hutang walaupun rumah yang dibina masih belum dapat didirikan lagi.

Apa yang ingin saya timbulkan di sini ialah Arkitek biasanya terlibat di dalam membuat pengesahan tentang pembayaran terhadap bayaran yang dituntut oleh pemaju dari pemilik ataupun dari institusi kewangan. Jadi, setelah Arkitek certified barulah pembayaran dibuat. Sepertimana tadi telahpun saya katakan kadang-kadang kala bayaran rumah itu telah 100% tetapi dari segi rumah baru siap 70% ataupun 80%. Jadi, di sini berlaku penyelewengan ataupun pakatan di antara Arkitek, pemaju dan juga pihak kontraktor. Yang menjadi mangsa bukannya bank atau institusi kewangan tetapi yang lebih menjadi mangsa di sini ialah pihak pembeli itu sendiri iaitu pihak pemilik sendiri.

Saya ingin mencadangkan di sini seperti juga dalam soal jual beli kalau kita membeli rumah umpamanya, seorang Peguam itu dia tidak boleh act bagi pihak penjual ataupun pembeli, bagi kedua-dua sekali. Sama ada undang-undang telah dipinda atau belum, saya fikir tidak dibenarkan seorang peguam bertindak bagi pihak pemaju, pada masa yang sama juga dia bertindak bagi pihak pembeli. Saya ingin mencadangkan supaya dalam soal Arkitek dan perumahan ini juga supaya ada pihak pembeli boleh melantik seorang Arkitek yang independent. Sepertimana dalam soal jual beli di antara pembeli dengan pemaju tadi supaya ada Arkitek yang independent yang membuat assessment. Apakah betul, katakan kalau Arkitek buat certification, kerja itu telahpun dilaksanakan sampai 80% biasanya dari pihak bank, dia tahu dia akan dapat duit daripada pembeli, dia akan meluluskan sahaja. Pihak kontraktor memanglah dia hendakkan duit dia cepat. Pihak pemaju pun memang macam .itu juga, dia hendak duit dia cepat dan kadang-kala berlaku pakatan di antara mereka ini. Jadi, pengguna yang menjadi mangsa. Saya cadangkan supaya pengguna juga boleh melantik Panel Arkitek. Kalau tidakpun pengguna, pihak bank sendiri melantik Panel Arkitek supaya projek-projek ini ada check and balance. Dicheck sama ada betul atau tidak pembayaran yang sepatutnya dibuat. Cuma dengan ini saya percaya akan dapat mengelakkan banyaknya projek-projek yang terbengkalai. Jadi, mana-mana yang telah terbengkalai itu biarlah, tetapi kita harapkan untuk masa-masa yang akan datang, akan dapat difikirkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan. Yang di-Pertua, saya fikir cuma setakat itu sahajalah penjelasan-penjelasan. ataupun pandangan-pandangan yang dapat saya berikan dalam membahaskan Akta ini dan sekali lagi saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Diminta pihak Kementerian menjawab.
5.55 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Kerk Choo Ting]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian di dalam perdebatan berkenaan dengan Rang Undang-undang Arkitek (Pindaan) itu. Banyak soalan telah dikemukakan dan saya akan cuba menjawab satu demi satu.

Soalan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri berkenaan dengan projek yang "wholly financed" oleh/negara asing. Apa ertinya finance itu? Jikalau kita tinjau dari segi Arkitek sebenarnya satu projek itu dijalankan dengan begini, projek itu selalu dijalankan dengan cara satu package. Satu package diberi kepada negara asing dan negara asing memberi bantuan kewangan dalam dua tiga jenis bentuk. Jenis yang pertama ialah geran iaitu secara hadiah atau derma. Kadang-kadang ia sebahagian hadiah atau sebahagian pinjaman, soft loan yang dicampur sekali. Kadang-kadang terlibat: skill atau kemahiran yang istimewa yang tidak dapat diupah daripada Arkitek tempatan. Itu satu package. Selalunya Kerajaan memberi kerja atau projek itu kepada syarikat atau Arkitek asing bercampur atau joint venture, berusaha sama dengan Arkitek-arkitek tempatan, Itulah yang selalu dijalankan. Jarang-jarang kita memberi satu-satu projek kepada Arkitek asing tanpa melibatkan unsur-unsur Arkitek tempatan itu.

Jadi, kalau kita hadkan. cuma hadiah yang diberi kepada Malaysia oleh negara asing, barulah Arkitek-arkitek asing boleh didaftarkan sementara. Maka kita menyekat atau menghadkan kita dalam kebanyakan perkara. Walau bagaimanapun, kita boleh membincangkan atau membawa perkara ini kepada Kementerian semasa kita hendak mengupah atau melantik Arkitek asing, cuma terhadap kes-kes yang wajar sahaja. Kita tidak dengan secara generous beri kepada orang asing.

Berkenaan dengan Lembaga Penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasat dan Jawatankuasa Disiplin. Semua aduan sama ada daripada orang awam atau Arkitek itu sendiri akan disiasat oleh Jawatankuasa Penyiasat. Kalau didapati apa-apa kesalahan, maka iai akan dirujuk kepada Jawatankuasa Disiplin. Sama ada orang yang bukan dari disiplin Arkitek bolehkah duduk di dalam Lembaga itu, ini boleh saya bawa kepada Kementerian untuk dibincangkan lagi.

Pada waktu ini, jawatankuasa itu terdiri daripada profesion Arkitek sahaja. Oleh sebab perkara-perkara itu adalah perkara teknikal terlibat di dalam arkitek, jadi kalau orang yang tidak berdisiplin, bolehkah mereka memahami atau tidak, kita pun tidak tahu. Walau bagaimanapun, perkara ini akan dibawa balik ke Kementerian untuk di pertimbangkan lagi.

Yang Berhormat Tuan Dahalan menyentuh kegiatan penyelewengan Draftsman. Lembaga Arkitek atau Kementerian ini memandang berat terhadap perkara ini, jika ada apa-apa aduan bolehlah disampaikan kepada Lembaga Arkitek atau kepada Kementerian dan siasatan dan tindakan disiplin akan diambil di bawah Seksyen 25.

Berkenaan dengan Arkitek cukup atau tidak cukup di dalam pihak Kerajaan atau swasta, ini satu soalan yang tidak boleh dijawab dengan secara amnya, sebab, kalau mengikut pertumbuhan ekonomi Malaysia, kalau pertumbuhan ekonomi di sesuatu masa itu baik, maka mungkin akan menghadapi kekurangan arkitek. Tetapi kalau kita mengalami satu resesi, maka bukan sahaja arkitek, Jurutera dan lain-lain lagi akan dibuang kerja, oleh sebab kita telah melebihi dan arkitek itu tidak menghadapi pengangguran. Pada masa sekarang kita ada 1,000 orang lebih Arkitek dan 400 orang Town Planner yang lain.

Berkenaan dengan standard design. Pada masa sekarang ada beberapa majlis telahpun dibuat mengikut standard design, bukan sahaja masjid, sekolah-sekolah atau apa-apa rumah kos rendah

yang mengikut standard design. Sama ada standard design ini baik atau tidak, inipun tertakluk kepada pandangan-pandangan yang lain sebab Kementerian Kerja Raya atau Lembaga Arkitek itu selalu dipertikaikan kerana bangunan-bangunan itu seperti kotak mancis, tidak mempunyai budaya istimewa ataupun ciri-ciri yang istimewa yang membayangkan budaya Malaysia ini. Oleh sebab itu, ada setengah-setengah pemimpin yang memencingkan lebih baik bangunan-bangunan di Jalan bandar itu adalah beraneka ragam, bukan seragam. Sama ada itu baik atau tidak, itu berpulang kepada individu itu sendiri.

Berkenaan dengan Town Planner, sekarang ini ada 400 orang dan job certification, rumah yang tidak siap dan wang yang sudah dibayar, sebenarnya perkara ini bukan kerana arkitek. Arkitek ini dia dengan disiplinnya sendiri, jarang hendak membuat perkara ini, sebab tanggungjawabnya (responsibility) dan penalti, denda yang akan dikenakan kepada arkitek itu berat. Selalunya pemaju rumah yang menjadi satu faktor yang utama, yang bertanggungjawab jika rumah-rumah atau taman-taman perumahan itu terbengkalai. Jarang kita nampak arkitek yang memberi job certification 100% di mana rumah itu cuma hanya 70% atau 80% disiapkan. Jarang berlaku perkara itu, selalunya pemaju yang tidak dapat menyiapkan rumah itu dan arkitek pun enggan memberi job "certification kepada perumahan itu. Apa yang berlaku dalam 100 lebih projek-projek yang terbengkalai itu semuanya menghadapi kekurangan pengalaman dalam pengurusan kewangan projek itu oleh pihak pemaju dan bukan daripada kelakuan penyelewengan arkitek itu.

Tuan Rahim bin Baba: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba minta penjelasan.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tadi semasa Tuan Dahalan menimbulkan soal ini, beliau telahpun memberikan dua contoh yang spesifik di Perlis bahawa terdapat projek-projek yang telahpun dibayar 100%, bermakna pihak arkitek telahpun tertity, dengan izin, 100% barulah pemaju dapat duit. Tetapi mengikut Tuan Dahalan tadi, dari segi hakikatnya, kalau 100% bermakna telah complete, penghuni telah boleh duduk, tetapi pada hakikatnya kata Tuan Dahalan tadi, masih juga terbengkalai, Apakah ini just an excaption to the rule, izin.

Timbalan Yang di-Pertua: Tuan Rahim ada atau tidak contoh daripada pengalaman sendiri?

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, itulah sebabnya, saya tidak sempat hendak buat homework tentang perkara itu. Kalau ada saya akan check sendiri, saya pun ada juga source yang saya boleh check. Jadi, kalau **ada**, saya akan beritahu kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri .

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yaag di-Pertua, mungkin saya boleh membantu. Sebenarnya begini, di negara kita, kita ada dua surat perjanjian. Ada satu standard agreement untuk perumahan di mana Certificate of Fitness Eor Occupation (CF) dikeluarkan barulah 100% wang itu boleh dikeluarkan, itulah standard agreement untuk perumahan yang baru. Tetapi kalau projek-projek itu berlaku atau dibuat sebelum the new standard of agreement itu dilaksanakan, maka mungkin arkitek akan membuktikan rumah itu practical completion,

dalam bahasa Inggeris. Rangka-rangka dan semuanya sudah siap, tetapi Certificate of Fitness (CF) belum diberikan. Kalau dia hendak mendapatkan Certificate of Fitness, jalan pun mesti dibuat, wayar elektrik mesti disiapkan, mesti siap dipasang, perparitan semuanya mesti disiapkan barulah CF itu boleh diberikan oleh Majlis Tempatan.

Jadi, inilah dibahagi kepada dua kalau projek itu selepas surat perjanjian perumahan yang baru, ini tidak mungkin akan berlaku. Tetapi kalau projek itu dibuat sebelum surat perjanjian perumahan itu dilaksanakan itu mungkin. Tetapi itupun bukan kerana kesalahan arkitek sebab mengikut surat perjanjian practical completion, ia boleh dibuat, selepas practical completion itu 100% wang icu dikeluarkan. Oleh kerana kelemahan itu baharulah Kerajaan meminda supaya satu bylaw perumahan dan satu surat perjanjian perumahan yang baru dilaksanakan. Kalau ada apa-apa yang berlaku Lagi, bolehlah menulis kepada Kementerian kita atau kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diambil tindakan.

Tuan Rahim bin Baba: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya buat cadangan supaya ada pihak pembeli juga mempunyai panel arkitek, kerana saya takut Yang Berhormat Timbalan Menteri akan berhenti setakat itu, itu sebabnya saya bangun cepat. Saya menimbulkan ini kerana apakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa arkitek yang ada sekarang adalah bekerja dengan pihak pemaju. Jadi, kalau dia bekerja dengan pihak pemaju bermakna fees yang dia dapat adalah dari fees yang dia dapat oleh pihak pemaju, Jadi kalau ada unsur-unsur ini ditakutkan berlaku, dengan izin, conflict of interest, percanggahan kepentingan kerana dia bekerja dengan pihak pemaju tentulah dia lebih memikirkan soal pemaju. Lagi lebih pemaju dapat duit, lagi cepat dia akan dapat feesnya. Itu sebabnya saya mencadangkan tadi supaya ada satu panel arkitek yang mewakili pembeli rumah ataupun yang disediakan oleh pihak yang memberikan pinjaman. Itu yang saya maksudkan.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu dialukan. Kalau sesiapa yang ingin mengupah seorang arkitek yang independent untuk mentaksirkan, dia boleh berbuat demikian, tetapi masalahnya bukan begitu, Pada pandangan Kementerian ini, masalah ini bukan, daripada arkitek. Masalah itu ialah daripada pemaju, bukan daripada arkitek. Jarang arkitek yang hendak buat satu job

certification kepada kerja-kerja yang tidak disiapkan, jarang. Mungkin yang ada kerana rumah itu kalau buat begini lebih mahal, buat begini lebih menjimatkan kos pembinaan, itu mungkin, tetapi semua itu dibuat di dalam peringkat awalan, bukan di dalam peringkat pelaksanaan. Itulah daripada pengalaman. Jadi kalau kita hendak mengatasi masalah-masalah projek terbengkalai, lebih baik kita berbincang dari segi macam mana mengawasi pemaju, bukan daripada arkitek. Itulah jawapan saya.

Berkenaan uniform building by-laws dan juga untuk bangunan-bangunan kecil, back lane dan lain-lain. lagi, semua itu kita boleh timbangkan. Saya boleh bawa balik kepada Kementerian dan merujuk kepada agensi-agensi yang berkenaan,

Satu lagi iaitu kelulusan ITM, UTM, USM dan lain-lain, semua itu sekarang sudah diiktirafkan untuk mengambil peperiksaan Part Three.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, maksud saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah mereka ini diiktiraf secara automatik? Maknanya tak perlu lagi ditapis oleh PAM, kerana sekarang ini PAM akan tapis dahulu sama ada mereka ini apa potfolio yang sudah dibuat, apa kerja-kerja yang sudah dibuat dan ditapis dahulu. Kalau difikirkan. mereka ini sudah buat banyak kerja, baru dia boleh menduduki peperiksaan Part Three. Tetapi kalau mereka yang daCang daripada universiti luar aegeri, daripada U.K. ataupun Australia, mereka ini tak perlu ditapis oleh PAM, straight away secara langsung mereka boleh terus menduduki peperiksaan Part Three, sepertimana yang telahpun saya katakan tadi. Apa yang saya sarankan ialah supaya jangan ada penapisan, mereka inipun diberikan hak yang

sama untuk menduduki peperiksaan Part Three seperti juga mereka yang keluar daripada, universiti-universiti luar negeri.

Tuan Kerk Choo Ting: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini saya akan bawa balik ke Kementerian. Kalau boleh, rayuan ini boleh dipertimbangkan.

Selain daripada itu, saya percaya saya telah menjawab semua soalan. Sekianlah sahaja, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dtsetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempeagerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 19 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG AHLI PARLIMEN (SARAAN)(PINDAAN)(NO.2)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

6.17 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato Wong See Wah]: Tuan. Yang di-Pertua, saya mohon. mencadangkan supaya Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan bagi kali yang kedua.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Rang Undang-undang Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992 bagi meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 untuk menaikkan gaji dan elaun bulanan Ahli Parlimen, Yang di-PerCua dan Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Partua Dewan Rakyat serta anggota pentadbiran telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 24hb Disember, 1991 dan Dewan Negara pada 31hb Disember, 1991. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah telah memberi perkenaa Baginda ke aCas Rang Undang-undang itu pada 30hb Jaauari, 1992. Rang Undang-undang itu telah diwartakan pada 20hb Pebruari, 1992 sebagai Akta Ahli Parlimen. (Saraan) (Pindaan) 1992.

Tuan Yang di-Pertua, setelah Rang Undang-undang itu diwartakan dan semakan semula dibuat, didapati terdapat ketidakkonsistenan pada angka di Seksyen. 3(1)Cb). Versi Bahasa Malaysia seksyen berkenaan menyatakan elaun Ahli Parlimen sebanyak empat ribu ringgit, manakala versi Bahasa Inggeris seksyen berkenaan menyatakan perkataan "empat ribu lapan ratus ringgit". Sebagaimana yang telah dipersetujui, elaun Ahli Parlimen ialah sebanyak S4,800 sebuLan. Ketidak-konsistenan ini berlaku semasa naskhah muktamad disediakan untuk dimajukan bagi mendapat perkenan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Ini kerana semasa Dewan membahaskan Rang Undang-undang tersebut, perkataan yang tercatat pada Seksyen 3(1)(b) ialah empat ribu lapan ratus ringgit sebulan. Kasilapan tipografi yang berlaku pada Seksyen 3(1)Cb) Akta Ahli Parlimen (Saraan) (Pindaan) 1992 itu ialah pada versi Bahasa Malaysia.

DN.4.6.92

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kesilapan tipografi yang berlaku pada Seksyen 3(1)(b) Akta Ahli Parlimen (Saraan)(Pindaan) 1992 versi Bahasa Malaysia yang merupakan naskah sah, suatu Rang Undang-undang perlu diadakan bagi membetulkan kesilapan itu. Kesilapan yang berlaku ini adalah tidak disengajakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat:, masalah di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan dipersetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Pasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN)**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga****6.24 ptg.****Seciausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi**

[**Tuan Mohd. Noh bin Rajab**]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara 1965 dibacakan kali kedua sekarang,

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Rang Undang-undang ini dibuka untuk dibahaskan, sukacitalah saya mengambil peluang ini untuk menerangkan latarbelakang dan tujuan-tujuan Rang Undang-undang ini dibentangkan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, undang-undang yang digubal-menerusi Dewan yang mulia ini adalah untuk faedah kepada rakyat dan negara. Undang-undang merupakan landasan yang perlu dipatuhi supaya hak dan kepentingan seseorang atau badan dapat dijaga. Oleh itu, dalam konteks pengurusan tanah, undang-undang yang sesuai dengan kehendak-kehendak pembangunan dan dasar negara perlu diadakan. Undang-undang yang ada perlu dikemaskinikan dari semasa ke semasa dengan mengadakan pindaan-pindaan" tertentu bagi memenuhi keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meminda Kanun Tanah Negara pada kali ini telah dimulakan sejak tahun 1985. Berbagai-bagai pandangan telah dikaji menerusi beberapa Jawatankuasa tertentu, sehinggalah terhasilnya Rang Undang-undang seperti yang ada

sekarang ini. Pindaan pada kali ini, agak menyeluruh. Ianya meliputi dari mengemaskinikan beberapa takrif, bidang-bidang kuasa, perlantikan beberapa jawatan, perkara-perkara bersangkutan dengan pengukuran tanah hinggalah kepada perkara-perkara baru seperti pengkomputeran dan penerapan nilai-nilai Islam.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bercadang untuk menyentuh satu persatu pindaan-pindaan yang telah dicadangkan kerana ia akan mengambil masa yang terlalu panjang. Saya hanya akan, dengan izin, highlights beberapa perkara yang penting sahaja.

Pindaan pertama yang ingin saya utarakan ialah bersangkutan dengan dasar penswastaaan Kerajaan iaitu di bawah Bahagian Tiga Puluh, yang diganti baru supaya tindakan perletakhakan harta kepunyaan Kerajaan atau agensi-agensi Kerajaan dapat dilakukan dengan mudah apabila sesuatu Jabatan Kerajaan diswastakan. Pindaan yang dicadangkan adalah merangkumi.:

Pertama, orang yang layak memohon telah diperluaskan kepada, dengan izin, "A transferee, or a person lawfully entitled to do so on his behalf."

Kedua, ialah perkara yang boleh dipohon di bawah Bahagian ini diperluaskan kepada semua kepentingan yang berdaftar atau yang boleh didaftarkan atas tanah itu ataupun dokumen-dokumen mengenai hak, dengan izin, "documents of entitlement" seperti lesen, permit dan lain-lain juga diambil kira.

Tatacara memproses permohonan perletakhakan telah disusun semula dan ianya iebih mudah dan cepat. Di bawah cadangan ini proses letakhak mengikut cara-cara yang ditetapkan akan terus dibuat:

apabila Pendaftar berpuas hati yang kepentingan-kepentingan di atas tanah itu boleh diletakhak kepada penerima pindahmilik mengikut undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam permohonan itu. Tatacara ini digabal setelah diambilkira keadaan yang berlaku masakini terutama dalam hal penswastaaan, di mana apabila satu-satu agensi Kerajaan diswastakan, beberapa bentuk pemilikan tanah dan hak-hak di atas tanah perlu diletakhakan kepada badan-badan atau syarikat yang diwujudkan untuk mengambil alihnya. Di samping **itu**, tanah-tanah wakaf yang terdiri daripada berbagai-bagai jenis dan cara-cara mewakafkannya akan dapat diletakhakan dengan mudah.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penerapan nilai-nilai Islam pula, pindaan kepada Kanun **ini**. melibatkan tiga faedah utama. Pertamanya, dengan adanya peruntukan Bahagian Tiga Puluh, ianya akan memudahkan tanah-tanah wakaf diletakhakan kepada Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Pada masa ini tanah-tanah wakaf didaftarkan atas nama Majlis Agama Islam adalah melalui pindahmilik (Borang 14A) ataupun tanah tersebut diserahkan kepada Kerajaan dan pihak Majlis Agama Islam memohonnya dari Kerajaan. Kedua-dua kaedah tersebut: melibatkan perbelanjaan dan juga masa. Tetapi dengan adanya peruntukan di bawah Bahagian Tiga Puluh yang diganti baru ini, maka tanah-tanah wakaf tersebut boleh diletakhakan terus kepada Majlis Agama Islam.

Keduanya, pindaan kepada seksyen 249 memberi pilihan kepada orang ramai supaya urusan gadaian tidak dikenakan "faedah". Ini adalah selaras dengan konsep urusaniaga dalam Islam.

Dan ketiganya, pindaan kepada Kanan ini telah mentakrifkan "Court" termasuk Mahkamah Syariah. Ini adalah selaras dengan pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan Perkara 121(1A), yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah menguruskan perbicaraan berkaitan dengan hukum Islam. Tanpa pindaan ini Pentadbir-pentadbir Tanah atau Pendaftar tidak boleh mendaftarkan perintah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah, seperti perintah mengenai harta sepencarian kerana takrif "Court" hanya bermaksud Mahkamah Tinggi sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, urusan kelewatan pendaftaran tanah seringkali dibangkitkan oleh orang ramai. Kelewatan ini telah mencerminkan ketidakcekapan Pejabat-pejabat Tanah. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut, maka Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer telah dicadangkan untuk dilaksanakan iaitu di bawah Bahagian Satu (A). Dengan adanya peruntukan ini maka urusan pendaftaran hakmilik dan urusniaga tanah akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan dan dari segi jangka panjangnya ianya akan dapat menjimatkan tenaga pekerja dan juga kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu pemilikan tanah oleh bukan warganegara atau syarikat asing sering juga dibangkitkan. Pada masa ini mereka bebas untuk memiliki semua kategori tanah di negara ini. Oleh itu pindaan kepada Kanun Tanah Negara kali ini telah mengadakan sekatan terhadap pemilikan tanah kepada warganegara atau syarikat asing seperti yang terdapat di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga (A), di mana tanah-tanah di bawah kategori "Partanian" dan "Bangunan" perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Bagi tanah kategori industri sekatan tidak dikenakan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, peruntukan yang sedemikian. pernah diluluskan. oleh Dewan yang mulia ini pada tahun 1985 menerusi Akta A587 yang berkuatkuasa mulai 25 Mac 1985 di mana tanah-tanah di bawah kategori pertanian adalah dihalang untuk dimiliki oleh warganegara asing atau syarikat asing. Bagi tanah berkategori bangunan perlu mendapatkan kelulusan dari Pihak Berkuasa Negeri, manakala tanah berkategori industri adalah bebas dimiliki. Walau bagaimanapun, oleh kerana negara mengalami kemelesetan ekonomi selepas itu dan untuk mewujudkan suasana pelaburan. yang positif yang terdapat di negara ini bagi bersaing dengan negara-negara lain maka sekatan tersebut telah dimansuhkan menerusi Akta A658, yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari 1987.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai beberapa fasal yang penting di dalam Rang Undang-undang untuk meminda Kanun Tanah Negara.

Rang Undang-undang ini mengandungi 77 fasal. Fasal-fasal tersebut melibatkan perkara-perkara utama dan juga pindaan susulan. Di sini izinkan saya menerangkan dengan ringkas akan kandungan fasal-fasal utama seperti berikut:-

Fasal 2 - diwujudkan bagi menyelaraskan atau mengemaskinikan:-

- (a) Panggilan "Director 'General of Survey" dengan panggilan "Director General of Survey and Mapping" supaya sejajar dengan panggilan jawatan yang sebenar sekarang.

- (b) Memberi nombor semula kepada Borang supaya selaras dengan Bahagiannya dan memudahkan pengenalannya.

Fasal 4 - Meminda takrif dan mewujudkan beberapa takrif baru di bawah seksyen 5 misalnya takrif "agriculture".

Fasal 5 - Mewujudkan Bahagian baru, dengan izin, "Part One (A) computerized land registration system" dan juga Jadual Keempatbelas. Bahagian baru ini merbolehkan penggunaan komputer dalam urusan pendaftaran tanah. Ia memberi kuasa kepada Menteri menentukan tarikh pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah menerusi komputer di negeri-negeri di Semenanjung Malaysia selepas mendapat persetujuan Majlis Tanah Negara dan juga membuat pengubahsuaian kepada borang-borang di dalam Jadual keempatbelas bagi memudahkan pendaftaran tanah menerusi komputer dilaksanakan,

Fasal 7 - Seksyen 12(1)(b) dipinda dengan memasukkan perlantikan Penolong kepada Pengarah Tanah dan Galian Negeri.

Fasal 8 - Seksyen 13 dipinda dengan diolah semula peruntukannya supaya ianya jelas dan senang dilaksanakan, Di samping itu, ditentukan juga supaya Pihak Berkuasa Negeri sahaja yang boleh melupuskan tanah dalam lingkungan 50 meter daripada, dengan izin, "spring". Ini adalah untuk memelihara sumber yang penting itu.

Fasal 9 - Seksyen 14 dipinda bagi membolehkan Pihak Berkuasa Negeri membuat peraturan untuk mengkompaun beberapa kesalahan tertentu di bawah Kanun Tanah Negara.

Fasal 11 - Seksyen 35 dipinda bagi membolehkan seseorang Pentadbir Tanah yang lain menyambung dan meneruskan perbicaraan akibat daripada kematian, pertukaran atau keuzuran Pentadbir Tanah yang mengetidalikan kes tersebut. Ini bagi mengelakkan pembaziran masa dan kelambatan.

Fasal 14 - Mewujudkan seksyen baru 46A bagi membolehkan pengembalian syer tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri didaftarkan atas nama mana-mana badan barkanun yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri. Dengan cara ini diharapkan harta tersebut dapat diuruskan dengan berkesan.

Fasal 15 - Seksyen baru 61A diwujudkan bagi mengatasi masalah untuk melaksanakan kerja-kerja seperti pemasangan, pembaikan dan penyenggaraan longkang, pembentung, paip dan kabel apabila persetujuan pemilik tanah atau orang yang berkepentingan di atasnya gagal diperolehi.

Di bawah cadangan ini orang perseorangan atau syarikat swasta boleh mengemukakan permohonan kepada Pengarah Tanah dan Galian untuk mendapatkan perintah bagi menjalankan kerja. Selepas membuat penyiasatan dan berpuas hati, Pengarah Tanah dan Galian akan mengeluarkan perintah sama ada membenarkan kerja-kerja seperti yang

dipohonkan dijalankan atau tidak. Kiranya pemohon gagal mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, Pengarah Tanah dan Galian boleh mengarahkannya memberhentikan kerja-kerja tersebut dan mengembalikan tanah seperti keadaan asal. Kiranya terdapat kerosakan, bayaran pampasan headaklah dibuat kepada pemilik tanaman atau tuanpunya tanah yang terlibat.

Fasal 17 - Seksyen baru 68A diwujudkan bagi membolehkan **Pen-**tadbir Tanah Daerah memungut deposit apabila Lesen Pendudukan Sementara (Borang 4A) diluluskan. Ini adalah untuk memastikan tanah itu dibaikpulih jika tanah itu dirosakkan.

Fasal 19 - Seksyen 76(aa)(i) dipinda bagi membolehkan Kerajaan Negeri memberimilik tanah untuk selama-lamanya kepada Kerajaan Persekutuan. Pindaan yang dicadangkan ini adalah selaras dengan **pin-**daan kepada Perkara 83(3) Perlembagaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, **Fasal 22** - Seksyen kecil (4) kepada seksyen 115 dipinda bagi tujuan menghadkan pembinaan bangunan kediaman di atas tanah pertanian. Dengan itu diharapkan. tanah-tanah pertanian tidak akan hilang pengenalannya sebagai tanah pertanian. Di samping itu, pindaan ini memastikan yang kilang-kilang yang didirikan di atas tanah itu adalah untuk memproses bahan keluaran dari tanah yang berkenaan sahaja.

Fasal 23 - Seksyen 117 dipinda bagi melengkapkan aktiviti-aktiviti yang boleh dimasukkan di bawah kategori industri, Pindaan juga dibuat bagi menghadkan. penggunaan bangunan yang didirikan untuk

tuanpunya tanah kepada mereka yang tertentu sahaja seperti pekarja-pekerja kilang dan lain-lain.

fasal 25 - Paragraf (a) seksyen kecil (6) kepada seksyen. 129 diganti dengan yang baru untuk membolehkan Pihak Berkuasa Negeri melantik orang-orang perseorangan atau badan untuk mengusahakan tanah-tanah terbiar. Dalam keadaan sekarang hanya Pihak Berkuasa Negeri sahaja yang boleh menjalankan usaha-usaha remedi ini ke atas tanah-tanah yang melanggar syarat dan diambil tindakan, dengan izin, "temporary possession".

Fasal 26 - Seksyen 137 dipinda supaya pelan tanah yang dikemukakan hendaklah jenis pra pengiraan, dengan izin, "pre-computation plan". Ini adalah untuk menentukan pengukuran, tanah yang lebih tepat.

Fasal-fasal 27 dan 28 - Seksyen 140 dan 141 dipinda bagi membolehkan pecah bahagian tanah yang dipunyai oleh lebih dari dua orang supaya hakmilik dapat dikeluarkan kepada setiap orang tuannya bersama itu ataupun kepada beberapa orang tuannya mengikut syer masing-masing. Peruntukan sekarang hanya boleh dikeluarkan kepada setiap tuannya tanah sahaja.

Fasal 31 - Seksyen 131 dipinda supaya menjadi tanggungjawab Pentadbir Tanah mengemukakan permohonan ukur kepada Pengarah Ukur sebelum hakmilik sementara dikeluarkan.

Fasal 33 - Seksyen 195 dipinda bagi membolehkan- penyerahan hak-milik tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri tanpa menentukan maksudnya.

Fasal 34 - Seksyen 196 dipinda bagi menyatakan syarat untuk meluluskan penyerahan tanah bagi mengelakkan Pihak Berkuasa Negeri menanggung apa-apa beban akibat daripada penyerahan tanah tersebut.

Fasal 42 - Seksyen 205 dipinda bagi membolehkan tanah kepunyaan bersama dipindah milik kepada tuannya bersama yang lain dalam tanah yang sama walaupun keluasaanya kurang daripada 2/5 hektar.

Fasal 43 - Seksyen 217 dipinda bagi membolehkan. syer seseorang tuannya tanah itu disatukan berikutan. dengan pemindahan syer daripada tuannya yang lain.

Fasal 44 - Saksyen 249 dipinda dengan menambahkan perkataan, dengan. izin, "if any" selepas perkataan, dengan izin, "interest theteon" di perenggan (a) seksyen kecil (1). Ini akan membolehkaii gadaian dibuat tanpa melibatkan faedah.

Fasal 45 - Seksyen 268 dipinda dengan memasukkan perkataan, dengan izin, "if any" selepas perkataan, dengan izin., "any interest then due" dalam perenggan (a) kepada subseksyen (2). Dengan adanya pindaan ini maka ia memberi peluang supaya pembayaran wang jualan kepada pemegang gadaian dibayar taapa dimasukkan unsur-unsur Faedah. Cadangan ini adalah selaras dengan konsep urusaiaga dalam Islam.

Tuan Yang di-Pertua, Fasal-fasal 51 hingga 56 - Fasal-Fasal tersebut berkaican dengan kerja-kerja Jabatan Ukur yaag melibatkan pindaan. dan pengwujudan beberapa seksyen. baru. Di antara pindaan-pindaannya adalah seperti berikut:

- (a) .Mewujudkan seksyen baru 398A berhubung dengan tugas juru-ukur berlesen untuk menyempurnakan kerja-kerja" ukur dan mendepositkan data-data ukur kepada Pengarah Ukur Negeri. Ini bagi memastikan kerja-kerja ukur yang dijalankan oleh juruukur berlesen dijalankan dengan sempurna.

- (b) Mewujudkan seksyen 400A (baru) iaitu berhubung dengan kasalahan orang yang menjalankan kerja-kerja mengukur tanah tanpa diberikuasa.
- (c) Mewujudkan seksyen 404A (baru) iaitu menetapkan prosedur bagi permohonan untuk mengubah, dengan izin, "survey reference mark" untuk menjalankan kerja-kerja tertentu. Ini bertujuan menyenangkan Pengarah ukur untuk mengambil tindakan ke atas permohonan yang dikemukakan.
- (d) Mewujudkan seksyen 405A (baru) bagi menetapkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengganti tanda sempadan yang hilang, diubah atau lain-lain. Ini menyenangkan pegawai-pegawai dan kakitangan mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, **Fasal 58** ialah untuk menggantikan Bahagian tiga Puluh, dengan izin, "Statutory Vesting" yang didapati tidak mencukupi untuk diselaraskan dengan konsep penswastaaan Kerajaan.

Seksyen baru 415 memperuntukkan tatacara bagi permohonan pendaftaran sesuatu perletakhakan statutori bagi kepentingan berdaftar kepentingan yang boleh didaftarkan mengenai tanah.

Seksyen baru 416 memperkatakan tentang tatacara penggantian pemindah dengan penerima pindahan dalam sesuatu dokumen mengenai hak Seseorang "penerima pindahan" ditakrifkan sebagai orang yang untuknya perletakhakan statutori disempurnakan, sementara seseorang "pemindah" ialah orang yang daripadanya perletakhakan statutori disempurnakan untuk seseorang penerima pindahan. Sesuatu "dokumen mengenai hak", dengan izin, "documents of entitlement" ertinya sesuatu pajakan, lesen, permit, lesen dan permit yang digabungkan, permit ruang udara atau kelulusan mengguna tanah di bawah tanah.

Seksyen bani 416A memperuntukkan perekodan atau perizaban tanah untuk seseorang penerima pindahan, sementara seksyen baru 4L6B adalah mengenal tanah yang terkandung di bawah Perkara 166(3) Perlembagaan Persekutuan. Tanah sedemikian boleh diduduki, digunakan, dikawal dan diuruskan oleh penerima pindahan atau diberimilik kepadanya.

Seksyen baru 416C adalah mengenai peruntukan berkaitan dengan pengendorsan ke atas dokumen hakmilik daftaran akan hak penerima pindahan menduduki atau menggunakan mana-mana bahagian tanah berimilik jika perletakhakan statutori bagi hak tersebut pada penerima pindahan telah berkuatkuasa .

Seksyen baru 416D adalah mengenai peruntukan bagi penerima pindahan mengambilalih permohonan yang telah dibuat oleh pemindah dan mengambilalih prosiding yang pemindah menjadi satu pihak.

Seksyen baru 416E pula memperuntukkan tatacara bagi pengeluaran dokumen hakmilik keluaran atau dokumen mengenai hak yang baru jika penerima pindahan tidak boleh mengemukakan dokumen hakmilik keluaran atau dokumen mengenai hak.

Fasal 59 - Cadangan seksyen baru 421A ini mentakrifkan "Court" di bawah seksyen 417 dan 420 termasuk Mahkamah Syariah. Ini bagi membolehkan Pendaftar atau Pentadbir Tanah mengambil tindakan terhadap mana-mana keputusan Mahkamah Syariah yang ada kaitannya dengan urusan pendaftaran tanah.

Fasal 60 - Mewujudkan bahagian baru iaitu Bahagian Tiga Puluh Satu (A), dengan izin, "Power of Investigation". Bahagian ini mengandungi tiga seksyen (seksyen 421AA, 421AB dan 421AC) yang membolehkan kepada Pengarah Tanah dan Galian dan Pentadbir Tanah Daerah untuk menyiasat, memanggil dan memeriksa saksi-saksi. Kuasa ini diperluaskan bagi memudahkan Pengarah Tanah dan Galian atau Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah menjalankan pendakwaan di mahkamah.

Fasal 61 - Bertujuan meminda seksyen 422 iaitu mengadakan peruntukan bagi kesalahan dengan menyedari memberi apa-apa maklumat palsu atau membuat apa-apa kenyataan palsu berhubung dengan apa-apa penyiasatan mengenai perlakuan sesuatu kesalahan di bawah Kanun ini.

Fasal 62 - Bertujuan meminda seksyen 424 bagi mengadakan peruntukan kesalahan kerana gagal tanpa sebab untuk mengemukakan apa-apa dokumen yang dikehendaki oleh Pengarah Ukur di bawah seksyen baru 398A. Penalti bagi kesalahan ini ialah denda tidak melebihi Lima ribu ringgit, atau penjara bagi tempoh tidak melebihi enam bulan, atau kedua-duanya.

Fasal 63 dan 64 Bertujuan untuk meminda seksyen 425 dan 426 bagi mengadakan penalti kerana kesalahan menduduki secara haram di atas tanah Kerajaan, mengambil atau mengangkut bahan batu tanpa kebenaran.

Fasal 70 - Seksyen 429A. dipinda bagi membolehkan Pengarah Tanah Galian melantik mana-mana pegawai bagi menjalankan pendakwaan. Ia juga membolehkan Pengarah Ukur menjalankan pendakwaan bagi kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen 400 dan 403.

Fasal 71 - Bertujuan memasukkan seksyen baru 429B mengenai kuasa kepada Pengarah Tanah Negeri atau Pentadbir Tanah mengkompaun mana-mana kesalahan yang telah ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun. Jumlah maksimum kompaun ialah lima ratus ringgit.

Fasal 72 - Mewujudkan seksyen baru 431A mengenai tatacara menyampaikan notis kepada tuanpunya tanah yang telah meninggal dunia. Di bawah cadangan ini notis boleh disampaikan kepada mana-mana waris simati yang dewasa ataupun dihantar secara pos kepada penctdbir harta simati, official administrator, dengan lzin. Ini bagi membolehkan urusan berhubung dengan tanah berkenaan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, **Fasal 73** - Fasal ini adalah mewujudkan peruntukan baru di bawah Bahagian Tiga Puluh Tiga (A) yang berkaitan dengan sekatan terhadap pemilikan tanah kepada bukan warganegara atau syarikat asing. Bahagian baru ini menentukan supaya tanah-

tanah di bawah kategori pertanian dan bangunan yang hendak dimiliki oleh bukan warganegara atau syarikat asing perlu mendapatkan kelulusan daripada Pihak Berkuasa Negeri. Bagi tanah di bawah kategori industri tidak ada sekatan.

Fasal 75 - Meminda Jadual Pertama supaya nombor kepada borang-borang berkenaan adalah mengikut bahagiannya di dalam Kanun Tanah Negara dan juga bagi memperkemaskan borang-borang yang terdapat di dalam Kanun ini .

Akhirnya ialah **Fasal 77**. Fasal ini telah mengenai Jadual baru Keempatbelas iaitu berhubung dengan tatacara pelaksanaan Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer atau, dengan izin, Computerized Land Registration System.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dr. Sak Cheng Lum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tanah Negara dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya jemput Yang Berhormat Tuan Rahim, bin Baba.

6.49 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana beri kesempatan untuk mambincangkan Rang Undang-undang yang saya rasa suatu Rang Undang-undang yang sangat mustahak dan patut mendapat pandangan-pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negara sekalian. Walaupun saya bercadang untuk menyentuh hampir 8 Fasal, tetapi oleh kerana untuk memberi kesempatan kepada rakan-rakan iain

untuk sama turut bintang mengenai Akta ini, saya akan menyentuh soal 8 Fasal yang mustahak sahaja.

Yang pertamanya ialah Fasal 5, iaitu di mana suatu sistem pentadbiran tanah secara berkomputer akan dijalankan dalam suatu Pejabat Pendaftaran Tanah. Memanglah rakyat mengalu-alukan sistem ini kerana soal ini telahpun banyak rungutan-rungutan yang telahpun ditimbulkan oleh rakyat mengenai susahaya ataupun masalah kehilangan file, kelambatan memproses dan sebagainya.

Apa yang kita harapkan ialah sistem ini hendaklah diadakan secara menyeluruh ke seluruh negara dan bukan hanya tertakluk ataupun terhad kepada bandar-bandar besar ataupun kepada ibu-ibu negeri sahaja, malah kita harapkan di peringkat daerah pun ianya akan dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada Fasal 17 iaitu dalam Fasal ini ianya bertujuan memasukkan Seksyen 68(a) "yang mengkehendaki pemegang lesen pendudukan sementara men depositkan sejumlah wang yang difikirkan munasabah oleh Pentadbir Tanah sebagai jaminan bagi pemulihan tanah itu apabila lesen itu tamat.

Saya percaya Fasal ini diadakan kerana dari pengalaman kita yang lepas di mana khasnya di Wilayah Persekutuan dan juga di Selangor, banyak tanah-tanah perlombongan yang mengikut: perjanjian, sepatutnya tanah-tanah ini hendaklah ditimbus kembali oleh pihak yang mendapat permit untuk melombong. Tetapi kerana yang mendapat permit untuk melombong ini pun orang yang pintar juga kerana mereka memikirkan kalau untuk menimbus berharga \$1 juta dan deposit yang diberi hanyalah \$10 ribu, biarlah dia hilang deposit daripada dibelanjakan \$1 juta untuk menimbus lombong-lombong yang berkenaan.

Itulah sebabnya banyak tanah-tanah di Wilayah Persekutuan, di Selangor, di Perak umpamanya bekas-bekas Lombong tidak ditimbus kembali dan tidak boleh digunakan dan memerlukan perbelanjaan yang sebegitu tinggi supaya tanah ini dapat dibaikpulih ataupun sebagainya.

Jadi, saya berharap walaupun aktiviti melombong bijih tidak lagi pesat di negara kita, tetapi kita ketahui bahawa aktiviti perlombongan emas umpamanya di Terengganu, di Kelantan dan juga di tempat-tempat lain dan juga dengan adanya industri minyak, perkara ini akan difikirkan dengan mendalamnya oleh pihak Kementerian supaya deposit yang diberikan ataupun yang dikenakan biarlah sepadan dan biarlah jangan ada jalan bagaimana pihak yang menjalankan usaha perlombongan ini boleh lari daripada tugas ataupun tanggungjawabnya.

Sebaik-baiknya saya menyarankan supaya diadakan insurans perlindungan. Saya ini pun selalu sangat bercakap diadakan insurans-insurans. Seolah-olah saya bercakap bagi pihak syarikat-syarikat insurans. tetapi bagi pihak saya apa yang lebih mustahak ialah supaya tanah-tanah yang telahpun digunakan oleh pihak-pihak ini dapat digunakan semula dengan sebaik-baiknya.

Saya seterusnya ingin menyentuh Fasal 22 dan juga Fasal 23 di mana secara ringkasnya Fasal ini menghendakki kalau tanah pertanian, biarlah digunakan untuk pertanian, hanya satu sahaja bangunan yang boleh digunakan dan tanah yang digunakan untuk bangunan ini tidak melebihi daripada 1/5 daripada keseluruhan keluasan tanah ataupun 2 hektar mengikut mana-mana yang lebih kurang, dan begitu juga dengan Fasal 23 iaitu di mana tanah industri hendaklah digunakan untuk kepentingan industri dan tidak boleh digunakan untuk kepentingan-kepentingan lain. Apa yang saya ingin sarankan ialah mengikut kedua-dua Fasal ini, tidak ada denda-denda yang dikenakan kepada

mereka yang melanggar peraturan-peraturan ini, Kemungkinannya saya tidak sempat membacanya tetapi apa yang telahpun saya baca mungkin di dalam Akta Ibu ada denda-denda tetapi saya tidak melihatnya dalam Rang Undang-undang yang dipinda ataupun yang dibentangkan pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh Fasal 25. Saya fikir Fasal ini adalah satu Fasal yang patut kita berikan perhatian yang serius di mana izinkan saya membacakan sedikit supaya dapat penjelasan supaya Ahli-ahli Dewan dan juga Dewan ini jelas mengenai Fasal ini, Menurut Fasal ini bertujuan "meminda Seksyen 129(6(a)) untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang lain atau badan yang dilantik oleh pihak berkuasa negeri memperbetulkan apa-apa pelanggaran syarat berkenaan dengan mana-mana tanah bermilik". Saya rasa-rasakan Fasal ini mustahak ialah kerana ianya juga memberikan kuasa kepada badan-badan yang dilantik oleh pihak-pihak Berkuasa Negeri untuk mengusahakan tanah-tanah yang terbiar,

Sebenarnya tanah-tanah terbiar ini bukan hanya berlaku di kawasan-kawasan luar bandar. Banyak tanah-tanah terbiar juga berlaku di dalam kawasan-kawasan bandar, umpamanya di Wilayah Persekutuan. Mengikut data yang saya miliki sekarang ini khasnya Tanah Simpanan Melayu, daripada 2,903.3 ekar luasnya, 1,175.8 ekar ataupun 49.7% tanah ini adalah tanah pertanian ataupun tidak dibangunkan. Apabila saya katakan tanah pertanian, kemungkinannya sesetengahnya adalah terbabit juga dengan tanah-tanah yang terbiar

dan dalam soal tanah simpanan Melayu ini juga, cuma kita dapati hanya 32% daripada keseluruhannya digunakan untuk perumahan dan yang lain-lainnya untuk perdagangan hanya 11%, perindustrian 0.3% dan yang lain-lainnya terlalu sedikit. sangat penggunaan Tanah-tanah Simpanan Melayu khasnya di Wilayah Persekutuan.

"Jadi, baru-baru kita telahpun mendengar bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telahpun memansuhkan ataupun menarik balik cadangan untuk memajukan tanah simpanan Melayu khasnya di Kampung Bharu kerana didapati permintaan daripada sesetengah pihak terlalu tinggi untuk memajukan tanah ini dan di bawah Akta yang ada sekarang ini, kalau Kerajaan mengambil satu tanah itu, kalau dipertandingkan di mahkamah Kerajaan hendaklah membayar seperti harga tanah yang berhampiran tanpa mengira sama ada tanah itu Tanah Simpanan Melayu ataupun sebagainya dan juga tanpa mengira keluasan tanah ini.

Memang kita akui bahawa kalau tanah di Kampung Baru seluas 386.3 hektar, ini kalau hendak dibandingkan dengan di Jalan Tuanku Abdul Rahman, yang kadangkala ada yang memiliki hanya 1,000 kaki persegi, 2,000 kaki persegi, memanglah tanah di Jalan Tuanku Abdul Rahman itu dengan berharga \$1,000 sekaki ataupun \$800 atau \$900 sekaki tetapi dari segi ini perbandingan hendaklah dibuatkan dengan mengambilkira luas tanah itu tanpa membuat perbandingan kalau di Jalan Tuanku Abdul Rahman \$1,000 sekaki, kerana tanahnya kecil mungkin harganya tinggi tetapi di Kampung Baru oleh kerana tanahnya luas mungkin harganya kurang ataupun sebagainya.

Jadi, apabila rancangan ini telahpun ditarikbalik, saya percaya banyak Tanah-tanah Simpanan Melayu di Wilayah Parsekutuan ini, pembangunannya akan tergendala sepertimana yang telahpun saya katakan tadi, baik di Kampung Bharu, di Sungai Panchala, maaf saya tadi, di Kampung Baru - 248 ekar bukannya 386 ekar, di Sungai Penchala, Segambut, Gombak, Selayang dan juga Datuk Keramat akan tarjejas sama.

Apa yang ingin saya sarankan di sini ialah kerana mengikut data yang ada apabila bancian dibuat untuk memajukan semula tanah di Kampung Baru, ianya juga terpaksa membuat bancian terhadap tanah-tanah di sekelilingnya yang dimiliki oleh bangsa-bangsa asing ataupun kaum-kaum lain. Apa yang didapati ialah di Kampung Baru lebih banyak pemilik tanah daripada luas tanah tetapi kalau di kawasan sekitarnya lebih luas tanah daripada pemiliknya, Pemiliknya sedikit tetapi tanahnya luas, itulah maksud saya.

Jadi, apabila telahpun banyaknya tanah-tanah yang dimiliki secara bersama ini, saya ingin mencadangkan supaya satu skim, di mana tanah-tanah ini akan dimajukan juga melalui panyatuan tanah-tanah yang dimiliki oleh dua ataupun tiga ataupun empat orang pemilik tanah yang berjiran kerana kalau kita memajukannya secara persendirian mungkin ianya akan terpaksa surrender, sarahkan tanah untuk parit, longkang, jalan ataupun sebagainya dan akhirnya tanah itu tidak mempunyai cempat lagi ancuk dimajukan tacapi kalau disatukan, saya percaya tanah-tanah ini boleh dimajukan.

Saya tidaklah menyarankan supaya Kerajaan mengambilalih. Saya percaya kalau ada satu badan yang menyelaraskan, mungkin pihak Dewan Bandaraya ataupun yang sebagainya, tanah-tanah yang 4, 5 lot disatukan. Kalau hendak bagi jalanpun satu jalan sahaja, kalau hendak bagi longkangpun hanya satu pihak sahaja yang kena menyerahkan tanah untuk membuat longkang, oxidation pond ataupun sebagainya. Dengan ini saya harap, apa yang saya cadangkan ini lebih kurang macam FELCRA. Kalau FELCRA ada di Luar bandar, kita harapkan bencuk yang sama juga akan diadakan di dalam bandar di mana tuan tanah tetap menjadi pemilik kepada tanah-tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Fasal 33 iaitu bertujuan meminda seksyen 195 untuk memperuntukkan bahawa penyerahan balik mana-mana bahagian tanah bermilik kepada pihak berkuasa negeri boleh dibuat bagi apa-apa maksud sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada Dewan dan juga khasnya kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dalam sistem kita yang ada sekarang kalau pihak Kerajaan, katakan membuat jalan ataupun membuat infrastruktur untuk sesuatu kawasan. Katakanlah Kerajaan hendak membuat jalan, biasanya Kerajaan kena mengambil tanah itu dan kena membuat bayaran kepada tuan tanah. Tuan tanah dapat bayaran kerana Kerajaan ambil tanah dia buat jalan. Dan pada masa yang sama pula tuan tanah menerima keuntungan oleh kerana adanya jalan tadi, sebelum adanya jalan mungkin tanah itu berharga \$2,000 ataupun \$3,000 seekar.

Tetapi apabila adanya jalan yang disediakan oleh Kerajaan yang mana Kerajaan kena bayar pula, tanah itu telahpun melambung kepada \$10,000 ataupun \$20,000 seekar. Itulah sebabnya sekarang ini kita lihat apabila adanya Lebuhraya Utara Selatan, banyak tanah-tanah yang di sekelilingnya dimajukan, dimajukaa oleh pihak-pihak pemaju yang mengambil kesempatan daripada pembangunan yang dijalankan oleh pihak Kerajaan ini. Jadi, sudahlah Kerajaan kena bayar, lepas itu mereka ini pula mendapat keuntungan daripada projek yang dijalankan ataupun infrastruktur yang diadakan oleh pihak Kerajaan.

Di sini saya ingin menyarankan supaya Kerajaan mengenakan satu bentuk cukai iaitu kalau boleh dikatakan Land Appreciation Tax. Kalau umpamanya sebelum Kerajaan mengambil sehingga adanya jalan, kalau tanah dia harga \$1 juta tapi oleh kerana adanya jalan tanah

itu naik sampai sepuluh ataupun dua puluh juta. Saya fikir Kerajaan pun patut, mendapat hak sedikit. Kerana adanya jalan tadilah tanah dia telahpun naik harga, telahpun naik nilai dan kalau mereka tidak hendak bayar tax ini Kerajaan boleh mengambil tanah-tanah ini ataupun Kerajaan tidak membenarkan sebarang access coad dengan izin, menghala ke highway ataupun ke jalan-jalan yang telahpun disediakan. Saya percaya perkara ini pernah dilakukan di negara-negara yang lebih maju daripada kita.

Kita juga berharap supaya dengan adanya Land Appreciation Tax ini, tidak ada dengan izin, tidak akan berlaku tanah-tanah dijadikan sebagai bahan spekulasi. Dan jika difikirkan perlu juga apabila Kerajaan mengadakan projek-projek macam sekolah, jalan ataupun sebagainya Kerajaan hendaklah pada masa yang sama mengambil juga tanah-tanah yang berhampiran dengan tempat-tempat yang telahpun dimajukan oleh Kerajaan. Kalau mereka tidak hendak serahkan Kerajaan hendaklah mengenakan satu bentuk cukai kerana merekapun mendapat keuntungan daripada pembangunan yang dibuat oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin beralih kepada Fasal 73 di mana Fasal ini bertujuan untuk memasukkan bahagian baru 33A berkaitan dengan sekatan-sekatan mengenai pemerolehan tanah oleh orang-orang yang bukan warganegara dan juga syarikat-syarikat asing. Tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen telahpun mengadakan bahawa sebelum tahun 1985, memang telahpun ada Fasal ini tapi telahpun dilonggarkan pada tahun 1987, ataupun dimansuhkan pada tahun 1987 kerana semasa itu kita menghadapi kemelesetan ekonomi.

Saya cuma ingin membangkitkan, bukanlah saya hendak bercakap bagi pihak-pihak pelabur-pelabur asing. Tetapi dalam soal ini saya berharap sebarang pindaan mengenai Kanun Tanah ini hendaklah difikirkan semasak-masaknya kerana dia akan menjejaskan kepercayaan pelabur-pelabur asing kepada negara kita. Kalau kita asyik pinda, selepas itu, kalau 1985 kita sudah ada, selepas itu 1987 kerana kita susah masa itu kica pinda. Sekarang ini oleh kerana kita senang, kita tukar balik. Apakah esok apabila berlaku kemelesetan kita akan meminda semula Akta ini. Jadi biarlah kita koasisten. Bukan saya bercakap bagi pihak pelabur asing, tetapi saya dapat merasakan apa yang difikirkan apa yang dirasakan oleh pihak-pihak pelabur kerana kalau kita sentiasa bertukar; kalau ada, saya tidak tahu, berapakah banyakkah tanah yang telahpun sejak kita mansuhkan Akta ataupun Fasal ini pada tahun 1987 di mana kita benarkan warganegara asing membeli tanah, rumah ataupun sebagainya. Berapakah tanah-tanah yang telahpun, yang sebenarnya telahpun. dibelikan oleh wargaegara asing. Kalau barang itu terlampau sedikit sangat janganlah kita melenting, selepas itu kita pinda Akta. Selepas itu bila meleset ekonomi pula kita pinda balik, kita pinda balik untuk menarik pelabur-pelabur asing.

Saya menimbulkan ini supaya jangan perasaan ketidakyakinan pelabur-pelabur asing. Kita tengok kadang-kala baru-baru ini CIC bagi guideline, pun begitu juga. Kalau kita hendak buat kita cakap kita hendak buat, kita fikir betul-betul dulu. Kalau tidak kita kata jangan kita cuba test the ground kerana masalah kedatangan

pelabur asing ini kerana orang yang melabur ini adalah orang yang paling sensitif sekali. Jadi kalau dapat kita fikirkan dari segi implikasinya. Walaupun saya menyokong tetapi pada masa yang sama juga biarlah ada.....

Tuan C. Krishnan: [Bangun]

Timbalan Tang di-Pertua: Sila. Penjelasan.

Tuan C. Krihsnan: Ini maksud Yang Berhormat itu perkembangan di Johor Bharu yang menimbulkan keraguan Yang Berhormat di mana tanah-tanah di Johor, sekeliling Johor Bharu itu, orang-orang asing telahpun menaruh minatnya? Sebab itulah Yang Berhormat sebutkan perkara ini?

Tuan Rahim bin Baba: Sepatutnya jawapan ini diberikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, bukannya saya yang menjawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Itu dipanggil 'leading question' itu, dengan izin.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Krishnan inipun pandai bagi 'Leading question'. Jadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tahu jawabnya. Saya tahu itu akan dijawablah. Walaupun saya tahu jawabnya tapi saya tanya juga dan banyak perkara yang saya tahupun saya tanya juga. Jadi tujuan saya ialah supaya jangan dengan sewenang-wenangnya. Kita masih ingat lagi semasa satu ketika dulu kita mempunyai pelabur-pelabur asing yang dari segi bidang pertanian Dunlop, Guthrie lepas itu kita ambil alih. Kita ambil alih balik walaupun kita beli itu soal lain. Tapi pada pandangan pelabur-pelabur asing, kita sudah ambil alih balik pelaburan-pelaburan ini dan tanah-tanah ini dan sebenarnya untuk pengecahan Setiausaha Parlimen kepakaran

daripada Malaysialah wang daripada Malaysialah dan juga manpower daripada Malaysialah yang telah dihantar ke Indonesia dulu untuk tanam kelapa sawit, untuk tanam getah dan. juga sebagainya. Jadi maknanya walaupun dari satu segi kita untung, tapi dari segi yang lain kita menghadapi kerugian dan kita lihat apabila Kerajaan menyarankan diadakan intergrated farming, makna Kerajaan hendak bagi 5,000 ekar, 10,000 ekar, saya difahamkan belum ada lagipun tawaran-tawaran daripada syarikat-syarikat berkenaan. Saya cuma mengingatkan perkara ini supaya kita berhati-hati dalam soal pelaburan ini. Jangan sekali-kali ingat saya lebih suka ataupun saya menentang cadangan pindaan ini, sebaik-baiknya biarlah kita fikirkan dengan sedalam-dalamnya akan kesan-kesannya supaya jangan esok apabila keadaan ekonomi merosot kita pinda balik, jadi hilang kepercayaan dan keyakinan orang kepada kita. Dan begitu juga dalam soal ini disebutkan bahawa kelulusan sedemikian tidaklah perlu bagi tanah yang tertakluk kepada katagori industri.

Kita juga tahu bahawa semasa kita menghadapi kemelesetan ekonomi dahulu, banyak Kerajaan-kerajaan Negeri berlumba-lumba menarik pelabur-pelabur asing dan ramai yang datang khasnya di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan sebagainya, berlaku banyak keadaan di mana pelabur-pelabur ini membeli tanah-tanah perindustrian yang luas, umpamanya 200 ekar, 300 ekar dan kita pun seronoklah kerana mereka ini telahpun membeli tanah-tanah industri untuk membuat industri. Apa yang berlaku selepas itu ialah pelabur-pelabur ini, khasnya pelabur-pelabur dari Taiwan, mereka ini memecahkan tanah ini, sub-divide lot ini dan akhirnya jual balik kepada pelabur-pelabur tempatan. Mereka ini membuatkan gambaran bahawa orang-orang daripada Taiwan dicreatkan satu suasana di mana pelabur-pelabur dari Taiwan rushed untuk membeli lot-lot ini dan pelabur-pelabur tempatan pun, dengan izin, jump into the wagon, sama-sama sekali membelinya. Jadi, akhirnya, walaupun tanah itu asalnya tanah kita dan kita izinkan pemecahan dilakukan, tetapi kemudian rakyat kita terpaksa membayar lebih dan yang mendapat keuntungannya ialah pelabur-pelabur dari luar negeri.

Apa yang saya sarankan ialah, jika ada tanah-tanah perindustrian yang hendak kita berikan kepada pelabur-pelabur asing ini biarlah jangan dibenarkan mereka ini memecahkan ataupun sub-divide untuk dijadikan kawasan perindustrian. Kita tidak mahu mereka itu datang ke sini untuk jadi developer kawasan-kawasan perindustrian. Kita hendak, yang datang biarlah orang-orang yang betul-betul terlibat dalam sesuatu industri. Kalau setakat hendak develop, pecah-pecahkan tanah, saya tak fikir kita perlukan

pelabur-pelabur asing, saya percaya MIEL pun boleh buat, Bank Pembangunan pun boleh buat dan banyak badan-badan lain yang berkemampuan untuk membuatnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim, cuba bataskan ucapan dalam lima minit lagi.

Tuan Rahim bin Baba: Ya. Itulah, Tuan Yang di-Pertua, lain kali kalau Dewan Rakyat tiga minggu, kita pun biarlah tiga minggu, jadi boleh kita bercakap panjang sedikit. Saya pun banyak lagi perkara yang hendak dicakapkan tetapi oleh kerana menghormati Tuan Yang di-Pertua, cuma itu sahajalah pandangan-pandangan saya dan saya berharap pandangan-pandangan ini akan mendapat perhatian untuk kebaikan kita bersama dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Tuan Nazri.

7.15 mlm.

Tuan Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan memakan masa banyak. Tiga perkara sahaja yang saya hendak sebut. Pertamanya, berkenaan dengan Clause 17 berkenaan dengan Temporary Occupation Licence. Fahaman saya, TOL ini to occupy, maknanya untuk duduklah. Selalunya kalau orang yang berada, dia tidak akan minta TOL.. TOL ini selalu berlakunya di kalangan orang yang tidak berada yang meminta untuk menduduki tanah itu buat sementara. Saya difahamkan bahawa Pejabat Tanah memang ada minta Fee ataupun bayaran tahunan pada TOL ini. Kepada saya sebagaimana yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen sebentar tadi, bahawa pindaan ini ialah untuk faedah rakyat dan juga negara, saya tidak nampak bagaimana mengenakan deposit kepada rakyat golongan bawahan

yang hendak menduduki tanah ini buat sementara, saya tidak nampak bagaimana ia boleh menguntungkan orang-orang seperti ini. Saya rasa macam TOL ini, apa yang dia boleh buat, apa yang menyebabkan hinggakan perbuatan boleh merosakkan tanah itu. Saya tidak nampak. Kepada sayalah, kalau mereka duduk atas tanah TOL untuk rumah, maka saya tidak nampak macam mana dia boleh merosakkan tanah itu. Perkara ini cuma satu perkara yang kamungkinan, kalau perkara kemungkinan dan deposit itu diminta di peringkat awal, itu menyulitkan rakyat. Kalau dia kaya, memang dia tidak minta TOL. Saya minta supaya kita timbangkan. Kalau kita hendak meminda ini untuk kepentingan rakyat, apatah lagi rakyat di golongan bawahan yang selalu meminta TOL ini. Saya minta supaya difikir kembali berkenaan dengan apa yang dikatakan hendak dikenakan bayaran deposit sekiranya berlaku kerosakan kepada tanah. Saya tidak nampak apa-apa kerosakan yang boleh dilakukan sehingga menyebabkan tanah itu terpaksa direhabilitate. Jadi itu pandangan saya yang pertama, iaitu kita kena membelarakyat di bawah, kasihanilah mereka. Jangan kita dera mereka.

Yang Kedua, ialah Clause 22 yang berkenaan dengan pembinaan rumah di atas agriculture land. Persoalan saya ialah, cukai apakah yang kena dibayar ini? Kalau cukai tanah kegunaan pertanian, ataupun cukai tanah kegunaan bangunan, kalau tiap-tiap tahun kita kena bayar cukai tanah, yang mana satu? Kegunaan mana yang kita hendak bayar? Saya lihat di sini, seolah-olah kita cuba hendak membantu farmers, bahawa mereka ini ada tanah pertanian, mereka hendak duduk di situ dan bekerja di situ. Tetapi saya rasa Farmers

tidak akan mendapat banyak keuntungan sangat daripada pindaan ini. Yang saya nampak, yang akan mendapat keuntungan ialah orang kaya juga kerana dalam Kuala Lumpur ini, tanah untuk bangunan ini memang sudah bertambah scarce, dengan izin, sedikit. Makin lama orang akan ditolak ke pinggir bandar dan di pinggir-pinggir bandar ini akan terletak apa yang dikatakan agriculture land dan tidak mustahil rakyat yang banyak duit, yang kaya, mereka beli tanah agriculture di pinggir bandar tetapi mereka dirikan rumah.

Kalau kita lihat di sini, kita boleh mendirikan dwelling house 20% iaitu 1/5 daripada tanah ini. Bayangkan, kalau lima ekar kita boleh buat rumah di atas satu ekar. Cuma orang kaya sahaja yang boleh dirikan rumah di atas tanah satu ekar ini. Apa yang akan berlaku ialah orang kaya ini akan membeli tanah agriculture, dia buat rumah banglo di atas satu ekar maka apa yang keuntungan kepada dia ialah cukai tanah, rumah banglo yang patut dibayar cukai yang besar, dia cuma bayar cukai tanah kegunaan pertanian sahaja. Ini kita harus tanya, sebab boleh disalahgunakan oleh setengah-setengah pihak dan ianya bukan mustahil. Kita lihat Rawang sebagai contoh, hendak pergi ke Rawang, sepuluh, limabelas minit sudah sampai dan di Rawang masih banyak lagi tanah-tanah pertanian, 10 ekar, 5 ekar. 5 ekar sekalipun maknanya kita boleh buat rumah di atas satu ekar, Kalau kita mengatakan bahawa tujuan kita ialah untuk kepentingan negara, saya rasa pindaan yang dibuat ini untuk membolehkan kita mendirikan rumah di atas 20% daripada tanah, ini tidak akan menguntungkan negara.

Sebagai contoh, kalaulah saya kaya dan saya sudah lemas duduk dalam bandar, saya pergi cari tanah pertanian 5 ekar, saya buat rumah. Pertamanya, saya buat rumah. saya tidak perlu minta conversion.

Bila tidak minta conversion, ini bermakna Kerajaan tidak dapat wang sebab tiap-tiap kali kita convert, orang yang minta untuk convert tanah itu kena bayar, Jadi, saya dirikan rumah banglo saya atas satu akar. Saya tidak perlu convert tanah saya daripada tanah pertanian kepada bangunan. Saya tidak bayar pembayaran permohonan untuk conversion ini kepada Kerajaan. Kerajaan sudah rugi, di mana yang kita kata pindaan ini untuk kepentingan negara sebab negara tidak dapat wang daripada permohonan untuk convert agricultural land kepada bangunan. Itu sacu.

Kaduanya cukai tanah tahunan. Sepatutnya kalau bangalo begitu besar, cukai pintunya besar, kita cuma bayar cukai tanah untuk kegunaan, tanah sahaja. Bermakna iaitu bahawa Kerajaan rugi dari segi cukai. Sepatut cukai yang banyak yang kena diterima, kalau cukai bangalo tetapi kita bayar cukai tanah pertanian sahaja. Jadi, ini pertanyaan saya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen berkenaan dengan pindaan clause 22 ini. Apakah ia benar-benar hendak membantu farmers ataupun hendak membantu orang yang kaya. Saya minta maaf 5 minit lagi. Itu percama berkenaan dengan Clause 22.

Yang kedua, Clause 22 ini membolehkan orang mendirikan kilang untuk proses - bila kita sebut perkara "process raw material", ini

bermakna kotoran, asap. Ini akan semua keluar kepada situ. Dan hari ini daripada yang kita tahu bahawa tekanan alam sekitar ini begitu kuat, macam mana kita boleh justifikasikan iaitu di atas satu kawasan yang tidak dizonkan sebagai industri, maka dibenarkan untuk didirikan satu kilang untuk mengeluarkan perkara ini? Macam mana orang boleh duduk disebelah kalau kabetulan iaitu tanah pertanian di sebelah itu ada perkampungan? Macam mana? Dia tidak mendapat kalulusan daripada environment tetapi ia boleh dibina kerana Akta Kanun Tanah Negara kata boleh. Jadi, hari ini Kerajaan kata kita sediakan satu kawasan untuk kilang, hendak buat industri atau apa. Tetapi Akta Kanun Tanah Negara benarkan boleh buat kilang di tempat yang lain di mana tanah pertanian itu boleh dibuat. Saya ingat ini bercanggah, sebab kalau kita benarkan perkara ini berlaku iaitu bermakna kilang boleh didirikan di mana-mana juga, di kawasan mana. Bermakna kita tidak boleh kawal lagilah. Bermakna bahawa kita mungkin satu masa kalau kita hendak kawal disabitkan oleh kerana tekanan yang kehendak alam sekitar, kita tidak boleh kawal sebab kita sudah benar. Sebab kita kata boleh didirikan kilang untuk kepentingan process raw materials di atas agricultural land itu. Jadi, kebimbangan saya ialah perkara ini akan jadi kelam-kabut. Kita tidak boleh kawal. Kita tidak boleh hendak pastikan di zon di mana factory, factory akan bangun di mana-mana tempat dan akhirnya kita akan kena tekanan daripada dua negeri lagi.

Dan yang paling, saya tidak peduli untuk pergi luar negeri, kita hendak jaga kepentingan "the little people", orang-orang yang

duduk di sebelah tanah pertanian ini, dia tidak ada kekuatan untuk membantah satu orang yang membeli tanah pertanian yang luas, hendak buat kilang di situ yang akan effect dia kepada orang yang duduk sebelah. Orang ini tidak ada tempat hendak merayu. Sebab apa? Sebab Akta Kanun Tanah Negara kata boleh buat. Itu tanah dia boleh buat, dia boleh buat. Kamu tidak hak untuk membantah. Sekali Lagi. kepentingan orang-orang kecil, orang yang tidak ada kuasa ini. akan terjejas disabitkan oleh kerana tindakan Akta Kanun Tanah Negara kita ini.

Saya minta Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memikir tentang perkara ini sebelum, memang saya sokonglah, tetapi di masa-masa akan datang, tolong fikirkan sama adakah benar-benar Clause ini membantu rakyat ataupun merugikan rakyat dan merugikan negara.

Yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin. ini berkenaan dengan Clause 73. Saya berbeza sedikit dengan pandangan Yang Berhormat kita, saya rasa kita kawal sedikitlah tentang hakmilik berkenaan dengan foreign company to acquire land. Mukasurac 37 dalam bahasa Inggeris, "Non-citizen of foreign company to acquire land." Saya bersetuju kalau Foreign company hendak acquire land minta kebenaran daripada the Authority. Tetapi interest in land, saya ingat interest in land tak perlu minta kebenaran. Sebab interest in land ini merupakan, katalah ruang pejabat mereka ataupun ruang apartment, condominium. Saya ingat benda ini oleh kerana kita menggalakkan orang luar untuk melabur di negara kita sehingga kita membenarkan pembelian tanah itu, industri tni dibolehkan. Mengapa tidak boleh interest in land

juga dibeli oleh mereka tanpa merujuk kepada pihak tertentu? Sebab yang penting dia tidak boleh acquire land tetapi interest in land itu tidak apa. Dia boleh beli apartment untuk dia punya pekerjaanya, staffnya, biarlah dia beli. Dia hendak beli satu ruang pejabat di satu bangunan 'A' untuk dijadikan headquartersnya, biarlah dia beli. Sebab yang dia dapat cuma interest in land sahaja. Kita dapat wang tetapi dia tidak dapat hakmilik tanah. Yang penting kepada kita jangan kita biarkan dia acquire land. Tetapi interest in land, saya ingat boleh kita benarkan untuk supaya dalam usaha Kerajaan menggalak orang melabur dalam negara kita ini sehingga kita membenarkan dia membeli tanah-tanah industri tanpa kelulusan daripada pihak tertentu. Maka ada baiknya kalau kita benarkan dia beli interest in land tanpa dia merujuk dahulu daripada pihak tertentu. Ini sama-sama boleh membantu mereka berminat untuk datang ke negara kita untuk melabur di negara kita. Kalau dia boleh beli industrial land tanpa rujukan tetapi dia hendak mari duduk, stafnya hendak duduk dia minta kebenaran dahulu, barulah dia boleh beli ataupun dia hendak buka pejabat dia kena minta dahulu. Saya ingat ini tidak seimbang, not in tandem. Biarlah dia ia tandem sama-sama, maknanya biar dia in tandem, dengan izin. Saya rasa ini boleh menggalakkan supaya pelabur datang ke negara kita dan melabur di tanahair kita ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja saya punya hujah-hujah. Saya mengucapkan tarima kasih dan saya sokonglah Rang Undang-undang ini. Tarima kasih.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua: Tadi Yang Berhormat Tuan Dahalan bin Haji Embun beri signal kepada saya 5 minit di belakang, rupanya Yang Berhormat Tuan Dahalan kena cakap 5 minit, 7.26ptg.

Tuan Dahalan bin Haji Embun: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahar serta menyokong Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan). Jadi, sudah jelaslah daripada pembentangan Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa Kerajaan kita ini sudah begitu pragmatic mengikut suasana dan keadaan. Kalau kita perlu ubah undang-undang, kita ubah. Kalau cerlalu banyak industri esok yang dipunyai oleh orang luar, kita pun boleh ubahlah. Kita nationalise sahaja. Bukan susah hendak kita buat. Saya harap sekiranya ini tidak akan berlaku tetapi kalau terpaksa berlaku, kita terpaksa buat.

Daripada Rang Undang-undang ini, kita dapati bahawa ini macam satu konsep centralisation of industrial land oleh Kerajaan Pusat. Nampak jelas sekali oleh sebab pihak Kerajaan Pusat dapat meminta daripada Kerajaan Negeri. Kalau tanah itu hendak diguna untuk industri, Kerajaan Negeri hanya ada kuasa untuk tanah pertanian. Mengenai kuasa tanah pertanian oleh Kerajaan Negeri ini saya hendak

tahu, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada kes-kes tanah pertanian yang telahpun diberi kepada syarikat-syarikat luar negara. Jadi, apakah kedudukan canah-tanah ini selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, Tuan Yang di-Pertua. Banyak sekali, saya ingat yang banyak sekali di Pahang, mungkin di Johor dan negari-negeri lain yang telahpun dijual ataupun dibeli begitu sahaja kepada syarikat-syarikat luar negara, 40 tahun, 60 tahun tetapi setengah orang itu 40 tahun ini dia tidak bersetuju. Cepat sangat, 60 tahun pernah bersetuju kerana bank tidak mahu terima. Dia minta sampai 99 tahun. Jadi, kita harap ini tidak akan berlakulah.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-pertua, kita dapati, saya sudah sebut tadi land tenure untuk foreign ownership. Kalau untuk orang kita, berilah seratus tahun ataupun parpetuity. " Tidak ada masalah. Tetapi kalau kita hendak beri kepada mereka sampai perpetuity, ini nampak satu hal. oleh sebab kalau kita ada convert agriculcural land into industry, kalau Kerajaan Pusat hendak industri di tapak ini, matter of gazetting sahaja agricultural land kepada industri. Itulah jadi kalau Kerajaan Pusat boleh beri kepada syarikat-syarikat luar. Jadi kita harap icu tidak akan berlaku begitu sahajalah. "

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab saya berjanji lima minit tadi, saya pun bercakap tergesa-gesa, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tangkap apa-apa point yang saya raised tadi. Sekian, terima kasih, Saya menyokong,

Timbalan Yang di-Pertua: Jadi, saya menjemput Yang Berhormat Setiausaha Parlimen bangun untuk menjawab.

7.30 mlm

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tuan Mohd. Noh bin Rajab]: Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian, saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan tentang pindaan Rang Undang-undang ini. Pada keseluruhannya didapati bahawa ketiga-tiga Ahli-ahli Yang Berhormat ini bersetuju pada dasarnya tentang pindaan-pindaan yang dicadangkan oleh pihak. Kementerian. Cuma dihighlightkan beberapa perkara yang mungkin elok dipandang lebih mendalam atau dibawa pemikiran daripada sudut yang lainnya pula.

Tuan Rahim Baba menyentuh tentang Fasal 5 - Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer. Beliau memang sudah menganggap dengan penggunaan komputer sudah tentunya lah Pejabat Tanah di Kuala Lumpur, Kementerian dan juga Pengarah Tanah dan Galian akan lebih up-to date, dengan izin. Sudah tentunya ia akan melicinkan perjalanan pendaftaran tanah. Kita akan membelanjakan banyak wang untuk perkara ini dan projek perintisnya ialah menggunakan komputer di Bangunan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan. Apabila projek ini berjaya ianya akan diperkenalkan ke seluruh negara dan di daerah. Dalam Rancangan Malaysia Keenam, \$20 juta telah diluluskan untuk pengkomputeran ini.

Satu perkara yang elok juga diterangkan. di sini apabila sistem pengkomputeran ini dimasukkan di dalam Kanun Tanah Negara, ia merupakan dokumen yang sah apabila computer print, dengan izin, dibawa ke mahkamah. Tidak lagi perlu pihak Pegawai Pejabat Tanah membawa buku daftar yang sekarang ini ada di dalam Pejabat Tanah yang disimpan di dalam "bilik' besi" yang orang selalu panggil iaitu dekap hendak sekaki tebalnya, untuk membuktikan kepada mahkamah bahawa rekod sebenarnya adalah mengikut buku itu, Dengan penggunaan komputer buku itu boleh disimpan di pejabat, cuma computer print-out sahaja yang dibawa ke mahkamah dan itu telah boleh disifatkan sebagai bukti yang sah. jadi, ia memang menyelamatkan keadaan, kerja dan menggambarkan satu sistem yang lebih canggih.

Fasal 17 Pendudukan. Sementara TOL. Kedua-dua Yang Berhormat Tuan Rahim Baba dan juga Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz berucap tentang perkara ini. Tuan Rahim mengatakan bahawa kalau misalannya dikenakan deposit yang sedikit sedangkan kerja hendak membaik pulihkan tanah yang diberi di bawah TOL itu banyak, mungkin orang yang memegang TOL (Temporary Occupation of Land) itu, akan membiarkan sahaja supaya depositnya diambil untuk menjimatkan belanjanya.

Saya bolehlah memberikan pengakuan bahawa deposit itu akan dikenakan setimpal dengan kerja-kerja untuk membaik-pulih tanah itu nanti. Jadi, sebelum lesen itu diberi, Pejabat Tanah akan mentaksirkan dahulu dengan kerja-kerja yang hendak dibuat.

Berapakah ditaksirkan kerja-kerja untuk membaikpulihkan tanah itu dan deposit itu akan menggambarkan jumlah itu. Bukan dikenakan dengan mengambil satu angka yang tidak kena-mengena dengan. harga baik-pulih itu.

Tuan Haji Mohamed Nazri Abdul Aziz pula, kita akui bahawa beliau memang memandang berat tentang nasib orang yang menduduki tanah TOL ini. Dia menyarankan bahawa tidak payahlah dipegang sangat orang yang mendapat TOL kerana pada tafsiran dan pengertian beliau, orang yang mendapat TOL ini adalah orang miskin. Saya menyokong pendapat itu. Ada orang yang mendapat TOL dari golongan orang miskin dan membuat rumah yang bukan dalam keadaan permanent. Tetapi ada juga tanah TOL diberi beribu ekar untuk tanaman kontan.

Pada suatu masa dahulu apabila ekonomi meleset, Kerajaan menggalakkan Kerajaan Negeri mengeluarkan tanah TOL kalau pemaju itu hendak menjayakan. tanaman kontan untuk dieksport dan TOL ini boleh diberi selama lima atau enam tahun. Yang ditakuti tanah-tanah beginilah yang disalahgunakan sebab itu diperlukan deposit. Tujuan deposit ini adalah yang sedemikian itu; yang kecil-kecil ini, saya percaya bahawa Kerajaan sekarang pun Faham tentang masalah orang-orang yang miskin yang duduk di atas tanah TOL. Walaupun masalahnya ada, di bawah Kementerian yang lain cuba menyelesaikan masalah-masalah tanah TOL ini.

Fasal 22 dan 23, kedua-dua Yang Berhormat ini menekankan tentang tanah pertanian dan tanah industri. Mereka berpendapat bahawa kalau tanah pertanian diberi kebenaran untuk orang mendirikan rumah maka

merugikan Kerajaan. Kita memandangkan semuanya ini daripada segi keseluruhan. 25% tanah pertanian ini dibenarkan untuk didirikan rumah mengambil kira tanah-tanah pertanian di kampung. Kebanyakan rumah-rumah di kampung adalah didirikan di atas tanah pertanian dan angka ini adalah satu angka yang paling munasabah dan tidak boleh didirikan rumah lebih luas daripada 20% itu. Yang dimaksudkan 20% itu bukan ukuran rumah sahaja, mungkin ukuran kawasan yang boleh ditaksirkan sebagai kawasan perkarangan rumah juga. Sesudah diambil kira pandangan-pandangan daripada pihak Negeri dalam beberapa mesyuarat, maka dipersetujui bahawa kepada mereka yang terlibat di peringkat yang di bawah, di peringkat pejabat tanah di daerah-daerah, di peringkat negeri dan juga di peringkat Kementerian maka kita telah memutuskan di dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara yang mana semua Negeri mewakili bahawa perangkaan itu adalah munasabah.

Undang-undang ini boleh digubal semula, kalau sekiranya tidak sesuai, dan sesudah didapati perkara itu demikian, kita boleh meminda lagi. Tetapi kita tengok dahulu tentang implikasi peratusan ini.

Tuan Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, cuma saya hendak mengatakan di sini, bahawa bukan semua" tanah pertanian itu kampung sekarang. Ada tanah pertanian sekarang sudah hampir di pinggir bandar dan bandar ini berkembang. Jadi, maksud saya, saya bersetuju kalau di kawasan kampung tetapi tidak ada di dalam Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara ini yang mengatakan hanya dikaitkan dengan soal rumah kampung sahaja. Sebab ia menyeluruh. Jadi, kebimbangan saya ialah orang kaya beli tanah di pinggir Kuala Lumpur yang masih lagi tanah pertanian, buat rumah besar, cuma bayar cukai tanah pertanian sahaja dan tidak cukai pembangunan. Itu sahaja, cuma saya hendak katakan bukan semua tanah pertanian itu kampung sekarang ini. Sebab kita tengok, macam-macam highway telah ada sekarang,

Tuan Mohd. Moh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya bolehlah fahamkan bahawa Yang Berhormat Tuan Haji Mohamed Nazri ini inginkan, kalau tanah pertanian di kampung lain undang-undangnya, kalau tanah pertanian berdekatan bandar lain undang-undangnya.

Timbalan Yang di-Pertua: Bukan bermaksud begitu saya rasa. Tetapi cubalah ringkaskan sedikit Yang Berhormat menjawab.

Tuan Mohd. Moh bin Rajab: Kalau Tuan Yang di-Pertua suruh saya duduk sekarang pun boleh, saya menghormati keputusan Tuan Yang di-Pertua. Tetapi mereka telah menyentuh tentang perkara ini, dan satu undang-undang yang menyeluruh sama ada di pinggir kota ataupun di kampung mesti perlu diadakan. Jadi, oleh yang demikian 20% itu

adalah angka yang maunasabah. Dan kita belum lagi berfikir untuk membuat dua undang-undang yang berlainan kepada dua tempat **ini**.

Tentang Fasal 73 berkenaan dengan hakmilik warganegara asing. Yang Berhormat Tuan Rahim **bin**. Baba nampaknya orang Melayu kata 'sudah gaharu cendana pula, sudah tahu dia hendak bertanya pula .

Timbalan Yang di-Pertua: Betulkah begitu Yang Berhormat Tuan Rahim?

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Sebab dia mengaku yang dia telah tahu jawapan. dan dia telah tahu masalah tetapi dia bertanya juga.

Timbalan Yang di—Pertua: Itu bukan 'gaharu', 'garu' itu.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya Kerajaan kita memang sensitif tentang keperluan-keperluan pelabur-pelabur kita. Kita membuka tanah industri untuk dimiliki oleh warganegara asing kerana tanah industri ini tidak luas, sama ada tanah yang besar, yang luas diracik-racik dan ditukar syarat, itu kita pulangkan kepada budibicara pertimbangan Kerajaan. Negeri. Kita di peringkat Kementerian, hanya menggubal undang-undang supaya sedemikian rupanya untuk menjaga kepentingan negara.

Oleh kerana tanah industri ini tidak luas dan boleh memajukan ekonomi, maka kita buka hakmilik ini kepada warganegara asing atau syarikat-syarikat asing. Melalui pindaan Rang Undang-undang **ini**, kita bukan. mengatakan bahawa syarikat asing tidak boleh langsung memiliki tanah-tanah agriculture atau pertanian atau tanah-tanah perumahan, yang kita tekankan kerana masalah-masalah tertentu dibebarapa negeri, yang kalau tidak diberi kuasa kepada negeri itu untuk menentukan, maka menjadi satu masalah yang lain. pula timbul. Oleh yang demikian, kita peruntukkan dalam Rang undang-undang yang

baru ini supaya Kerajaan Negeri itu yang mempertimbangkan. Kalau untuk kepentingan pembangunan, kalau untuk pelaburan asing difikirkan oleh Kerajaan Negeri bahawa boleh dibuka dan mengikut undang-undang yang ada, mereka boleh menjual atau memiliki tanah itu. Tetapi kalau difikirkan bahawa terjejas kepentingan anak negeri/anak watan, dan tidak mampu untuk bersaing, untuk hendak membeli rumah pun tidak mampu kerana warganegara asing boleh menawarkan dengan lebih tinggi, maka Kerajaan Negeri di situ boleh menggunakan kuasanya menyekat.

Timbalan Yang di-Pertua: Cuba ringkaskan lagi Yang Berhormat Tuan Mohd. Noh.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Teritna kasih Tuan Yang di-Pertua. Nampaknya Tuan Yang di-Pertua sendiri pun hendak cepat balik.

Timbalan Yang di-Pertua: Cepat balik satu, tetapi jawapannya ringkas-ringkaslah.

Tuan Mohd. Noh bin Rajab: Tuan Yang di-Pertua, saya kena memberi penerangan **ini**, bukan sahaja untuk kepentingan Ahli-ahli Yang Berhormat ini tetapi juga mungkin kepentingan rakyat yang tidak ada di Dewan ini boleh memahami Rang Undang-undang yang baru dipinda **ini**. Dan selama **ini**, saya tengok Tuan Yang di-Pertua sungguh sabar untuk menunggu beberapa hari, seperti yang difahamkan kepada saya ~~semalam~~ semalam pun sampai pukul 7.00 lebih dan saya percaya Tuan Yang di-Pertua boleh membenarkan saya untuk mengambil masa **dua**, tiga minit sahaja lagi untuk mengupas perkara-perkara yang lain pula dengan seberapa ringkas yang boleh.

Pada pandangan Yang Berhormat Tuan Dahalan kita akan mengambil perimbangan dan pada pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang dua

orang lagi, kita juga akan mengambil pertimbangan dan mana-mana yang munasabah, kita percaya Kementerian akan mengambil langkah-langkah yang tertentu supaya ianya dapat memberi manfaat kepada perundangan. dan kepada negara keseluruhannya.

Saya dengan itu mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian.

Timbalan Yang di—Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan. masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa]

Fasal 1 hingga 77 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan,-

Timbalan Yang di-pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis mesyuarat dengan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh dan waktu yang tidak ditentukan lagi, dan akan ditentukan.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.50 malam.

